JUZU' KE-15
SURAH
AL-KAHFI

SURAH KE **18**

SURAH AL-KAHFI

Surah Gua

(Madaniyah)
Kecuali Ayat 28 dan dari Ayat 83 hingga akhir

JUMLAH AYAT **110**

**Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih**

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 27)

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ عَلَىٰ عَبْدِهِ ٱلْكِتَٰبَ وَلَمْ يَجْعَل لَّهُۥ عِوَجَا ۜ ﴿١﴾

قَيِّمًا لِّيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا ﴿٢﴾

مَّٰكِثِينَ فِيهِ أَبَدًا ﴿٣﴾

وَيُنذِرَ ٱلَّذِينَ قَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ وَلَدًا ﴿٤﴾

مَّا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِءَابَآئِهِمْ ۚ كَبُرَتْ كَلِمَةً تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَٰهِهِمْ ۚ إِن يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا ﴿٥﴾

فَلَعَلَّكَ بَٰخِعٌ نَّفْسَكَ عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِمْ إِن لَّمْ يُؤْمِنُوا۟ بِهَٰذَا ٱلْحَدِيثِ أَسَفًا ﴿٦﴾

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى ٱلْأَرْضِ زِينَةً لَّهَا لِنَبْلُوَهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ﴿٧﴾

وَإِنَّا لَجَٰعِلُونَ مَا عَلَيْهَا صَعِيدًا جُرُزًا ﴿٨﴾

أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَٰبَ ٱلْكَهْفِ وَٱلرَّقِيمِ كَانُوا۟ مِنْ ءَايَٰتِنَا عَجَبًا ﴿٩﴾

"Segala sanjungan terpulang kepada Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada hamba-Nya (Muhammad) dan tidak menjadikan padanya sebarang ajaran yang berbelit-belit(1). Sebuah kitab yang begitu lurus untuk menyampaikan amaran keseksaan yang amat keras dari sisi Allah dan menyampaikan berita gembira kepada para Mu'minin yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi pahala yang baik(2). Iaitu pahala Syurga, di mana mereka akan tinggal tetap untuk selama-lamanya(3). Dan untuk memberi amaran kepada orang-orang yang telah berkata bahawa Allah mempunyai anak(4). (Sebenarnya) mereka tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan mengenainya (perkataan itu) dan datuk nenek mereka juga tidak mempunyai ilmu pengetahuan. Alangkah besarnya kata-kata yang terkeluar dari mulut mereka sedangkan apa yang dikatakan mereka tidak lain melainkan hanya dusta semata-mata (5). Mungkin engkau hendak membunuh dirimu kerana dukacita terhadap kesan-kesan perbuatan mereka yang tidak mahu beriman kepada penerangan (Al-Qur'an) ini(6). Sesungguhnya Kami telah jadikan segala apa yang ada di bumi sebagai hiasan-hiasan yang indah dengan tujuan untuk Kami ujikan mereka siapakah di antara mereka yang lebih baik amalannya(7). Dan sesungguh-nya (ketika Qiamat kelak) Kami akan jadikan segala apa yang ada di atas bumi ini tanah rata yang keras dan tandus (8). Apakah engkau mengira kisah Ashabul-Kahfi dan ar-Raqim itu sahaja merupakan satu bukti yang mena'jubkan di antara bukti-bukti (kekuasaan) Kami yang lain?"(9).

إِذْ أَوَى ٱلْفِتْيَةُ إِلَى ٱلْكَهْفِ فَقَالُوا۟ رَبَّنَآ ءَاتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾

فَضَرَبْنَا عَلَىٰٓ ءَاذَانِهِمْ فِى ٱلْكَهْفِ سِنِينَ عَدَدًا ﴿١١﴾

ثُمَّ بَعَثْنَٰهُمْ لِنَعْلَمَ أَىُّ ٱلْحِزْبَيْنِ أَحْصَىٰ لِمَا لَبِثُوٓا۟ أَمَدًا ﴿١٢﴾

نَّحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِٱلْحَقِّ ۚ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا۟ بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَٰهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

وَرَبَطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا۟ فَقَالُوا۟ رَبُّنَا رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ لَن نَّدْعُوَا۟ مِن دُونِهِۦٓ إِلَٰهًا ۖ لَّقَدْ قُلْنَآ إِذًا شَطَطًا ﴿١٤﴾

هَٰٓؤُلَآءِ قَوْمُنَا ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً ۖ لَّوْلَا يَأْتُونَ

عَلَيْهِم بِسُلْطَٰنٍ بَيِّنٍ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا ﴿١٥﴾

وَإِذِ ٱعْتَزَلْتُمُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ إِلَّا ٱللَّهَ فَأْوُۥٓا۟ إِلَى ٱلْكَهْفِ يَنشُرْ لَكُمْ رَبُّكُم مِّن رَّحْمَتِهِۦ وَيُهَيِّئْ لَكُم مِّنْ أَمْرِكُم مِّرْفَقًا ﴿١٦﴾

وَتَرَى ٱلشَّمْسَ إِذَا طَلَعَت تَّزَٰوَرُ عَن كَهْفِهِمْ ذَاتَ ٱلْيَمِينِ وَإِذَا غَرَبَت تَّقْرِضُهُمْ ذَاتَ ٱلشِّمَالِ وَهُمْ فِى فَجْوَةٍ مِّنْهُ ذَٰلِكَ مِنْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ مَن يَهْدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلْمُهْتَدِ وَمَن يُضْلِلْ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ وَلِيًّا مُّرْشِدًا ﴿١٧﴾

وَتَحْسَبُهُمْ أَيْقَاظًا وَهُمْ رُقُودٌ وَنُقَلِّبُهُمْ ذَاتَ ٱلْيَمِينِ وَذَاتَ ٱلشِّمَالِ وَكَلْبُهُم بَٰسِطٌ ذِرَاعَيْهِ بِٱلْوَصِيدِ لَوِ ٱطَّلَعْتَ عَلَيْهِمْ لَوَلَّيْتَ مِنْهُمْ فِرَارًا وَلَمُلِئْتَ مِنْهُمْ رُعْبًا ﴿١٨﴾

"(Kenangilah) ketika pemuda-pemuda itu berlindung di sebuah gua lalu mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Kurniakan kami rahmat-Mu yang limpah dan sediakan untuk kami kemudahan dan taufiq dalam urusan kami(10). Lalu Kami pertidurkan mereka di dalam gua itu bertahun-tahun lamanya(11). Kemudian kami bangkitkan mereka dari tidur itu untuk Kami ujikan siapakah di antara dua golongan itu yang lebih tepat kiraannya tentang selama mana mereka tinggaldi sana(12). Kami mahu mengisahkan kepadamu cerita mereka yang sebenar. Mereka adalah sekumpulan pemuda-pemuda yang telah beriman kepada Allah Tuhan mereka dan kami telah menambahkan lagi hidayat kepada mereka(13). Dan Kami telah meneguhkan hati mereka ketika mereka bangkit lalu berkata: Tuhan kami ialah Tuhan yang memiliki langit dan bumi. Kami tidak akan menyembah tuhan yang lain dari-Nya. (Seandainya kami menyembah yang lain dari-Nya), bererti kami telah mengatakan satu penyelewengan yang amat jauh(14). Mereka adalah kaum kami yang telah menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Cubalah mereka buktikan (sifat ketuhanan) tuhan-tuhan yang lain itu dengan hujjah yang jelas. Tidak ada orang yang lebih zalim dari orang-orang yang melakukan pembohongan terhadap Allah(15). Dan oleh sebab kamu telah mengasingkan diri dari mereka dan dari sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah, maka (pergilah) kamu berlindung di dalam gua nescaya Allah Tuhan kamu menghamburkan rahmat-Nya ke atas kamu dan menyediakan pertolongan terhadap urusan kamu(16). Dan engkau dapat melihat apabila matahari naik di sebelah timur cahayanya menyimpang ke sebelah kanan gua dan apabila matahari membenam, cahayanya melampaui mereka ke sebelah kiri, sedangkan mereka berada di lapangan gua itu. Itulah di antara tanda-tanda kekuasaan Allah. Barang siapa yang dihidayatkan Allah, maka dialah orang yang mendapat hidayat yang sebenar, dan barang siapa yang telah disesatkannya nescaya engkau tidak akan mendapati sesiapa pun lagi yang sanggup menjadi pelindung yang memberi bimbingan kepadanya(17). Dan engkau mengira mereka sedang jaga, sedangkan mereka sebenarnya tidur nyenyak. Kami membalik-balikkan badan mereka sekali ke kanan dan sekali ke kiri, sedangkan anjing mereka menghulurkan dua kakinya ke depan di halaman pintu gua dan jika engkau melihat mereka tentulah engkau akan berpaling melarikan diri dan tentulah hatimu dipenuhi perasaan takut kepada mereka"(18).

وَكَذَٰلِكَ بَعَثْنَٰهُمْ لِيَتَسَآءَلُوا۟ بَيْنَهُمْ قَالَ قَآئِلٌ مِّنْهُمْ كَمْ لَبِثْتُمْ قَالُوا۟ لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ قَالُوا۟ رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ فَٱبْعَثُوٓا۟ أَحَدَكُم بِوَرِقِكُمْ هَٰذِهِۦٓ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ فَلْيَنظُرْ أَيُّهَآ أَزْكَىٰ طَعَامًا فَلْيَأْتِكُم بِرِزْقٍ مِّنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا ﴿١٩﴾

إِنَّهُمْ إِن يَظْهَرُوا۟ عَلَيْكُمْ يَرْجُمُوكُمْ أَوْ يُعِيدُوكُمْ فِى مِلَّتِهِمْ وَلَن تُفْلِحُوٓا۟ إِذًا أَبَدًا ﴿٢٠﴾

وَكَذَٰلِكَ أَعْثَرْنَا عَلَيْهِمْ لِيَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ وَأَنَّ ٱلسَّاعَةَ لَا رَيْبَ فِيهَآ إِذْ يَتَنَٰزَعُونَ بَيْنَهُمْ أَمْرَهُمْ فَقَالُوا۟ ٱبْنُوا۟ عَلَيْهِم بُنْيَٰنًا رَّبُّهُمْ أَعْلَمُ بِهِمْ قَالَ ٱلَّذِينَ غَلَبُوا۟ عَلَىٰٓ أَمْرِهِمْ لَنَتَّخِذَنَّ عَلَيْهِم مَّسْجِدًا ﴿٢١﴾

سَيَقُولُونَ ثَلَٰثَةٌ رَّابِعُهُمْ كَلْبُهُمْ وَيَقُولُونَ خَمْسَةٌ سَادِسُهُمْ كَلْبُهُمْ رَجْمًۢا بِٱلْغَيْبِ وَيَقُولُونَ سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ قُل رَّبِّىٓ أَعْلَمُ بِعِدَّتِهِم مَّا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا قَلِيلٌ فَلَا تُمَارِ فِيهِمْ إِلَّا مِرَآءً ظَٰهِرًا وَلَا تَسْتَفْتِ فِيهِم مِّنْهُمْ أَحَدًا ﴿٢٢﴾

وَلَا تَقُولَنَّ لِشَا۟ىْءٍ إِنِّى فَاعِلٌ ذَٰلِكَ غَدًا ﴿٢٣﴾

إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُۚ وَٱذۡكُر رَّبَّكَ إِذَا نَسِيتَ وَقُلۡ
عَسَىٰٓ أَن يَهۡدِيَنِ رَبِّي لِأَقۡرَبَ مِنۡ هَٰذَا رَشَدٗا ٢٤
وَلَبِثُواْ فِي كَهۡفِهِمۡ ثَلَٰثَ مِاْئَةٖ سِنِينَ وَٱزۡدَادُواْ
تِسۡعٗا ٢٥
قُلِ ٱللَّهُ أَعۡلَمُ بِمَا لَبِثُواْۖ لَهُۥ غَيۡبُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ
أَبۡصِرۡ بِهِۦ وَأَسۡمِعۡۚ مَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَلِيّٖ
وَلَا يُشۡرِكُ فِي حُكۡمِهِۦٓ أَحَدٗا ٢٦
وَٱتۡلُ مَآ أُوحِيَ إِلَيۡكَ مِن كِتَابِ رَبِّكَۖ لَا مُبَدِّلَ
لِكَلِمَٰتِهِۦ وَلَن تَجِدَ مِن دُونِهِۦ مُلۡتَحَدٗا ٢٧

"Dan demikianlah Kami telah membangkitkan mereka kembali supaya mereka bertanya sesama mereka. Ujar salah seorang dari mereka: Berapa lama kamu telah tidur? Jawab mereka: Kita telah tidur kira-kira sehari atau separuh hari. Ujar mereka: Allah Tuhan kamu sahaja yang lebih mengetahui berapa lama kamu telah tidur. Hantarkanlah seorang dari kamu ke bandar membawa wang perak kamu ini dan hendaklah dia carikan apa sahaja makanan yang baik dan bawakan kepada kamu sedikit rezeki darinya, tetapi hendaklah dia berhati-hati dan janganlah sekali-kali dia melakukan sesuatu yang boleh menyedarkan sesiapa pun terhadap rahsia kamu(19). Kerana jika mereka mengetahui rahsia kamu tentulah mereka akan merejamkan kamu sampai mati atau mereka memaksa kamu kembali kepada agama mereka. Dan kamu tidak akan mendapat keberuntungan untuk selama-lamanya(20). Dan demikianlah kami dedahkan hal mereka kepada orang ramai agar mereka mengetahui bahawa janji Allah (untuk menghidupkan manusia selepas mati) itu adalah benar dan bahawa Qiamat tetap berlaku tanpa sebarang keraguan lagi, (pendedahan itu berlaku) ketika orang ramai itu berbantah-bantahan sesama mereka tentang (apakah yang harus dibuat) terhadap pemuda-pemuda itu. Lalu mereka berkata: Dirikanlah sebuah bangunan di atas mereka. Tuhan mereka lebih mengetahui tentang hakikat mereka. Ujar orang-orang yang berkuasa dalam urusan mereka: Kami akan membina sebuah masjiddi atas mereka(21). Mereka (satu golongan Ahlil-Kitab) akan berkata bahawa jumlah mereka (Ashabul-Kahfi) tiga orang dan yang keempat ialah anjing mereka. Satu golongan pula berkata jumlah mereka lima orang dan yang keenam ialah anjing mereka semuanya meneka-neka perkara ghaib. Segolongan yang lain lagi berkata jumlah mereka tujuh orang dan yang kelapan ialah anjing mereka. Katakanlah: Tuhanku lebih mengetahui tentang bilangan mereka (yang sebenar) dan tiada yang mengetahui bilangan mereka melainkan hanya segelintir orang sahaja. Oleh itu janganlah engkau berdebat dengan mereka mengenai penghuni-penghuni gua itu kecuali perdebatan yang lahir sahaja dan janganlah engkau tanyakan seorang pun dari mereka mengenai penghuni-penghuni gua itu(22). Dan janganlah engkau berkata mengenai sesuatu (yang engkau kehendaki): Aku tetap melaksanakannya besok.(23). Melainkan disertai dengan menyebut"Insya' Allah", dan kenangkan Tuhanmu jika engkau terlupa dan berdo'alah: Semoga Allah memberi petunjuk kepadaku ke jalan yang lebih dekat dari ini(24). Mereka (pemuda-pemuda itu) tidur didalam gua mereka selama tiga ratus tahun (mengikut kiraan tahun Syamsiyah) dan mereka menambah sembilan tahun (mengikut kiraan tahun Qamariyah)(25). Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang lebih mengetahui selama mana mereka tidur (di dalam gua itu), kerana Dialah sahaja yang memiliki segala urusan ghaib di langit dan di bumi, alangkah jauh penglihatan dan pendengaran-Nya. Mereka tidak mempunyai sebarang penaung selain dari Allah dan Allah tidak pernah berkongsi dengan sesiapa pun dalam urusan pentadbiran-Nya(26). Dan bacalah apa yang telah Aku wahyukan kepadamu dari kitab suci Tuhanmu. Tiada siapa pun yang berkuasa mengubahkan kalimat-kalimat-Nya dan engkau tidak akan mendapat tempat perlindungan selain dari Allah"(27).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Kisah-kisah merupakan unsur yang dominan di dalam surah ini. Pada permulaannya diceritakan kisah Ashabul-Kahfi, kemudian kisah dua ladang, kemudian seimbas kisah Adam dan Iblis. Di tengah surah pula disebut kisah Musa dengan hamba Allah yang soleh dan pada akhirnya dimuatkan kisah Zul-Qarnayn. Kebanyakan ayat surah ini memperkatakan kisah-kisah tersebut, iaitu ia diceritakan dalam tujuh puluh satu ayat dari seratus sepuluh ayat. Kebanyakan ayat-ayat yang tinggal lagi itu merupakan ulasan atau kesimpulan terhadap kisah-kisah itu. Di samping kisah-kisah itu ditayangkan pula beberapa pemandangan Qiamat dan beberapa pemandangan hidup yang menggambarkan sesuatu gagasan atau konsep mengikut cara Al-Qur'an yang mengungkapkan sesuatu dengan ilustrasi.

Yang menjadi paksi yang mengikatkan maudhu'-maudhu' pembicaraan surah ini dan membuat seluruh penerangannya berlegar di sekelilingnya ialah pembetulan 'aqidah, pembetulan methodologi berfikir dan pembetulan nilai-nilai dengan neraca 'aqidah ini.

Pembetulan 'aqidah itu dijelaskan di awal dan di akhir surah.

Penjelasan di awal surah ialah:

ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ عَلَىٰ عَبۡدِهِ ٱلۡكِتَٰبَ وَلَمۡ يَجۡعَل
لَّهُۥ عِوَجَاۜ ١
قَيِّمٗا لِّيُنذِرَ بَأۡسٗا شَدِيدٗا مِّن لَّدُنۡهُ وَيُبَشِّرَ
ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعۡمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمۡ
أَجۡرًا حَسَنٗا ٢
مَّٰكِثِينَ فِيهِ أَبَدٗا ٣

وَيُنذِرَ ٱلَّذِينَ قَالُواْ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ وَلَدًا ﴿٤﴾ مَّا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِءَابَآئِهِمْ كَبُرَتْ كَلِمَةً تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَٰهِهِمْ إِن يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا ﴿٥﴾

"Segala sanjungan terpulang kepada Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada hamba-Nya (Muhammad) dan tidak menjadikan padanya sebarang ajaran yang berbelit-belit(1). Sebuah kitab yang begitu lurus untuk menyampaikan amaran keseksaan yang amat keras dari sisi Allah dan menyampaikan berita gembira kepada para Mu'minin yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi pahala yang baik(2). Iaitu pahala Syurga, di mana mereka akan tinggal tetap untuk selama-lamanya(3). Dan untuk memberi amaran kepada orang-orang yang telah berkata bahawa Allah mempunyai anak(4). (Sebenarnya) mereka tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan mengenainya (perkataan itu) dan datuk nenek mereka, juga tidak mempunyai ilmu pengetahuan. Alangkah besarnya kata-kata yang terkeluar dari mulut mereka, sedangkan apa yang dikatakan mereka tidak lain melainkan hanya dusta semata-mata."(5)

Penjelasan di akhir surah ialah:

قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ فَمَن كَانَ يَرْجُواْ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَٰلِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدًۢا ﴿١١٠﴾

"Katakanlah: Aku hanya seorang manusia seperti kamu sahaja yang telah diwahyukan kepadaku bahawa Allah Tuhan kamu itu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu barang siapa yang mengharapkan pertemuan dengan Tuhannya, maka hendaklah dia mengerjakan amalan yang soleh dan janganlah dia mempersekutukan Allah dengan seseorang pun dalam ibadat kepada Tuhannya."(110)

Demikianlah permulaan dan penghabisan surah ini turut sama mengumumkan 'aqidah Wahdaniyah dan menolak 'aqidah syirik, menthabitkan wahyu dan menggariskan perbezaan yang mutlak di antara zat Ilahiyah dengan zat-zat makhluk yang baru.

Maudhu' ini sering kali disentuh oleh surah ini dengan berbagai-bagai cara dan gaya. Misalnya di dalam kisah Ashabul-Kahfi, pemuda-pemuda yang beriman kepada Allah itu, berkata:

وَرَبَطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُواْ فَقَالُواْ رَبُّنَا رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ لَن نَّدْعُوَاْ مِن دُونِهِۦٓ إِلَٰهًا لَّقَدْ قُلْنَآ إِذًا شَطَطًا ﴿١٤﴾

"Tuhan kami ialah Tuhan yang memiliki langit dan bumi. Kami tidak akan menyembah tuhan yang lain dari-Nya. (Seandainya kami menyembah yang lain darinya) bererti kami telah mengatakan satu kepercayaan penyelewengan yang amat jauh."(14)

مَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَلِىٍّ وَلَا يُشْرِكُ فِى حُكْمِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٦﴾

"Mereka tidak mempunyai sebarang penaung selain dari Allah dan Allah tidak pernah berkongsi dengan sesiapa pun dalam urusan pentadbiran-Nya."(26)

Di dalam kisah dua ladang pula lelaki yang beriman berkata kepada temannya ketika dia berbual-bual dengannya:

أَكَفَرْتَ بِٱلَّذِى خَلَقَكَ مِن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّىٰكَ رَجُلًا ﴿٣٧﴾

"Apakah engkau tidak percaya lagi kepada Tuhan yang telah menciptakan engkau dari tanah kemudian dari nutfah kemudian dia menjadikan engkau seorang lelaki (yang sempurna)."(37)

لَّٰكِنَّا۠ هُوَ ٱللَّهُ رَبِّى وَلَآ أُشْرِكُ بِرَبِّىٓ أَحَدًا ﴿٣٨﴾

"Tetapi bagi kami Allah itulah Tuhanku dan aku tidak sekali-kali mempersekutukan Tuhanku dengan sesiapa pun."(38)

Di dalam kesimpulan kisah ini ia menyebut:

وَلَمْ تَكُن لَّهُۥ فِئَةٌ يَنصُرُونَهُۥ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَمَا كَانَ مُنتَصِرًا ﴿٤٣﴾

"Dan tiada satu kumpulan manusia pun yang dapat menolongnya selain dari Allah dan dia juga tidak dapat membela dirinya sendiri."(43)

هُنَالِكَ ٱلْوَلَٰيَةُ لِلَّهِ ٱلْحَقِّ هُوَ خَيْرٌ ثَوَابًا وَخَيْرٌ عُقْبًا ﴿٤٤﴾

"Di sana seluruh kuasa memberi perlindungan hanya menjadi milik Allah Yang Maha Benar sahaja. Dialah sebaik-baik pemberi ganjaran dan sebaik-baik pemberi balasan."(44)

Di dalam sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat ia menyebut:

وَيَوْمَ يَقُولُ نَادُواْ شُرَكَآءِىَ ٱلَّذِينَ زَعَمْتُمْ فَدَعَوْهُمْ فَلَمْ يَسْتَجِيبُواْ لَهُمْ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُم مَّوْبِقًا ﴿٥٢﴾

"Dan (kenangilah) pada hari Allah berfirman: Panggillah sekalian sekutu-sekutuku yang telah kamu dakwakan itu. Lalu mereka pun memanggil mereka, tetapi sekutu-sekutu itu tidak menyahuti panggilan mereka. Dan Kami telah jadikan di antara mereka satu tempat kebinasaan (yang dahsyat)."(52)

Di dalam satu ulasan mengenai sebuah pemandangan Qiamat yang lain ia menyebut:

أَفَحَسِبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَن يَتَّخِذُواْ عِبَادِى مِن دُونِىٓ أَوْلِيَآءَ إِنَّآ أَعْتَدْنَا جَهَنَّمَ لِلْكَٰفِرِينَ نُزُلًا ﴿١٠٢﴾

"Apakah orang-orang yang kafir itu menyangka bahawa mereka boleh mengambil hamba-hamba-Ku sebagai

pelindung-pelindung selain dariKu, sesungguhnya Kami telah pun menyediakan Neraka Jahannam kepada orang-orang yang kafir sebagai tempat keraian."(102)

* * * * * *

Pembetulan methodologi berfikir dapat dilihat dalam penerangan-penerangan yang mengecam dakwaan-dakwaan kaum Musyrikin yang memperkatakan sesuatu yang tidak diketahui mereka, dan mereka tidak mengemukakan sebarang hujjah terhadap fikiran yang dikatakan mereka, juga dapat dilihat pada arahan yang ditujukan kepada manusia supaya menghukumkan sesuatu mengikut apa yang diketahuinya sahaja dan tidak melebihi dari itu, dan segala perkara yang tidak diketahuinya, maka hendaklah diserahkannya kepada Allah.

Di permulaan surah ia menyebut:

وَيُنذِرَ ٱلَّذِينَ قَالُواْ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ وَلَدًا ﴿٤﴾

"Dan untuk memberi amaran kepada orang-orang yang telah berkata bahawa Allah mempunyai anak."(4)

مَّا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِآبَآئِهِمْ

"(Sebenarnya) mereka tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan mengenainya (perkataan itu) dan datuk nenek mereka juga tidak mempunyai ilmu pengetahuan."(5)

Pemuda-pemuda Ashabul-Kahfi berkata:

هَٰٓؤُلَآءِ قَوْمُنَا ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً ۖ لَّوْلَا يَأْتُونَ عَلَيْهِم بِسُلْطَٰنٍۭ بَيِّنٍ ۖ

"Mereka adalah kaum kami yang telah menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Cubalah mereka buktikan (sifat ketuhanan) tuhan-tuhan yang lain itu dengan hujjah yang jelas."(15)

Ketika pemuda-pemuda itu tertanya-tanya satu sama lain tentang selama mana mereka tidur di gua itu mereka memulangkan perkara itu kepada ilmu Allah:

قَالُواْ رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ

"Ujar mereka: Allah Tuhan kamu sahaja yang lebih mengetahui berapa lama kamu telah tidur."(19)

Di tengah kisah itu Allah mengecam mereka yang memperkatakan tentang bilangan penghuni gua itu secara meraba-raba di dalam urusan ghaib:

سَيَقُولُونَ ثَلَٰثَةٌ رَّابِعُهُمْ كَلْبُهُمْ وَيَقُولُونَ خَمْسَةٌ سَادِسُهُمْ كَلْبُهُمْ رَجْمًۢا بِٱلْغَيْبِ ۖ وَيَقُولُونَ سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ ۚ قُل رَّبِّىٓ أَعْلَمُ بِعِدَّتِهِم مَّا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا قَلِيلٌ ۗ فَلَا تُمَارِ فِيهِمْ إِلَّا مِرَآءً ظَٰهِرًا وَلَا تَسْتَفْتِ فِيهِم مِّنْهُمْ أَحَدًا ﴿٢٢﴾

"Mereka (satu golongan Ahlil-Kitab) akan berkata bahawa jumlah mereka (Ashabul-Kahfi) tiga orang dan yang keempat ialah anjing mereka. Satu golongan pula berkata jumlah mereka lima orang dan yang keenam ialah anjing mereka semuanya meneka-neka perkara ghaib. Segolongan yang lain lagi berkata jumlah mereka tujuh orang dan yang kelapan ialah anjing mereka. Katakanlah: Tuhanku lebih mengetahui tentang bilangan mereka (yang sebenar) dan tiada yang mengetahui bilangan mereka melainkan hanya segelintir orang sahaja. Oleh itu janganlah engkau berdebat dengan mereka mengenai penghuni-penghuni gua itu kecuali perdebatan yang lahir sahaja dan janganlah engkau tanyakan seorang pun dari mereka mengenai penghuni-penghuni gua itu."(22)

Dan di dalam kisah Musa dengan hamba Allah yang soleh ketika dia menerangkan kepada beliau rahsia tindakan-tindakannya yang dikritik oleh beliau katanya:

رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ ۚ وَمَا فَعَلْتُهُۥ عَنْ أَمْرِى ۚ

"Sebagai rahmat dari Tuhanmu. Dan aku tidak lakukan semuanya ini mengikut fikiranku sendiri."(82)

Di sini hamba Allah yang soleh itu menyerahkan tindakan-tindakannya kepada Allah.

* * * * * *

Pembetulan nilai-nilai dengan menggunakan neraca 'aqidah telah disebut di berbagai-bagai tempat yang berasingan, di mana nilai-nilai yang haqiqi dikembalikan kepada keimanan dan amalan yang soleh, dan seluruh nilai-nilai duniawi yang lain yang menarik pemandangan manusia adalah kecil dan kerdil belaka.

Seluruh hiasan dan keindahan di muka bumi adalah diciptakan Allah untuk ujian dan dugaan, dan semuanya berakhir dengan kemusnahan belaka:

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى ٱلْأَرْضِ زِينَةً لَّهَا لِنَبْلُوَهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ﴿٧﴾ وَإِنَّا لَجَٰعِلُونَ مَا عَلَيْهَا صَعِيدًا جُرُزًا ﴿٨﴾

"Sesungguhnya Kami telah jadikan segala apa yang ada di bumi sebagai hiasan-hiasan yang indah dengan tujuan untuk Kami ujikan mereka siapakah di antara mereka yang lebih baik amalannya(7). Dan sesungguhnya (ketika Qiamat kelak) Kami akan jadikan segala apa yang ada di atas bumi ini tanah rata yang keras dan tandus."(8)

Naungan Allah itu amat luas dan lapang walaupun seseorang itu berlindung di sebuah gua yang kasar dan sempit. Pemuda-pemuda yang beriman yang menjadi penghuni-penghuni gua itu berkata setelah mereka mengasingkan diri dari kaum mereka:

وَإِذِ ٱعْتَزَلْتُمُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ إِلَّا ٱللَّهَ فَأْوُۥٓا۟ إِلَى

ٱلْكَهْفِ يَنشُرْ لَكُمْ رَبُّكُم مِّن رَّحْمَتِهِۦ وَيُهَيِّئْ
لَكُم مِّنْ أَمْرِكُم مِّرْفَقًا ﴿١٦﴾

"Dan oleh sebab kamu telah mengasingkan diri dari mereka dan dari sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah, maka (pergilah) kamu berlindung di dalam gua nescaya Allah Tuhan kamu menghamburkan rahmat-Nya ke atas kamu dan menyediakan pertolongan terhadap urusan kamu."(16)

Allah mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya menetapkan dirinya bersahabat setia dengan orang-orang yang beriman tanpa menghiraukan kesenangan hidup dunia dan keindahannya dan tanpa mempedulikan pencinta-pencinta hidup dunia yang lalai dari Allah:

وَٱصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ
وَٱلْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ ۖ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ
تُرِيدُ زِينَةَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُۥ
عَن ذِكْرِنَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ وَكَانَ أَمْرُهُۥ فُرُطًا ﴿٢٨﴾

"Dan tetapkan dirimu bersama orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana hendak mendapat keredhaan-Nya. Dan janganlah kedua matamu menjauhkan pandangannya dari mereka kerana berkehendak kepada kesenangan hidup dunia, dan janganlah engkau tunduk kepada kehendak orang yang telah kami lalaikan hatinya dari mengingati kami serta mengikut hawa nafsunya dan seluruh tindak-tanduknya melampaui belaka."(28)

وَقُلِ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ ۖ فَمَن شَآءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَآءَ
فَلْيَكْفُرْ ۚ

"Katakanlah: Kebenaran itu adalah datang dari Allah Tuhan kamu, sesiapa yang mahukan keimanan dia boleh beriman dan sesiapa yang mahu kekufuran dia boleh kufur."(29)

Kisah dua buah ladang menggambarkan bagaimana seorang yang beriman itu lebih berbangga dengan keimanannya dari harta kekayaan, pangkat kebesaran dan kesenangan hidup dunia, dan bagaimana dia menghadapi rakannya yang angkuh dan sombong terhadap kebenaran dan mengecamkannya kerana lupakan Allah:

قَالَ لَهُۥ صَاحِبُهُۥ وَهُوَ يُحَاوِرُهُۥٓ أَكَفَرْتَ بِٱلَّذِى خَلَقَكَ
مِن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّىٰكَ رَجُلًا ﴿٣٧﴾
لَّٰكِنَّا۠ هُوَ ٱللَّهُ رَبِّى وَلَآ أُشْرِكُ بِرَبِّىٓ أَحَدًا ﴿٣٨﴾
وَلَوْلَآ إِذْ دَخَلْتَ جَنَّتَكَ قُلْتَ مَا شَآءَ ٱللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا
بِٱللَّهِ ۚ إِن تَرَنِ أَنَا۠ أَقَلَّ مِنكَ مَالًا وَوَلَدًا ﴿٣٩﴾
فَعَسَىٰ رَبِّىٓ أَن يُؤْتِيَنِ خَيْرًا مِّن جَنَّتِكَ وَيُرْسِلَ عَلَيْهَا
حُسْبَانًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فَتُصْبِحَ صَعِيدًا زَلَقًا ﴿٤٠﴾
أَوْ يُصْبِحَ مَآؤُهَا غَوْرًا فَلَن تَسْتَطِيعَ لَهُۥ طَلَبًا ﴿٤١﴾

"Lalu temannya berkata kepadanya ketika dia berdialog dengannya: Apakah engkau tidak percaya lagi kepada Tuhan yang telah menciptakan engkau dari tanah kemudian dari nutfah kemudian Dia menjadikan engkau seorang lelaki (yang sempurna)?(37). Tetapi bagi kami Allah itulah Tuhanku dan aku tidak sekali-kali mempersekutukan Tuhanku dengan sesiapa pun(38). Sepatutnya engkau berkata sewaktu engkau memasuki ladang engkau tadi: Masya' Allah (semuanya ini adalah kurnia yang telah dikehendaki Allah) tiada daya upaya (bagiku) melainkan dengan pertolongan Allah. Jika engkau memandang aku mempunyai harta kekayaan dan anak pinak yang lebih sedikit dari-Mu(39). Maka aku harap semoga Tuhanku mengurniakan satu ni'mat yang lebih baik dari ladangmu dan menimpakannya dengan satu bencana dari langit hingga menyebabkan ladang-ladang itu menjadi tanah yang tandus licin(40). Atau air sungai ladang itu menjadi kering ditelan bumi menyebabkan engkau tidak akan dapat mencarinya lagi."(41)

Dan selepas kisah ini Al-Qur'an mengemukakan satu perbandingan mengenai kehidupan dunia yang indah dan bagaimana cepatnya ia hilang dan musnah setelah ia berkembang dengan gemilangnya.

وَٱضْرِبْ لَهُم مَّثَلَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا كَمَآءٍ أَنزَلْنَٰهُ مِنَ
ٱلسَّمَآءِ فَٱخْتَلَطَ بِهِۦ نَبَاتُ ٱلْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا
تَذْرُوهُ ٱلرِّيَٰحُ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ مُّقْتَدِرًا ﴿٤٥﴾

"Dan berilah satu perbandingan tentang kehidupan dunia. Ia laksana air yang Kami turunkan dari langit lalu tumbuhlah aneka tumbuhan bumi yang bersebati dengannya, kemudian ianya menjadi kering dan hancur ditiup angin dan Allah adalah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(45)

Kemudian Al-Qur'an iringi dengan satu kesimpulan yang menerangkan nilai-nilai yang musnah dan nilai-nilai yang kekal abadi:

ٱلْمَالُ وَٱلْبَنُونَ زِينَةُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَٱلْبَٰقِيَٰتُ
ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيْرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا ﴿٤٦﴾

"Harta kekayaan dan anak pinak adalah hiasan kehidupan dunia, sedangkan amalan-amalan soleh yang kekal adalah lebih baik di sisi Allah Tuhanmu dari segi balasan dan lebih baik dari segi harapan."(46)

Zul-Qarnayn tidak disebut kerana beliau seorang raja, tetapi beliau disebut kerana amalan-amalannya yang soleh. Ketika satu kaum yang ditemui beliau tinggal di antara dua tembok itu menawarkan kepada beliau supaya beliau membina sebuah tembok untuk

melindungi mereka dari serangan Ya'juj dan Ma'juj dengan upahan sekian banyak harta, beliau telah menolak upahan itu kerana kedudukan beliau yang kuat yang telah dikurniakan Allah kepadanya adalah lebih baik dari harta mereka.

قَالَ مَا مَكَّنِّي فِيهِ رَبِّي خَيْرٌ

"Ujar Zul-Qarnayn: Ni'mat kedudukan yang kuat yang dikurniakan Tuhanku kepadaku itu adalah lebih baik (dari bayaran upahan)."(95)

Apabila pembinaan tembok itu selesai beliau memulangkan perkara itu kepada Allah bukannya kepada kekuatan beliau sebagai manusia:

قَالَ هَٰذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّي ۖ فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءَ ۖ وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا ﴿٩٨﴾

"Ujar Zul-Qarnayn: (Tembok) ini adalah rahmat dari Tuhanku. Dan apabila tiba janji Tuhanku Dia akan jadikannya hancur lebur, dan sesungguhnya janji Tuhanku itu adalah benar."(98)

Pada penghabisan surah ini Al-Qur'an menjelaskan bahawa manusia yang paling rugi dan sia-sia amalannya ialah orang-orang yang tidak percaya kepada ayat-ayat Allah dan kepada pertemuan dengan-Nya. Merekalah manusia yang tidak mendapat sebarang pertimbangan dan penilaian dari Allah walaupun mereka menyangka bahawa mereka telah melaksanakan kerja-kerja yang baik:

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُم بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا ﴿١٠٣﴾

الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَلِقَائِهِ فَحَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فَلَا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَزْنًا ﴿١٠٥﴾

"Katakanlah: Adakah kamu suka Kami memberitahu kepada kamu tentang orang-orang yang paling rugi amalan-amalannya(103). Iaitu orang-orang yang sia-sia segala usaha mereka dalam kehidupan dunia, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka telah melakukan amalan-amalan yang baik(104). Merekalah orang-orang yang tidak mempercayai ayat-ayat Allah Tuhan mereka dan pertemuan mereka dengan-Nya lalu sia-sialah amalan-amalan mereka, oleh itu Kami tidak akan memberi apa-apa penilaian terhadap mereka."(105)

Demikianlah kita dapati bahawa yang menjadi paksi maudhu'-maudhu' pembicaraan surah ini ialah pembetulan 'aqidah, pembetulan methodologi berfikir dan pembetulan nilai-nilai dengan menggunakan neraca 'aqidah.

* * * * * *

Penerangan-penerangan surah ini berlegar di sekitar maudhu'-maudhu' yang pokok ini dalam empat pusingan yang berturut-turut.

Surah ini dimulai dengan memuji Allah S.W.T. yang telah menurunkan kitab suci kepada hamba-Nya untuk menyampaikan amaran dan berita gembira, iaitu menyampaikan berita gembira kepada orang-orang yang beriman dan menyampaikan amaran kepada orang-orang yang berkata bahawa Allah itu mempunyai anak. Kemudian menjelaskan bahawa segala hiasan dan keindahan di atas muka bumi ini adalah untuk ujian dan dugaan. Segala-galanya itu pada akhirnya akan hilang dan musnah belaka. Kemudian diiringi dengan kisah Ashabul-Kahfi. Kisah ini merupakan satu contoh pengutamaan iman dari keindahan hidup dunia yang palsu dan bagaimana kesanggupan mereka berlindung pada rahmat Allah di dalam sebuah gua kerana menyelamatkan keimanan mereka dari diganggu gugat.

Pusingan yang kedua dimulai dengan memerintah Rasulullah s.a.w. supaya menetapkan dirinya bersahabat setia dengan orang-orang yang patuh berdo'a kepada Allah Tuhan mereka pagi dan petang untuk mencari keredhaan-Nya dan supaya jangan memperdulikan orang-orang yang lalai dari menyebut Allah. Kemudian diceritakan pula kisah dua buah ladang yang menggambarkan bagaimana kebanggaan hati seorang yang beriman kepada Allah dan bagaimana dia memandang kecil kepada segala nilai-nilai keduniaan. Setelah itu pusingan ini ditamatkan dengan menjelaskan nilai-nilai haqiqi yang kekal abadi.

Pusingan yang ketiga mengandungi beberapa pemandangan yang berhubung rapat dengan pemandangan-pemandangan Qiamat yang diselingi dengan imbasan kisah Adam dan Iblis. Kemudian ia berakhir dengan penjelasan mengenai Sunnatullah yang tetap membinasakan orang-orang yang zalim, juga tentang rahmat Allah dan tangguhan 'azab-Nya terhadap orang-orang yang berdosa sehingga kepada masa yang tertentu.

Kisah Musa a.s. dengan hamba yang soleh dimuatkan dalam pusingan yang keempat sementara kisah Zul-Qarnayn dimuat di dalam pusingan yang kelima.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan penerangan yang sama dengan penerangan di permulaan surah iaitu penerangan yang menyampaikan berita gembira kepada orang-orang yang beriman dan amaran kepada orang-orang yang kafir di samping menthabitkan wahyu dan membersihkan Allah dari syirik.

Marilah kita huraikan pusingan pertama dengan terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 8)

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ عَلَىٰ عَبْدِهِ ٱلْكِتَٰبَ وَلَمْ يَجْعَل
لَّهُۥ عِوَجَا ۜ ﴿١﴾
قَيِّمًا لِّيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ
أَجْرًا حَسَنًا ﴿٢﴾
مَّٰكِثِينَ فِيهِ أَبَدًا ﴿٣﴾
وَيُنذِرَ ٱلَّذِينَ قَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ وَلَدًا ﴿٤﴾
مَّا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِءَابَآئِهِمْ ۚ كَبُرَتْ كَلِمَةً
تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَٰهِهِمْ ۚ إِن يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا ﴿٥﴾
فَلَعَلَّكَ بَٰخِعٌ نَّفْسَكَ عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِمْ إِن لَّمْ يُؤْمِنُوا۟
بِهَٰذَا ٱلْحَدِيثِ أَسَفًا ﴿٦﴾
إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى ٱلْأَرْضِ زِينَةً لَّهَا لِنَبْلُوَهُمْ أَيُّهُمْ
أَحْسَنُ عَمَلًا ﴿٧﴾
وَإِنَّا لَجَٰعِلُونَ مَا عَلَيْهَا صَعِيدًا جُرُزًا ﴿٨﴾

"Segala sanjungan terpulang kepada Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada hamba-Nya (Muhammad) dan tidak menjadikan padanya sebarang ajaran yang berbelit-belit(1). Sebuah kitab yang begitu lurus untuk menyampaikan amaran keseksaan yang amat keras dari sisi Allah dan menyampaikan berita gembira kepada para Mu'minin yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi pahala yang baik(2). Iaitu pahala Syurga, di mana mereka akan tinggal tetap untuk selama-lamanya(3). Dan untuk memberi amaran kepada orang-orang yang telah berkata bahawa Allah mempunyai anak(4). (Sebenarnya) mereka tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan mengenainya (perkataan itu) dan datuk nenek mereka juga tidak mempunyai ilmu pengetahuan. Alangkah besar kata-kata yang terkeluar dari mulut mereka sedangkan apa yang dikatakan(5). Mungkin engkau hendak membunuh dirimu kerana dukacita terhadap kesan-kesan perbuatan mereka yang tidak mahu beriman kepada Al-Qur'an ini(6). Sesungguhnya Kami telah jadikan segala apa yang ada di bumi sebagai hiasan-hiasan yang indah dengan tujuan untuk Kami ujikan mereka siapakah di antara mereka yang lebih baik amalannya(7). Dan sesungguhnya (ketika Qiamat kelak) Kami akan jadikan segala apa yang ada di atas bumi ini tanah rata yang keras dan tandus."(8)

Ayat permulaan mengandungi penonjolan sifat lurus dan tegas di samping memuji Allah yang telah menurunkan kitab suci Al-Qur'an kepada hamba-Nya yang membawa, ajaran yang lurus tanpa berbelit-belit dan menyeleweng dan tanpa bertujuan mengambil hati sesiapa, malah bertujuan:

لِّيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن لَّدُنْهُ

"Untuk menyampaikan amaran keseksaan yang amat keras dari sisi Allah."(2)

Dari ayat pertama lagi sudah ternyata garis-garis sifatnya yang jelas, iaitu tidak ada sebarang kekeliruan dan kesamaran di dalam 'aqidah. Allahlah yang telah menurunkan Al-Qur'an ini dan segala sanjungan terpulang kepada-Nya yang telah menurunkannya. Muhammad itulah yang dimaksudkan dengan hamba Allah. Seluruh makhluk insan adalah hamba Allah belaka dan Allah sama sekali tidak mempunyai anak dan tidak pula mempunyai sekutu.

Al-Qur'an tidak membawa sebarang ajaran yang berbelit-belit. Ajarannya adalah:

قَيِّمًا

"Sebuah kitab yang begitu lurus."(2)

Konsep kelurusan Al-Qur'an ini sekali dinyatakan dengan ungkapan yang menafikan sifat yang berbelit-belit, dan sekali pula dengan ungkapan yang menegaskan sifat kelurusan itu sendiri untuk menguat dan menekankan konsep kelurusan ini.

Tujuan diturunkan kitab suci Al-Qur'an itu amat jelas sekali iaitu:

لِّيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ
أَجْرًا حَسَنًا ﴿٢﴾

"Untuk menyampaikan amaran keseksaan yang amat keras dari sisi Allah dan menyampaikan berita gembira kepada para Mu'minin yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi pahala yang baik."(2)

Suasana amaran yang keras itu menyelubungi seluruh penerangan ayat itu. Mula-mula amaran itu dibuat secara umum iaitu:

لِّيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن لَّدُنْهُ

"Untuk menyampaikan amaran keseksaan yang amat keras dari sisi Allah"(2)

kemudian ia kembali pula membuat amaran secara khusus:

وَيُنذِرَ ٱلَّذِينَ قَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ وَلَدًا ﴿٤﴾

"Dan untuk memberi amaran kepada orang-orang yang telah berkata bahawa Allah mempunyai anak."(4)

Dan di antara dua amaran itu diselitkan penyampaian berita kepada orang-orang yang beriman:

الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ

"Yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh."(2)

Sifat inilah yang menjadikan iman itu mempunyai bukti-bukti amali yang ketara yang bersandarkan realiti yang kuat.

Kemudian Al-Qur'an mula menjelaskan methodologi yang salah digunakan oleh mereka dalam memutus dan menilaikan persoalan yang paling besar dan penting, iaitu persoalan 'aqidah:

مَّا لَهُم بِهِ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِآبَائِهِمْ

"(Sebenarnya) mereka tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan mengenainya (perkataan itu) dan datuk nenek mereka juga tidak mempunyai ilmu."(5)

Alangkah keji dan buruknya perbuatan mereka meluahkan perkataan ini tanpa berpedomankan ilmu pengetahuan, malah secara serampangan sahaja:

كَبُرَتْ كَلِمَةً تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ إِن يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا ﴿٥﴾

"Alangkah besar kata-kata yang terkeluar dari mulut mereka sedangkan apa yang dikatakan mereka tidak lain melainkan hanya dusta semata-mata."(5)

Semua kata-kata di dalam susunan ungkapan ini dan semua bunyinya dalam pertuturan adalah turut bekerjasama membesar-besarkan kejelikan perkataan yang diucapkan mereka. Ia dimulakan dengan kata-kata ((كبرت)) - *"Alangkah besar...(5)"* untuk mengemukakan kepada pendengar betapa besarnya kejelikan perkataan itu hingga memenuhi suasana. Kemudian ia menjadikan kalimat (perkataan yang besar) itu sebagai tamyiz (kata penjelasan mengikut kaedah ilmu nahu) iaitu ((كبرت كلمة)) - *"Alangkah besarnya kata-kata....(5)"* untuk menambahkan tekanan bagi menarik perhatian mereka. Ia menjadikan perkataan itu terlancar keluar dari mulut mereka secara serampangan dan terburu-buru ((تخرج من أفواههم)) - *"Terkeluar dari mulut mereka.(5)".*

Kata-kata "أفواههم" memberi sumbangan dengan bunyinya yang istimewa dalam membesarkan kejelikan kata-kata itu diluahkan mereka, kerana orang yang melafazkan kata-kata "أفواههم" itu akan membuka mulutnya membunyikan mad pada potongan pertamanya "afwa...." kemudian membunyikan dua Ha'nya yang berturut-turut menyebabkan seluruh mulutnya dipenuhi dua Ha'(ه) itu sebelum ditutupkannya kerana membunyikan huruf Mim(م) di akhir kata-kata itu "أفواههم". Dengan itu seluruh susunan rangkaian ayat ini dengan bunyi kata-katanya turut serta dalam menggambarkan maksud dan melukiskan suasana. Kemudian diiringi dengan sebuah pernyataan yang tegas melalui penafian "القفني" dan pengecualian "الإستثناء":

"Sedangkan apa yang dikatakan mereka tidak lain melainkan hanya dusta semata-mata."(5)

Ia memilih kata-kata "إن" bukan kata-kata "ما" kerana kata-kata pertama mempunyai bunyi mati yang keras dan jelas, sedangkan kata-kata "ma"(ما) mempunyai bunyi yang agak lembut dengan sebab mad. Tujuan pemilihan itu untuk menambahkan kekerasan kecaman itu dan menambahkan ketegasan pembohongan perkataan yang amat besar itu.

* * * * * *

Dengan ungkapan yang seakan-akan menegur, Allah berbicara dengan Rasulullah s.a.w. yang sedang merasasedih kerana kaumnya mendustakan Al-Qur'an, menolak hidayat dan memilih jalan yang diketahui oleh beliau sebagai jalan yang akan membawa mereka kepada kebinasaan.... dengan ungkapan yang seakan-akan menegur, Allah berfirman kepada Rasulullah s.a.w.:

فَلَعَلَّكَ بَاخِعٌ نَّفْسَكَ عَلَىٰ آثَارِهِمْ إِن لَّمْ يُؤْمِنُوا بِهَٰذَا الْحَدِيثِ أَسَفًا ﴿٦﴾

"Mungkin engkau hendak membunuh dirimu kerana dukacita terhadap kesan-kesan perbuatan mereka yang tidak mahu beriman kepada Al-Qur'an ini."(6)

Maksudnya, boleh jadi engkau hendak membunuh dirimu kerana sedih dan dukacita terhadap mereka yang tidak beriman kepada Al-Qur'an, sedangkan mereka tidak wajar dukacitakan engkau, malah tinggalkan mereka begitu, kerana kami telah menjadikan seluruh keindahan dan keni'matan yang ada di muka bumi ini termasuk harta kekayaan dan anak-anak untuk menguji penghuni-penghuninya supaya ternyata siapakah di antara mereka yang melakukan amalan-amalan yang baik di dunia ini dan wajar menerima ni'mat-ni'matnya sebagaimana mereka wajar pula menerima ni'mat di Akhirat kelak:

"Sesungguhnya Kami telah jadikan segala apa yang ada di bumi sebagai hiasan-hiasan yang indah dengan tujuan untuk Kami ujikan mereka siapakah di antara mereka yang lebih baik amalannya."(7)

Dan hanya Allah sahaja yang mengetahui (siapakah mereka?), tetapi Allah tetap membalas setiap perbuatan dan amalan yang telah dilakukan oleh para hamba-Nya dalam hidup dunia ini.

Al-Qur'an tidak menyebut apa-apa tentang mereka yang tidak mengerjakan amalan-amalan yang baik kerana pengertian yang dapat difaham dari ungkapan ini amat jelas.

Kesudahan keindahan dan hiasan hidup dunia ini telah pun ditentukan, iaitu bumi akan kembali kosong darinya dan seluruh penghuninya akan binasa dan bumi akan jadi tandus, gersang, kasar dan kering kontang menjelang hari Qiamat.

وَإِنَّا لَجَٰعِلُونَ مَا عَلَيۡهَا صَعِيدٗا جُرُزًا ٨

"Dan sesungguhnya (ketika Qiamat kelak) Kami akan jadikan segala apa yang ada di atas bumi ini tanah rata yang keras dan tandus."(8)

Ungkapan dan pemandangan yang dilukiskan ini membayangkan satu keadaan yang dahsyat. Kata "جرزا" membayangkan pengertian tandus dengan bunyi kata-kata itu sendiri, begitu juga kata-kata "صعيدا" menggambarkan pemandangan tanah rata dan keras.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 18)

Cerita Ashabul-Kahfi Mengikut Al-Qur'an

Kemudian diceritakan pula kisah Ashabul-Kahfi, di mana ditayangkan contoh keimanan yang unggul di dalam jiwa para Mu'minin. Bagaimana mereka begitu kukuh dan yakin dengan keimanan itu hingga mereka mengutamakannya dari segala hiasan dan kesenangan hidup di dunia dan sanggup mencari perlindungan di dalam sebuah gua apabila mereka merasa sulit untuk hidup dengan keimanan itu bersama orang ramai, dan bagaimana Allah memelihara orang-orang yang beriman ini dan menyelamatkan mereka dari penindasan serta menyelubungi mereka dengan limpah rahmat-Nya.

Kisah Ashabul-Kahfi ini mempunyai berbagai-bagai riwayat dan pendapat. Ia diceritakan di dalam buku-buku lama dan di dalam dongeng-dongeng dengan berbagai cerita, tetapi dalam memperkatakan kisah ini kami hanya berhenti setakat apa yang telah diterangkan oleh Al-Qur'an sahaja, kerana ia adalah satu-satunya sumber yang diyakinkan kebenarannya dan kami ketepikan segala riwayat-riwayat dan dongeng-dongeng yang telah menyusup ke dalam kitab-kitab tafsir tanpa sanad yang sahih kerana Al-Qur'anul-Karim sendiri melarang bertanya kepada pihak yang lain dari Al-Qur'an mengenai kisah ini. Dan melarang dari berbahas dan berdebat secara meraba-raba di dalam urusan ghaib.

Ada riwayat yang menyebut sebab turunnya kisah ini dan sebab turunnya kisah Zul-Qarnayn, iaitu orang-orang Yahudi telah menghasut orang-orang Makkah supaya bertanya kepada Rasulullah s.a.w. mengenai dua kisah itu juga mengenai hakikat roh, atau orang-orang Makkah telah meminta orang-orang Yahudi mengadakan soalan-soalan untuk mereka supaya mereka dapat menguji Rasulullah s.a.w. Mungkin semuanya atau separuhnya benar kerana pada permulaan kisah Zul-Qarnayn disebut:

وَيَسۡـَٔلُونَكَ عَن ذِي ٱلۡقَرۡنَيۡنِۖ قُلۡ سَأَتۡلُواْ عَلَيۡكُم مِّنۡهُ

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang Zul-Qarnayn, jawablah: Aku akan bacakan kepadamu sebahagian dari ceritanya."(83)

Tetapi isyarat yang seperti ini tidak disebut pada kisah Ashabul-Kahfi. Oleh itu kita akan terus menceritakan kisah itu sendiri dan ia mempunyai pertalian yang rapat dengan paksi surah ini sebagaimana telah kami terangkan.

* * * * * *

Cara yang diikuti dalam pembentangan kisah ini dari sudut kesenian ialah pertama cara penyaringan kisah secara umum dan pada akhirnya ialah pembentangan kisah secara terperinci. Ia dibentangkan dalam bentuk pemandangan-pemandangan dan di celah-celah pemandangan-pemandangan itu ditinggalkan ruang-ruang kosong yang dapat dimengerti sendiri dari susunan ayat-ayat itu.[1] Ia dimulakan begini:

أَمۡ حَسِبۡتَ أَنَّ أَصۡحَٰبَ ٱلۡكَهۡفِ وَٱلرَّقِيمِ كَانُواْ مِنۡ ءَايَٰتِنَا عَجَبًا ٩
إِذۡ أَوَى ٱلۡفِتۡيَةُ إِلَى ٱلۡكَهۡفِ فَقَالُواْ رَبَّنَآ ءَاتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحۡمَةٗ وَهَيِّئۡ لَنَا مِنۡ أَمۡرِنَا رَشَدٗا ١٠
فَضَرَبۡنَا عَلَىٰٓ ءَاذَانِهِمۡ فِي ٱلۡكَهۡفِ سِنِينَ عَدَدٗا ١١
ثُمَّ بَعَثۡنَٰهُمۡ لِنَعۡلَمَ أَيُّ ٱلۡحِزۡبَيۡنِ أَحۡصَىٰ لِمَا لَبِثُوٓاْ أَمَدٗا ١٢

"Apakah engkau mengira kisah Ashabul-Kahfi dan ar-Raqim itu sahaja merupakan satu bukti yang mena'jubkan di antara bukti-bukti (kekuasaan) Kami yang lain? (9). (Kenangilah) ketika pemuda-pemuda itu berlindung di sebuah gua lalu mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Kurniakan kami rahmat-Mu yang limpah dan sediakan untuk kami kemudahan dan taufiq dalam urusan kami (10). Lalu Kami pertidurkan mereka di dalam gua itu bertahun-tahun lamanya(11). Kemudian kami bangkitkan mereka dari tidur itu untuk Kami ujikan siapakah di antara dua golongan itu yang lebih tepat kiraannya tentang selama mana mereka tinggal di sana."(12)

Inilah saringan kisah secara umum, di mana dilukiskan garis-garis pokok kisah yang panjang lebar itu. Dari saringan ini kita dapat mengetahui bahawa para penghuni gua itu adalah terdiri daripada pemuda-pemuda yang kita tidak mengetahui bilangan

---

[1] *Lihat bab* القصة في القرآن *dalam buku* التصوير الفني في القرآن

mereka. Mereka adalah pemuda-pemuda yang beriman yang berlindung di sebuah gua dan Allah telah menidurkan mereka bertahun-tahun lamanya dan kita tidak tahu berapa banyak jumlahnya, kemudian mereka dibangkitkan semula dari tidur mereka yang lama itu, dan di sana terdapat dua golongan yang bertelingkah pendapat mengenai mereka. Setelah mereka tidur dalam gua itu sekian lama, mereka dibangunkan kembali supaya dapat diketahui manakah di antara dua golongan itu yang lebih halus kiraannya? Walaupun kisah mereka merupakan satu kisah yang ajaib dan aneh, namun ia bukanlah merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah yang paling ajaib dan aneh, kerana di lembaran-lembaran dan di celah-celah alam buana ini terdapat berbagai-bagai keajaiban dan keanehan yang mengatasi kisah Ashabul-Kahfi dan ar-Raqim [2] itu lagi.

Setelah dibentangkan saringan kisah yang menarik ini, mulailah ayat-ayat berikut menghuraikan kisah itu dengan terperinci. Ia dimulai dengan penjelasan bahawa segala apa yang akan dikisahkan Allah itu merupakan keterangan muktamad di antara berbagai-bagai cerita yang bertentangan satu sama lain itu. Ia merupakan keterangan benar yang diyakinkan kebenarannya:

نَّحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِٱلْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا۟ بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَٰهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾
وَرَبَطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا۟ فَقَالُوا۟ رَبُّنَا رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ لَن نَّدْعُوَا۟ مِن دُونِهِۦٓ إِلَٰهًا لَّقَدْ قُلْنَآ إِذًا شَطَطًا ﴿١٤﴾
هَٰٓؤُلَآءِ قَوْمُنَا ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً لَّوْلَا يَأْتُونَ عَلَيْهِم بِسُلْطَٰنٍۭ بَيِّنٍ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا ﴿١٥﴾
وَإِذِ ٱعْتَزَلْتُمُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ إِلَّا ٱللَّهَ فَأْوُۥٓا۟ إِلَى ٱلْكَهْفِ يَنشُرْ لَكُمْ رَبُّكُم مِّن رَّحْمَتِهِۦ وَيُهَيِّئْ لَكُم مِّنْ أَمْرِكُم مِّرْفَقًا ﴿١٦﴾

"Kami mahu mengisahkan kepadamu cerita mereka yang sebenar. Mereka adalah sekumpulan pemuda-pemuda yang telah beriman kepada Allah Tuhan mereka dan kami telah menambahkan lagi hidayat kepada mereka(13). Dan Kami telah meneguhkan hati mereka ketika mereka bangkit lalu berkata: Tuhan kami ialah Tuhan yang memiliki langit dan bumi. Kami tidak akan menyembah tuhan yang lain dari-Nya. (Seandainya kami menyembah yang lain dari-Nya) bererti kami telah mengatakan satu penyelewengan yang amat jauh(14). Mereka adalah kaum kami yang telah menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Cubalah mereka buktikan (sifat ketuhanan) tuhan-tuhan yang lain itu dengan hujjah yang jelas. Tidak ada orang yang lebih zalim dari orang-orang yang melakukan pembohongan terhadap Allah(15). Dan oleh sebab kamu telah mengasingkan diri dari mereka dan dari sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah, maka (pergilah) kamu berlindung di dalam gua nescaya Allah Tuhan kamu menghamburkan rahmat-Nya ke atas kamu dan menyediakan pertolongan terhadap urusan kamu."(16)

Inilah pemandangan pertama dari pemandangan-pemandangan kisah itu:

إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا۟ بِرَبِّهِمْ

"Mereka adalah sekumpulan pemuda-pemuda yang telah beriman kepada Allah Tuhan mereka"(13)

dan:

وَزِدْنَٰهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

"Dan kami telah menambahkan lagi hidayat kepada mereka"(13)

dengan memberi ilham dan bimbingan kepada mereka bagai-mana seharusnya mereka mengendalikan urusan mereka:

وَرَبَطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ

"Dan Kami telah meneguhkan hati mereka..."(14)

hati mereka menjadi kukuh, teguh, yakin kepada kebenaran yang dikecapinya dan berbangga dengan keimanan yang dipilih mereka.

إِذْ قَامُوا۟

"Ketika mereka bangkit."(14)

Pergerakan bangun merupakan satu harakat yang membayangkan keazaman dan ketabahan.

فَقَالُوا۟ رَبُّنَا رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

"Lalu berkata: Tuhan kami ialah Tuhan memiliki langit dan bumi."

Dia adalah Tuhan semesta alam buana ini:

لَن نَّدْعُوَا۟ مِن دُونِهِۦٓ إِلَٰهًا

"Kami tidak akan menyembah tuhan yang lain dari-Nya."(14)

Yakni dia adalah Tuhan Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu.

لَّقَدْ قُلْنَآ إِذًا شَطَطًا ﴿١٤﴾

---

2 "الرقيم"(Ar-Raqim) biasanya ialah batu bersurat yang mencatatkan nama-nama mereka dan mungkin batu ini diletakkan di atas pintu gua di tempat mereka ditemui.

"....(Seandainya kami menyembah yang lain dari-Nya), bererti kami telah mengatakan satu penyelewengan yang amat jauh."(14)

Bererti kami telah melampaui kebenarannya dan menyeleweng dari jalan yang betul.

Kemudian mereka menoleh kepada kepercayaan yang dipegang oleh kaum mereka lalu mereka mengecamkannya dan mengecamkan cara berfikir yang digunakan mereka dalam membentuk 'aqidah mereka:

هَٰٓؤُلَآءِ قَوۡمُنَا ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةٗۖ لَّوۡلَا يَأۡتُونَ عَلَيۡهِم بِسُلۡطَٰنِۭ بَيِّنٖۖ

"Mereka adalah kaum kami yang telah menyembah tuhan-tuhan yang dari Allah. Cubalah mereka buktikan (sifat ketuhanan) tuhan-tuhan yang lain itu dengan hujjah yang jelas."(15)

Inilah jalan 'aqidah yang sebenar. Seorang itu hendaklah mempunyai hujjah yang kuat yang dapat dijadikan sandarannya dan mempunyai dalil dan bukti yang dapat mempengaruhi hati dan akal. Jika tidak, maka ia hanya merupakan satu pembohongan yang amat keji kerana ia merupakan satu pembohongan terhadap Allah:

فَمَنۡ أَظۡلَمُ مِمَّنِ ٱفۡتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبٗا ﴿١٥﴾

"Tidak ada orang yang lebih zalim dari orang-orang yang melakukan pembohongan terhadap Allah."(15)

Di sini ternyatalah bagaimana jelas dan tegasnya pendirian pemuda-pemuda itu. Mereka tidak ragu-ragu dan teragak-agak. Mereka adalah anak-anak muda yang kuat tubuh badan, kuat iman dan pendirian. Mereka membantah dan mengecam kepercayaan yang dipegang oleh kaum mereka.

Kini perbezaan di antara dua jalan itu telah ternyata begitu jelas, kedua-dua cara i'tikad itu telah bercanggah begitu nyata. Oleh itu di sana tiada lagi titik-titik pertemuan dan jalan hidup bersama. Mereka pasti melarikan diri menyelamatkan 'aqidah mereka, kerana mereka bukannya rasul-rasul yang diutuskan Allah kepada kaum mereka untuk menghadapi mereka dengan 'aqidah yang benar dan menyeru mereka kepadanya serta bersedia menerima segala akibat yang biasa diterima olehpara rasul, tetapi mereka hanya pemuda-pemuda yang mendapat hidayat dalam masyarakat yang zalim dan kafir, di mana mereka tidak dapat hidup jika mereka mengisytiharkan 'aqidah mereka secara terang-terangan. Di samping itu mereka juga tidak sanggup menurut liut dan bermuka-muka dengan kaum mereka, iaitu dengan menyembah sembahan-sembahan yang disembah mereka dengan tujuan menyelamatkan diri dan menyembunyikan ibadat mereka kepada Allah. Menurut pendapat yang lebih rajih rahsia keimanan mereka telah terbuka dan tiada jalan yang lain bagi mereka melainkan melarikan diri mencari perlindungan Allah untuk menyelamatkan agama mereka. Mereka redha memilih gua dari kesenangan dan keni'matan hidup yang indah. Mereka telah mengambil kata sepakat ketika mereka berbincang secara sulit sesama mereka:

وَإِذِ ٱعۡتَزَلۡتُمُوهُمۡ وَمَا يَعۡبُدُونَ إِلَّا ٱللَّهَ فَأۡوُۥٓاْ إِلَى ٱلۡكَهۡفِ يَنشُرۡ لَكُمۡ رَبُّكُم مِّن رَّحۡمَتِهِۦ وَيُهَيِّئۡ لَكُم مِّنۡ أَمۡرِكُم مِّرۡفَقٗا ﴿١٦﴾

"Dan oleh sebab kamu telah mengasingkan diri dari mereka dan dari sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah, maka (pergilah) kamu berlindung di dalam gua nescaya Allah Tuhan kamu menghamburkan rahmat-Nya ke atas kamu dan menyediakan pertolongan terhadap urusan kamu."(16)

Di sinilah terdedahnya ketakjuban mengenai hati pemuda-pemuda yang beriman yang telah mengasingkan diri dari kaum mereka, meninggalkan kampung halaman mereka, berpisah dari kaum keluarga mereka dan membuang segala keindahan dan keni'matan hidup dunia lalu berlindung di gua yang sempit, kasar dan gelap itu .... mereka sebenarnya merasa begitu senang dengan rahmat Allah. Mereka merasa rahmat itu begitu teduh, selesa dan luas:

يَنشُرۡ لَكُمۡ رَبُّكُم مِّن رَّحۡمَتِهِۦ

".....nescaya Allah Tuhan kamu menghamburkan rahmat-Nya ke atas kamu....."(16)

Kata-kata "ينشر" (menghamburkan) membayangkan suasana luas, selesa dan lega, iaitu gua (yang sempit itu) menjadi tempat yang lapang, di mana terhamburnya rahmat Allah, terhurai benang-benangnya yang panjang dan terkembang bayang-bayangnya yang teduh merangkuli mereka dengan rangkulan yang lemah-lembut. Batas-batas gua yang sempit terbuka luas dan dinding-dindingnya yang keras menjadi lembut dan suasana sunyi sepi menjadi suasana tenang yang jernih hening. Seluruhnya membayangkan rahmat, kelembutan, kerehatan dan keselesaan.

Itulah keimanan.

Apakah harga kulit-kulit hidup yang lahir? Apakah harga nilai-nilai hidup, undang-undang, peraturan-peraturan dan pengertian-pengertian yang lumrah diikuti orang ramai di dalam kehidupan mereka di dunia ini? Sebenarnya di sana ada sebuah alam yang lain di ruang hati manusia yang dipenuhi keimanan dan hubungan mesra dengan Allah Yang Maha Penyayang, iaitu sebuah alam yang dinaungi rahmat, kelembutan, ketenteraman dan kerelaan.

Kemudian tirai dilabuhkan menutupi pemandangan ini dan disingkapkan kembali untuk menayangkan satu senario yang lain, di mana anak-anak muda itu telah dipertidurkan Allah.

وَتَرَى ٱلشَّمْسَ إِذَا طَلَعَت تَّزَٰوَرُ عَن كَهْفِهِمْ ذَاتَ ٱلْيَمِينِ وَإِذَا غَرَبَت تَّقْرِضُهُمْ ذَاتَ ٱلشِّمَالِ وَهُمْ فِى فَجْوَةٍ مِّنْهُ ۚ ذَٰلِكَ مِنْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ ۗ مَن يَهْدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلْمُهْتَدِ ۖ وَمَن يُضْلِلْ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ وَلِيًّا مُّرْشِدًا ﴿١٧﴾

وَتَحْسَبُهُمْ أَيْقَاظًا وَهُمْ رُقُودٌ ۚ وَنُقَلِّبُهُمْ ذَاتَ ٱلْيَمِينِ وَذَاتَ ٱلشِّمَالِ ۖ وَكَلْبُهُم بَٰسِطٌ ذِرَاعَيْهِ بِٱلْوَصِيدِ ۚ لَوِ ٱطَّلَعْتَ عَلَيْهِمْ لَوَلَّيْتَ مِنْهُمْ فِرَارًا وَلَمُلِئْتَ مِنْهُمْ رُعْبًا ﴿١٨﴾

"Dan engkau dapat melihat apabila matahari naikdi sebelah timur cahayanya menyimpang ke sebelah kanan gua dan apabila matahari membenam, cahayanya melampaui mereka ke sebelah kiri, sedangkan mereka berada di lapangan gua itu. Itulah di antara tanda-tanda kekuasaan Allah. Barang siapa yang dihidayatkan Allah, maka dialah orang yang mendapat hidayat yang sebenar dan barang siapa yang telah disesatkan-Nya nescaya engkau tidak akan mendapati sesiapa pun lagi yang sanggup menjadi pelindung yang memberi bimbingan kepadanya(17). Dan engkau mengira mereka sedang jaga, sedangkan mereka sebenarnya tidur nyenyak. Kami membalik-balikkan badan mereka sekali ke kanan dan sekali ke kiri, sedangkan anjing mereka menghulurkan dua kakinya ke depan di halaman pintu gua dan jika engkau melihat mereka tentulah engkau akan berpaling melarikan diri dan tentulah hatimu dipenuhi perasaan takut kepada mereka."(18)

Itulah satu pemandangan ilustrasi yang menarik. Ia merakamkan keadaan pemuda-pemuda yang berada di dalam gua itu dengan kata-kata yang sama dengan rakaman tali pita filem yang bergerak. Ia menggambarkan matahari naik menjenguk gua itu kemudian cahayanya menyimpang darinya seolah-olah dilakukannya dengan sengaja. Kata "تزاور" (menyimpang) menggambarkan maknanya yang membayangkan tindakan cahaya matahari itu dilakukan dengan iradat. Ia juga menggambarkan pergerakan matahari jatuh yang melewati mereka ke arah kiri, semasa mereka berada di lapangan gua itu.

Dan sebelum ia menghabiskan rakaman pemandangan yang menarik itu, ia mengulaskan keadaan mereka dengan salah satu dari ulasan-ulasan Al-Qur'an yang biasa diselangi di dalam perjalanan kisah-kisah untuk menyedarkan hati manusia di sa'at yang sesuai:

ذَٰلِكَ مِنْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ ۗ

"...Itulah di antara tanda-tanda kekuasaan Allah...."(17)

Yakni Allah telah meletakkan mereka dengan keadaan yang seperti ini di dalam gua itu, di mana mereka didekatkan kepada cahaya matahari tetapi pancaran sinarnya tidak membahang tubuh mereka: Mereka berada di tempat mereka tidak mati dan tidak pula bergerak:

مَن يَهْدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلْمُهْتَدِ ۖ وَمَن يُضْلِلْ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ وَلِيًّا مُّرْشِدًا ﴿١٧﴾

"...Barang siapa yang dihidayatkan Allah, maka dialah orang yang mendapat hidayat yang sebenar, dan barang siapa yang telah disesatkan-Nya, nescaya engkau tidak akan mendapati sesiapa pun lagi yang sanggup menjadi pelindung yang memberi bimbingan kepadanya"(17)

Hidayat dan kesesatan itu mempunyai undang-undangnya, iaitu sesiapa yang mendapat hidayat dari ayat-ayat Allah bererti dia telah diberi hidayat oleh Allah mengikut undang-undang-Nya dan dialah orang yang mendapat hidayat yang sebenar, dan sebaliknya sesiapa yang tidak berpegang dengan punca-punca hidayat, maka dia akan sesat dan kesesatannya itu adalah mengikut undang-undang Ilahi dan ini bererti dia telah disesatkan Allah. Dan engkau tidak akan mendapati sesiapa pun selepas itu yang sanggup menjadi petunjuk yang dapat memberi hidayat kepadanya.

Kemudian penjelasan ayat-ayat itu meneruskan penggambarannya untuk menyempurnakan pemandangan yang mengkagumkan itu, di mana pemuda-pemuda itu dibalik-balikkan tubuh mereka dari satu lambung ke satu lambung selama mereka berada dalam tidur yang amat lama itu sehingga orang yang melihat mereka menyangka bahawa mereka sedang jaga, sedangkan sebenarnya mereka tidur. Anjing mereka pula - mengikut kebiasaan anjing - sedang menghulurkan dua kakinya di pekarangan yang berhampiran dengan pintu gua itu seolah-olah menjaga mereka. Pemandangan mereka yang berada di dalam keadaan itu boleh menimbulkan perasaan takut di dalam hati orang yang melihat mereka kerana dia melihat mereka tidurseperti orang jaga berbalik-balik tetapi tidak jaga. Itulah tadbir Allah supaya tidak ada orang yang dapatmengganggu mereka sehingga sampai kepada masa yang telah ditentukan Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 24)

Dan secara mendadak mereka bangun dengan cergas. Oleh itu marilah kita lihat dan mendengar mereka bercakap:

وَكَذَٰلِكَ بَعَثْنَٰهُمْ لِيَتَسَآءَلُوا۟ بَيْنَهُمْ ۚ قَالَ قَآئِلٌ مِّنْهُمْ كَمْ لَبِثْتُمْ ۖ قَالُوا۟ لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ ۚ قَالُوا۟ رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ فَٱبْعَثُوٓا۟ أَحَدَكُم

بِوَرِقِكُمْ هَٰذِهِۦٓ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ فَلْيَنظُرْ أَيُّهَآ أَزْكَىٰ طَعَامًا فَلْيَأْتِكُم بِرِزْقٍ مِّنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا ﴿١٩﴾

إِنَّهُمْ إِن يَظْهَرُوا۟ عَلَيْكُمْ يَرْجُمُوكُمْ أَوْ يُعِيدُوكُمْ فِى مِلَّتِهِمْ وَلَن تُفْلِحُوٓا۟ إِذًا أَبَدًا ﴿٢٠﴾

"Dan demikianlah Kami telah membangkitkan mereka kembali supaya mereka bertanya sesama mereka. Ujar salah seorang dari mereka: Berapa lama kamu telah tidur? Jawab mereka: Kita telah tidur kira-kira sehari atau separuh hari. Ujar mereka: Allah Tuhan kamu sahaja yang lebih mengetahui berapa lama kamu telah tidur. Hantarkanlah seorang dari kamu ke bandar membawa wang perak kamu ini dan hendaklah dia carikan apa sahaja makanan yang baik dan bawakan kepada kamu sedikit rezeki darinya, tetapi hendaklah dia berhati-hati dan janganlah sekali-kali dia melakukan sesuatu yang boleh menyedarkan sesiapa pun terhadap rahsia kamu(19). Kerana jika mereka mengetahui rahsia kamu tentulah mereka akan merejamkan kamu sampai mati atau mereka memaksa kamu kembali kepada agama mereka. Dan kamu tidak akan mendapat keberuntungan untuk selama-lamanya."(20)

Terjaga Setelah Ratusan Tahun Tertidur

Penjelasan ayat ini menggunakan unsur mendadak di dalam membentangkan kisah ini. Oleh kerana itu ia menayangkan pemandangan ini yang menunjukkan bagaimana pemuda-pemuda itu secara mendadak bangkit dari tidur mereka, sedangkan mereka tidak mengetahui berapa lama mereka telah tidur sejak mereka merasa mengantuk dahulu. Mereka menggosok-gosok mata mereka dan berpaling memandang satu sama lain sambil bertanya berapa lama kamu tidur? Iaitu pertanyaan yang biasa dibuat oleh orang-orang yang jaga dari tidur yang lama. Tentulah mereka merasa kesan-kesan tidur mereka yang lama itu.

قَالُوا۟ لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ

"...Jawab mereka: Kita telah tidur kira-kira sehari atau separuh hari...."(19)

Kemudian mereka fikir lebih baik mereka ketepikan sahaja persoalan yang tidak ada faedahnya dibicarakan dengan panjang dan menyerahkan sahaja perkara itu kepada Allah - menurut adat orang Mu'min yang menghadapi perkara-perkara yang tidak diketahui mereka - dan mereka lebih baik memikirkan perkara yang amali yang sedang dihadapi mereka, iaitu mereka sekarang sedang lapar dan mereka mempunyai duit-duit perak yang mereka bawa keluar dari bandar itu:

قَالُوا۟ رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ فَٱبْعَثُوٓا۟ أَحَدَكُم بِوَرِقِكُمْ هَٰذِهِۦٓ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ فَلْيَنظُرْ أَيُّهَآ أَزْكَىٰ طَعَامًا فَلْيَأْتِكُم بِرِزْقٍ مِّنْهُ

"...Ujar mereka: Allah Tuhan kamu sahaja yang lebih mengetahui berapa lama kamu telah tidur. Hantarkanlah seorang dari kamu ke bandar membawa wang perak kamu ini dan hendaklah ia carikan apa sahaja makanan yang baik dan bawakan kepada kamu sedikit rezeki darinya...."(19)

Yakni hendaklah dia memilih makanan yang terbaik di bandar itu dan bawakan kepada kamu sedikit darinya.

Mereka takut rahsia mereka terbuka dan tempat persembunyian mereka diketahui orang. Dan akibatnya mereka akan ditangkap oleh pihak yang berkuasa di bandar itu dan dihukum bunuh dengan rejam - kerana kesalahan mereka meninggalkan agama (negeri) dan menyembah Allah yang tunggal di negeri yang mempersekutukan Allah - atau mereka akan ditindas dengan 'azab keseksaan supaya mereka meninggalkan 'aqidah mereka. Inilah perkara-perkara yang ditakuti mereka. Oleh sebab itulah mereka berpesan kepada utusan itu supaya berhati-hati:

وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا ﴿١٩﴾ إِنَّهُمْ إِن يَظْهَرُوا۟ عَلَيْكُمْ يَرْجُمُوكُمْ أَوْ يُعِيدُوكُمْ فِى مِلَّتِهِمْ وَلَن تُفْلِحُوٓا۟ إِذًا أَبَدًا ﴿٢٠﴾

".......Tetapi hendaklah dia berhati-hati dan janganlah sekali-kali dia melakukan sesuatu yang boleh menyedarkan sesiapa pun terhadap rahsia kamu (19). Kerana jika mereka mengetahui rahsia kamu tentulah mereka akan merejamkan kamu sampai mati atau mereka memaksa kamu kembali kepada agama mereka. Dan kamu tidak akan mendapat keberuntungan untuk selama-lamanya."(20)

Maksudnya, sesiapa yang murtad dari iman kepada syirik, maka dia tidak akan mendapat sebarang keberuntungan dan itulah suatu kerugian yang paling besar.

Demikianlah kita melihat bagaimana pemuda-pemuda itu berbincang secara sulit bersama-sama mereka dengan begitu hati-hati dan takut. Mereka tidak sedar tahun-tahun telah banyak berlalu dan roda zaman telah sekian lama berputar. Mereka tidak sedar bahawa generasi-generasi telah bersilih ganti dan negeri mereka telah berubah rupa dan pihak berkuasa yang ditakuti mereka terhadap keselamatan 'aqidah mereka telah lama bertukar. Mereka tidak sedar bahawa kisah mereka selaku kumpulan anak-anak muda yang lari menyelamatkan agama mereka di zaman seorang raja yang zalim itu telah menjadi cerita turun-temurun, di mana timbulnya berbagai-bagai pendapat yangbercanggah mengenai hakikat mereka, mengenai agama mereka dan mengenai lama masa yang telah berlalu sejak mereka menghilangkan diri.

Di sini tirai dilabuhkan menutup pemandangan mereka yang sedang berada di dalam gua kemudian disingkapkan kembali untuk menunjukkan satu

adegan yang lain dan di antara dua adegan itu terdapat satu ruang kosong yang ditinggalkan di dalam penerangan Al-Qur'an.

Di sini kita dapat menangkap bahawa penduduk negeri ini sekarang telah beriman belaka. Mereka amat menghormati dan memuliakan anak-anak muda yang beriman itu setelah terbuka rahsia mereka apabila salah seorang dari mereka keluar untuk membeli makanan. Dia telah dapat dikenali orang ramai sebagai salah seorang anak muda yang telah melarikan diri untuk menyelamatkan agama mereka di zaman dahulu.

Di sini dapatlah kita gambarkan betapa besarnya rasa terperanjat yang telah dialami pemuda-pemuda itu setelah mereka diyakinkan teman mereka bahawa negeri itu telah dilalui zaman yang lama sejak mereka telah meninggalkannya dan dunia di sekeliling mereka pun berubah segala-galanya; segala apa yang tidak disukai mereka dan segala apa yang diketahui mereka tidak ada lagi. Mereka kini merupakan satu generasi lama yang telah dilalui beberapa abad. Mereka merupakan kumpulan manusia aneh pada pandangan dan perasaan orang ramai. Oleh sebab itu orang ramai kini tidak dapat melayani mereka seperti kumpulan manusia yang biasa. Segala perhubungan kerabat, muamalah, perasaan dan adat resam yang menghubungi mereka dengan generasi mereka telah pun terputus belaka. Mereka lebih menyerupai kenangan-kenangan yang masih hidup dari orang-orang yang sebenar di alam kenyataan. Oleh itu Allah mewafatkan mereka kembali kerana kasihan kepada mereka menghadapi semua realiti (yang pahit) ini.

Semua ini dapat kita gambarkan sendiri. Ayat yang berikut menayangkan adegan yang akhir, iaitu adegan kematian mereka, sedangkan orang ramai yang berada di luar gua itu masih berbalah mengenai kedudukan mereka, apakah agama yang dianuti mereka dan bagaimana seharusnya mereka mengabadikan mereka untuk kenangan generasi-generasi yang akan datang. Begitu juga (dalam ayat berikut) disebut secara langsung titik pengajaran yang dapat diambil dari peristiwa yang aneh ini:.

وَكَذَٰلِكَ أَعْثَرْنَا عَلَيْهِمْ لِيَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ وَأَنَّ ٱلسَّاعَةَ لَا رَيْبَ فِيهَآ إِذْ يَتَنَٰزَعُونَ بَيْنَهُمْ أَمْرَهُمْ ۖ فَقَالُوا۟ ٱبْنُوا۟ عَلَيْهِم بُنْيَٰنًا ۖ رَّبُّهُمْ أَعْلَمُ بِهِمْ ۚ قَالَ ٱلَّذِينَ غَلَبُوا۟ عَلَىٰٓ أَمْرِهِمْ لَنَتَّخِذَنَّ عَلَيْهِم مَّسْجِدًا ﴿٢١﴾

"Dan demikianlah Kami dedahkan hal mereka kepada orang ramai agar mereka mengetahui bahawa janji Allah (untuk menghidupkan manusia selepas mati) itu adalah benar dan bahawa Qiamat tetap berlaku tanpa sebarang keraguan lagi, (pendedahan itu berlaku) ketika orang ramai itu berbantah-bantahan sesama mereka tentang (apakah yang harus dibuat) terhadap pemuda-pemuda itu. Lalu mereka berkata: Dirikanlah sebuah bangunan di atas mereka. Tuhan mereka lebih mengetahui tentang hakikat mereka. Ujar orang-orang yang berkuasa dalam urusan mereka: Kami akan membina sebuah masjid di atas mereka."(21)

Titik pengajaran dari penghabisan kisah anak-anak muda itu ialah kisah itu mengemukakan dalil bagi kebangkitan selepas mati dengan satu contoh yang berlaku di alam kenyataan yang dapat dilihat dan difaham secara dekat. Kisah ini dapat memudahkan manusia memahami persoalan kebangkitan selepas mati dan meyakinkanmereka bahawa janji Allah itu benar dan hari Qiamat itu tidak diselubungi sebarang keraguan. Beginilah Allah membangkitkan pemuda-pemuda itu dari tidur mereka dan mendedahkan hakikat mereka kepada kaum mereka.

Setengah orang ramai berpendapat:

ٱبْنُوا۟ عَلَيْهِم بُنْيَٰنًا ۖ

"...Dirikanlah sebuah bangunan di atas mereka...."(21)

Iaitu sebuah bangunan yang tidak menentukan agama mereka:

رَّبُّهُمْ أَعْلَمُ بِهِمْ ۚ

"...Tuhan mereka lebih mengetahui tentang hakikat mereka..."(21)

yakni tentang agama yang dianuti mereka. Sementara pihak yang berkuasa pada masa itu pula berpendapat:

لَنَتَّخِذَنَّ عَلَيْهِم مَّسْجِدًا ﴿٢١﴾

"...Kami akan membina sebuah masjid di atas mereka."(21)

Yang dimaksudkan dengan masjid di sini ialah tempat ibadat mengikut adat orang-orang Yahudi dan orang-orang Kristian yang mendirikan rumah-rumah ibadat di atas kubur para nabi-nabi dan wali-wali, juga sebagaimana yang dilakukan oleh setengah-tengah orang Islam yang mengikut contoh teladan Ahlil-Kitab dengan melanggar petunjuk Rasulullah s.a.w. yang telah bersabda:

لعن اللّه اليحود والنصرى ، اتخذوا قبور أنبيائهم وصالحيهم مساجد

"Allah telah melaknatkan orang-orang Yahudi dan Nasara yang telah membangunkan masjid-masjid di atas kubur-kubur nabi-nabi dan orang-orang mereka yang soleh." [3]

Kemudian tirai dilabuhkan menutup adegan ini dan setelah itu disingkapkan kembali untuk kita mendengar perdebatan mengenai penghuni-penghuni gua itu mengikut kebiasaan orang-orang yang memindahkan cerita-cerita dan berita-berita

---

[3] *Hadith ini telah disebut oleh Ibn Kathir dalam tafsir.*

dengan menambah dan mengurang, mereka menokok khayalan-khayalan mereka kepada cerita-cerita itu dari satu generasi ke satu generasi sehingga cerita-cerita itu menjadi begitu besar dan berubah-ubah. Berbagai-bagai pendapat telah diberikan mengenai suatu cerita atau peristiwa yang sama setelah bersilih ganti dilalui abad:

سَيَقُولُونَ ثَلَٰثَةٌ رَّابِعُهُمْ كَلْبُهُمْ وَيَقُولُونَ خَمْسَةٌ سَادِسُهُمْ كَلْبُهُمْ رَجْمًۢا بِٱلْغَيْبِ وَيَقُولُونَ سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ قُل رَّبِّىٓ أَعْلَمُ بِعِدَّتِهِم مَّا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا قَلِيلٌ فَلَا تُمَارِ فِيهِمْ إِلَّا مِرَآءً ظَٰهِرًا وَلَا تَسْتَفْتِ فِيهِم مِّنْهُمْ أَحَدًا ﴿٢٢﴾

"Mereka (satu golongan Ahlil-Kitab) akan berkata bahawa jumlah mereka (Ashabul-Kahfi) tiga orang dan yang keempat ialah anjing mereka. Satu golongan pula berkata jumlah mereka lima orang dan yang keenam ialah anjing mereka semuanya meneka-neka perkara ghaib. Segolongan yang lain lagi berkata jumlah mereka tujuh orang dan yang kelapan ialah anjing mereka. Katakanlah: Tuhanku lebih mengetahui tentang bilangan mereka (yang sebenar) dan tiada yang mengetahui bilangan mereka (yang sebenar)melainkan hanya segelintir orang sahaja. Oleh itu janganlah engkau berdebat dengan mereka mengenai penghuni-penghuni gua itu kecuali perdebatan yang lahir sahaja dan janganlah engkau tanyakan seorang pun dari mereka mengenai penghuni-penghuni gua itu."(22)

Bilangan Pemuda-pemuda Ashabul-Kahfi

Perdebatan di sekitar bilangan pemuda-pemuda itu tidak memberi apa-apa faedah. Sama sahaja sama ada bilangan mereka tiga orang atau empat orang atau tujuh orang atau lebih banyak dari itu lagi. Bilangan mereka yang sebenar terserah kepada Allah dan hakikat mereka yang sebenar berada di dalam ilmu Allah dan di dalam pengetahuan segelintir manusia yang meneliti sesuatu peristiwa semasa berlakunya atau mempastikannya dari riwayatnya yang sahih. Titik pengajaran dari kisah mereka adalah tercapai sama ada dengan bilangan yang sedikit atau dengan bilangan yang banyak. Oleh sebab itulah Al-Qur'an mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya meninggalkan perdebatan mengenai perkara ini dan supaya jangan bertanya kepada sesiapa pun dari para pendebat itu mengenai kedudukan penghuni-penghuni gua itu. Arahan ini sesuai dengan methodologi Islam yang mahu memelihara daya tenaga akal dari dibuang percuma di dalam perkara-perkara yang tidak berfaedah, juga supaya seorang itu tidak mengikuti sesuatu yang tidak diketahuinya dengan penuh keyakinan. Peristiwa Ashabul-Kahfi yang telah digolong zaman itu adalah dari perkara-perkara ghaib yang terserah kepada ilmu Allah. Oleh itu hendaklah beliau tinggalkan sahaja perkara ini kepada ilmu Allah.

Sesuai dengan larangan berdebat mengenai perkara-perkara ghaib yang silam, maka ayat berikut mengharamkan perbuatan menentu perkara-perkara ghaib di masa mendatang atau perkara-perkara yang akan berlaku di masa akan datang, kerana manusia tidak mengetahui perkara-perkara yang mendatang dan sudah tentu dia tidak dapat menentukannya dengan pasti:

وَلَا تَقُولَنَّ لِشَاْىْءٍ إِنِّى فَاعِلٌ ذَٰلِكَ غَدًا ﴿٢٣﴾

"Dan janganlah engkau berkata mengenai sesuatu (yang engkau kehendaki): Aku tetap melaksanakannya besok......."(23).

إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ وَٱذْكُر رَّبَّكَ إِذَا نَسِيتَ وَقُلْ عَسَىٰٓ أَن يَهْدِيَنِ رَبِّى لِأَقْرَبَ مِنْ هَٰذَا رَشَدًا ﴿٢٤﴾

"Melainkan disertai dengan menyebut "Insya Allah" dan kenangkan Tuhanmu jika engkau terlupa dan berdo'alah: Semoga Allah memberi petunjuk kepadaku ke jalan yang lebih dekat dari ini."(24)

Sikap Mu'min Menghadapi Masa Depan

Setiap gerak dan setiap diam, malah setiap nafas dari nafas-nafas yang hidup adalah tergantung kepada iradat Allah. Tabir ghaib yang dilabuhkan itu adalah melindungi segala sesuatu di sebalik detik yang wujud sekarang ini, dan mata manusia juga tidak dapat menjangkau di sebalik tabir yang dilabuhkan itu dan ia tetap lemah biar pun bagaimana banyak ilmunya. Oleh itu janganlah ia berkata, "Aku tetap akan melaksanakannya besok", kerana hari esok adalah dari urusan ghaib Allah dan tabir urusan ghaib Allah melindungkan akibat-akibat sesuatu.

Arahan ini bukanlah bertujuan supaya seorang itu duduk mendiamkan diri sahaja tanpa memikir dan merancangkan masa depannya dan supaya dia hidup di atas asas sehari demi sehari atau untuk sesa'at demi sesa'at sahaja atau supaya dia jangan menyambungkan masa hidupnya yang silam dengan masa hidupnya sekarang dan masa hidupnya yang mendatang. Tidak sekali-kali begitu, tetapi tujuannya yang sebenar ialah supaya dia turut membuat perhitungan kepada perkara yang ghaib dan mengambil kira kehendak iradat Allah yang mentadbirkannya, juga supaya dia berpegang kukuh kepada keputusan yang telah diazamkannya dan memohon pertolongan kepada masyi'ah(kehendak) Allah untuk menjayakan apa yang telah diazamkannya itu serta menyedari bahawa kuasa Allah mengatasi kuasanya. Oleh kerana itu janganlah dia merasa mustahil bahawa tadbir Allah berlainan dengan perancangannya. Andainya dia berjaya melaksanakan apa yang telah diazamkan, (maka hendaklah dia bersyukur) dan andainya masyi'ah Allah berlainan dari apa yang dirancangkannya, maka janganlah dia bersedih dan berputus asa, kerana seluruh urusan itu di bawah kuasa Allah awal dan akhir.

Seseorang itu harus berfikir dan merancang, tetapi dia harus sedar bahawa dia hanya boleh berfikir dan merancangkan (dengan betul) dengan pertolongan dan taufiq dari Allah, dan dia tidak berupaya berfikir dan merancang melainkan dengan daya-daya berfikir dan merancang yang dikurniakan Allah kepadanya. Sikap ini tidak akan membawa seseorang kepada kemalasan, kelengahan dan kelemahan-kelemahan, malah sebaliknya ia membekalkannya dengan keyakinan, kekuatan, ketenteraman dan keazaman yang kukuh. Oleh itu apabila tersingkapnya tabir ghaib yang menunjukkan bahawa tadbir Allah itu berlainan dari perancangannya, maka hendaklah dia menerima keputusan Allah itu dengan penuh keredhaan, ketenangan dan penyerahan diri, kerana itulah keputusan asal yang tidak diketahui olehnya dan baru sekarang disingkapkan tabirnya.

Inilah methodologi Islam yang menguasai hati seorang Muslim, oleh kerana itu dia tidak merasa keseorangan dan kesepian apabila dia berfikir dan merancang, tidak merasa angkuh dan sombong apabila dia berjaya dan tidak merasa putus asa apabila dia gagal, malah dia tetap berhubung dengan Allah dalam segala keadaan, tetap bergantung kepada-Nya, bersyukur kepada taufik-Nya dan tetap menerima qadha' dan qadar-Nya tanpa angkuh dan tanpa putus asa.

وَٱذْكُر رَّبَّكَ إِذَا نَسِيتَ

"Dan kenangkan Tuhanmu jika engkau terlupa."(24)

Maksudnya, apabila engkau lupa kepada arahan dan pedoman ini, maka hendaklah engkau ingat kepada Allah dan kembali kepadanya.

وَقُلْ عَسَىٰٓ أَن يَهْدِيَنِ رَبِّى لِأَقْرَبَ مِنْ هَٰذَا رَشَدًا ﴿٢٤﴾

"Dan berdo'alah: Semoga Allah memberi petunjuk kepadaku ke jalan yang lebih dekat dari ini."(24)

Yakni ke jalan lebih dekat yang sentiasa menghubungkan hatinya dengan Allah dalam segala pekerjaan yang hendak dilakukannya dan segala jalan yang hendak ditujukannya.

Kata-kata "عسى" (semoga) dan kata-kata "لأقرب" (lebih dekat) digunakan di sini untuk menunjukkan betapa tingginya maqam ini dan betapa perlunya seseorang itu berusaha secara berterusan untuk mencapaikannya dalam semua keadaan hidupnya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 25)

Setakat ini kita belum lagi mengetahui berapa lama pemuda-pemuda itu tidur di dalam gua itu. Oleh itu marilah kita mengetahuinya sekarang secara yakin:

وَلَبِثُوا۟ فِى كَهْفِهِمْ ثَلَٰثَ مِا۟ئَةٍ سِنِينَ وَٱزْدَادُوا۟ تِسْعًا ﴿٢٥﴾

"Mereka (pemuda-pemuda itu) tidur di dalam gua mereka selama tiga ratus tahun (mengikut kiraan tahun Syamsiyah) dan mereka menambah sembilan tahun (mengikut kiraan tahun Qamariah)."(25)

قُلِ ٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثُوا۟ ۖ لَهُۥ غَيْبُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ أَبْصِرْ بِهِۦ وَأَسْمِعْ ۚ

"Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang lebih mengetahui selama mana mereka tidur (di dalam gua itu), kerana Dialah sahaja yang memiliki segala urusan ghaib di langit dan di bumi, alangkah jauh penglihatan dan pendengaran-Nya."(26)

Inilah penjelasan muktamad mengenai pemuda-pemuda itu yang diterangkan Allah yang mengetahui segala urusan ghaib di langit dan di bumi. Alangkah jauh penglihatan dan pendengaran Allah S.W.T. Oleh itu sebarang perdebatan dan pertengkaran tidak lagi diperlukan selepas penjelasan ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 27)

Kemudian kisah ini diiringi dengan sebuah pernyataan yang mengumumkan ciri wahdaniyah yang amat ketara kesannya di dalam perjalanan kisah ini dan peristiwa-peristiwanya:

مَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَلِىٍّ وَلَا يُشْرِكُ فِى حُكْمِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٦﴾

"Mereka tidak mempunyai sebarang penaung selain dari Allah dan Allah tidak pernah berkongsi dengan sesiapapun dalam urusan pentadbiran-Nya."(26)

Juga diiringi dengan mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya membaca ayat-ayat Al-Qur'an yang diwahyukan Allah kepadanya yang mengandungi penjelasan muktamad - penjelasan yang benar yang tidak digugatkan kebatilan - dan supaya bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa, kerana tiada tempat perlindungan yang sebenar melainkan perlindungan Allah, di mana penghuni-penghuni gua telah berlindung dengan mendapat rahmat dan hidayat-Nya:

وَٱتْلُ مَآ أُوحِىَ إِلَيْكَ مِن كِتَابِ رَبِّكَ ۖ لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَٰتِهِۦ وَلَن تَجِدَ مِن دُونِهِۦ مُلْتَحَدًا ﴿٢٧﴾

"Dan bacalah apa yang telah Aku wahyukan kepadamu dari kitab suci Tuhanmu. Tiada siapa pun yang berkuasa mengubahkan kalimat-kalimat-Nya dan engkau tidak akan mendapat tempat perlindungan selain dari-Nya."(27)

Demikianlah berakhirnya kisah ini. Ia didahului, di selingi dan di akhiri dengan arahan-arahan yang kerananya diceritakan segala kisah dalam Al-Qur'an di samping diwujudkan keselarasan yang sempurna di

antara arahan agama dengan pembentangan yang seni di dalam penjelasan ayat-ayat itu.

(Kumpulan ayat-ayat 28 - 46)

وَاصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ ۖ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ زِينَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ عَن ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ أَمْرُهُ فُرُطًا ﴿٢٨﴾

وَقُلِ الْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ ۖ فَمَن شَاءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَاءَ فَلْيَكْفُرْ ۚ إِنَّا أَعْتَدْنَا لِلظَّالِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا ۚ وَإِن يَسْتَغِيثُوا يُغَاثُوا بِمَاءٍ كَالْمُهْلِ يَشْوِي الْوُجُوهَ ۚ بِئْسَ الشَّرَابُ وَسَاءَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٢٩﴾

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ مَنْ أَحْسَنَ عَمَلًا ﴿٣٠﴾

أُولَٰئِكَ لَهُمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهِمُ الْأَنْهَارُ يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِن ذَهَبٍ وَيَلْبَسُونَ ثِيَابًا خُضْرًا مِّن سُندُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُّتَّكِئِينَ فِيهَا عَلَى الْأَرَائِكِ ۚ نِعْمَ الثَّوَابُ وَحَسُنَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٣١﴾

وَاضْرِبْ لَهُم مَّثَلًا رَّجُلَيْنِ جَعَلْنَا لِأَحَدِهِمَا جَنَّتَيْنِ مِنْ أَعْنَابٍ وَحَفَفْنَاهُمَا بِنَخْلٍ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زَرْعًا ﴿٣٢﴾

كِلْتَا الْجَنَّتَيْنِ آتَتْ أُكُلَهَا وَلَمْ تَظْلِم مِّنْهُ شَيْئًا ۚ وَفَجَّرْنَا خِلَالَهُمَا نَهَرًا ﴿٣٣﴾

وَكَانَ لَهُ ثَمَرٌ فَقَالَ لِصَاحِبِهِ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَنَا أَكْثَرُ مِنكَ مَالًا وَأَعَزُّ نَفَرًا ﴿٣٤﴾

وَدَخَلَ جَنَّتَهُ وَهُوَ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ قَالَ مَا أَظُنُّ أَن تَبِيدَ هَٰذِهِ أَبَدًا ﴿٣٥﴾

وَمَا أَظُنُّ السَّاعَةَ قَائِمَةً وَلَئِن رُّدِدتُّ إِلَىٰ رَبِّي لَأَجِدَنَّ خَيْرًا مِّنْهَا مُنقَلَبًا ﴿٣٦﴾

"Dan tetapkan dirimu bersama orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana hendak mendapat keredhaan-Nya. Dan janganlah kedua matamu menjauhkan pandangannya dari mereka kerana berkehendak kepada kesenangan hidup dunia, dan janganlah engkau tunduk kepada kehendak orang yang telah Kami lalaikan hatinya dari mengingati Kami serta mengikut hawa nafsunya dan seluruh tindak-tanduknya melampaui belaka(28). Katakanlah: Kebenaran ini adalah datang dari Allah Tuhan kamu, sesiapa yang mahukan keimanan dia boleh beriman dan sesiapa yang mahukan kekufuran dia boleh kufur. Sesungguhnya Kami telah menyediakan untuk orang-orang yang zalim itu Neraka yang gejolaknya melingkungi mereka, dan jika mereka meminta pertolongan, maka mereka akan diberi pertolongan dengan air seperti air danor yang membakarkan muka. Itulah minuman yang paling dahsyat dan itulah tempat kediaman yang paling buruk(29). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, Kami tetap tidak akan mensia-siakan pahala siapa sahaja yang telah melakukan amalan yang baik(30). Merekalah yang akan memperolehi Syurga-syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, dan di dalam Syurga-syurga itu mereka akan dihiaskan dengan gelang-gelang emas dan memakai pakaian-pakaian hijau yang diperbuat dari sutera yang halus dan sutera yang tebal bersulam sambil duduk bersandar di atas peterana-peterana yang indah. Itulah sebaik-baik balasan dan sebaik-baik tempat kediaman(31). Dan berikanlah kepada mereka satu perbandingan, iaitu cerita dua orang lelaki, salah seorang dari keduanya Kami telah kurniakan kepadanya dua ladang anggur dan Kami kelilingi ladang-ladang itu dengan pokok tamar dan di antara dua ladang itu pula Kami mengadakan tanaman-tanaman yang lain(32). Kedua-dua ladang itu telah menghasilkan buah-buahan yang sempurna, tiada sedikit pun yang kurang, dan Kami alirkan pula dicelah-celah kedua ladang itu anak-anak sungai(33). Dan dia juga mempunyai hasil buahan yang lain lalu dia berkata kepada temannya ketika dia berdialog dengannya: Aku mempunyai harta kekayaan yang lebih banyak dari engkau dan mempunyai pengikut-pengikut yang lebih kuat(34). Dan dia memasuki ladangnya dengan sikap yang menganiayai dirinya sendiri seraya berkata: Aku fikir ladang-ladang ini tidak akan musnah buat selama-lamanya(35). Dan aku juga fikir Qiamat tidak akan berlaku dan andainya aku dikembalikan kepada Tuhanku tentulah aku akan memperolehi tempat kediaman yang lebih baik dari ini"(36).

قَالَ لَهُ صَاحِبُهُ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَكَفَرْتَ بِالَّذِي خَلَقَكَ مِن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّاكَ رَجُلًا ﴿٣٧﴾

لَّٰكِنَّا هُوَ اللَّهُ رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ بِرَبِّي أَحَدًا ﴿٣٨﴾

وَلَوْلَا إِذْ دَخَلْتَ جَنَّتَكَ قُلْتَ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ ۚ إِن تَرَنِ أَنَا أَقَلَّ مِنكَ مَالًا وَوَلَدًا ﴿٣٩﴾

فَعَسَىٰ رَبِّي أَن يُؤْتِيَنِ خَيْرًا مِّن جَنَّتِكَ وَيُرْسِلَ عَلَيْهَا حُسْبَانًا مِّنَ السَّمَاءِ فَتُصْبِحَ صَعِيدًا زَلَقًا ﴿٤٠﴾

أَوْ يُصْبِحَ مَاؤُهَا غَوْرًا فَلَن تَسْتَطِيعَ لَهُ طَلَبًا ﴿٤١﴾

وَأُحِيطَ بِثَمَرِهِۦ فَأَصْبَحَ يُقَلِّبُ كَفَّيْهِ عَلَىٰ مَآ أَنفَقَ فِيهَا وَهِىَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا وَيَقُولُ يَٰلَيْتَنِى لَمْ أُشْرِكْ بِرَبِّىٓ أَحَدًا ﴿٤٢﴾
وَلَمْ تَكُن لَّهُۥ فِئَةٌ يَنصُرُونَهُۥ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَمَا كَانَ مُنتَصِرًا ﴿٤٣﴾
هُنَالِكَ ٱلْوَلَٰيَةُ لِلَّهِ ٱلْحَقِّ ۚ هُوَ خَيْرٌ ثَوَابًا وَخَيْرٌ عُقْبًا ﴿٤٤﴾
وَٱضْرِبْ لَهُم مَّثَلَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا كَمَآءٍ أَنزَلْنَٰهُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ فَٱخْتَلَطَ بِهِۦ نَبَاتُ ٱلْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ ٱلرِّيَٰحُ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ مُّقْتَدِرًا ﴿٤٥﴾
ٱلْمَالُ وَٱلْبَنُونَ زِينَةُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَٱلْبَٰقِيَٰتُ ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيْرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا ﴿٤٦﴾

"Lalu temannya berkata kepadanya ketika dia berdialog dengannya: Apakah engkau tidak percaya lagi kepada Tuhan yang telah menciptakan engkau dari tanah kemudian dari nutfah kemudian Dia menjadikan engkau seorang lelaki (yang sempurna)(37). Tetapi bagi kami Allah itulah Tuhanku dan aku tidak sekali-kali mempersekutukan Tuhanku dengan sesiapa pun(38). Sepatutnya engkau berkata sewaktu engkau memasuki ladang engkau tadi: Masya' Allah (semuanya ini adalah kurnia yang telah dikehendaki Allah) tiada daya upaya (bagiku) melainkan dengan pertolongan Allah. Jika engkau memandang aku mempunyai harta kekayaan dan anak pinak yang lebih sedikit darimu(39). Maka aku harap semoga Tuhanku mengurniakan satu ni'mat yang lebih baik dari ladangmu (dan lambat-laun Dia akan) menimpakan ladangmu dengan satu bencana dari langit menyebabkan ladang-ladang itu menjadi tanah yang tandus licin(40). Atau air sungai ladang itu menjadi kering ditelan bumi menyebabkan engkau tidak akan dapat mencarinya lagi(41). Dan seluruh hasil tanamannya dibinasakan menyebabkannya membalik-balikkan kedua tangannya (kerana menyesal) perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dihabiskan kerana ladang-ladang itu, sedangkan semuanya telah roboh bersama junjung-junjungnya sambil berkata: Alangkah baiknya jika aku tidak mempersekutukan Allah Tuhanku dengan sesiapa pun(42). Dan tiada satu kumpulan manusia pun yang dapat menolongnya selain dari Allah dan dia juga tidak dapat membela dirinya sendiri(43). Di sana seluruh kuasa memberi perlindungan hanya menjadi milik Allah Yang Maha Benar sahaja. Dialah sebaik-baik pemberi ganjaran dan sebaik-baik pemberi balasan(44). Dan berilah satu perbandingan tentang kehidupan dunia. Ia laksana air hujan yang Kami turunkan dari langit kemudian tumbuhlah aneka tumbuhan bumi yang bersebati dengannya, kemudian ia menjadi kering dan hancur ditiup angin dan Allah adalah Maha Kuasa di atas segala sesuatu(45). Harta kekayaan dan anak pinak hanya merupakan hiasan kehidupan dunia sahaja, sedangkan amalan-amalan soleh yang kekal adalah lebih baik di sisi Allah Tuhanmu dari segi balasan dan lebih baik dari segi harapan"(46).

Seluruh pelajaran ini menjelaskan nilai-nilai di dalam neraca 'aqidah, iaitu nilai-nilai yang haqiqi itu bukannya harta kekayaan, bukannya pangkat kebesaran, bukannya kuasa dan bukannya kelazatan-kelazatan dan keni'matan-keni'matan dalam kehidupan. Semua nilai-nilai ini adalah nilai-nilai palsu dan nilai-nilai yang hilang belaka. Islam tidak mengharamkan segala yang baik dari nilai-nilai itu tetapi ia tidak menjadikan nilai-nilai itu sebagai matlamat akhir hidup manusia. Sesiapa sahaja yang ingin meni'matinya dia boleh meni'matinya, tetapi dia harus mengingati Allah yang telah mengurniakannya dan dia harus bersyukur kepada-Nya dengan mengerjakan amalan yang soleh, kerana amalan-amalan soleh itu adalah lebih baik dan lebih kekal.

Pelajaran ini dimulai dengan mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya menyabarkan dirinya bersahabat baik dengan orang-orang Mu'min yang sentiasa bertawajjuh kepadaAllah dan mengabaikan orang-orang kafir yang lalai dari mengingati Allah. Kemudian pelajaran ini membandingkan dua golongan ini dengan dua orang lelaki. Salah seorangnya berbangga dengan harta kekayaan, kemuliaan dan kesenangan hidup, sedangkan yang seorang lagi berbangga dengan keimanan yang tulen dan mengharapkan sesuatu yang lebih baik di sisi Allah, kemudian diiringi pula dengan satu perbandingan mengenai hakikat seluruh kehidupan dunia, iaitu kehidupan dunia ini adalah pendek dan musnah hilang laksana daun-daun kering yang hancur ditiup angin. Setelah itu ia mengakhiri dengan menjelaskan hakikat yang kekal abadi:

ٱلْمَالُ وَٱلْبَنُونَ زِينَةُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَٱلْبَٰقِيَٰتُ ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيْرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا ﴿٤٦﴾

Harta kekayaan dan anak pinak hanya merupakan hiasan kehidupan dunia sahaja, sedangkan amalan-amalan soleh yang kekal adalah lebih baik di sisi Allah Tuhanmu dari segi balasan dan lebih baik dari segi harapan.(46)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 31)

وَٱصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ وَٱلْعَشِىِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ ۖ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ زِينَةَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُۥ عَن ذِكْرِنَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ وَكَانَ أَمْرُهُۥ فُرُطًا ﴿٢٨﴾

"Dan tetapkan dirimu bersama orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana

hendak mendapat keredhaan-Nya. Dan janganlah kedua matamu menjauhkan pandangannya dari mereka kerana berkehendak kepada kesenangan hidup dunia, dan janganlah engkau tunduk kepada kehendak orang yang telah Kami lalaikan hatinya dari mengingati Kami serta mengikut hawa nafsunya dan seluruh tindak-tanduknya melampaui belaka."(28)

وَقُلِ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ ۖ فَمَن شَآءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَآءَ فَلْيَكْفُرْ ۚ

"Katakanlah: Kebenaran itu adalah datang dari Allah Tuhan kamu, sesiapa yang mahukan keimanan dia boleh beriman dan sesiapa yang mahukan kekufuran dia boleh kufur."(29)

Menurut riwayat, ayat-ayat ini diturun mengenai pembesar-pembesar Quraysy apabila mereka meminta kepada Rasulullah s.a.w. supaya mengusir golongan orang-orang Mu'min yang miskin, iaitu seperti Bilal, Suhayb, 'Ammar, Khabab dan ibn Mas'ud sekiranya beliau ingin pembesar-pembesar Quraysy itu beriman atau mengadakan untuk mereka satu majlis yang berasingan dari majlis orang-orang yang miskin itu, kerana mereka berpakaian yang mengeluarkan bau peluh yang hapak yang mengganggu pembesar-pembesar Quraysy itu.

Menurut riwayat, Rasulullah s.a.w. sangat mengharapkan keimanan para pembesar Quraysy itu, kerana itu suara hatinya berbisik-bisik supaya menimbangkan permintaan mereka, lalu Allah Azza-wajalla pun menurunkan ayat berikut:

وَٱصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ وَٱلْعَشِىِّ

"Dan tetapkan dirimu bersama orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang."(28)

Allah menurunkannya dengan tujuan untuk mengumumkan nilai-nilai yang haqiqi dan menegakkan neraca yang benar dan setelah itu:

فَمَن شَآءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَآءَ فَلْيَكْفُرْ ۚ

"Sesiapa yang mahukan keimanan dia boleh beriman dan sesiapa yang mahukan kekufuran dia boleh kufur."(29)

Islam tidak mahu bermuka-muka dengan sesiapa pun, dan Islam tidak mengukur manusia dengan ukuran-ukuran jahiliyah yang pertama atau ukuran mana-mana jahiliyah yang mengukur manusia dengan ukuran yang lain dari ukurannya.

وَٱصْبِرْ نَفْسَكَ

"Dan tetapkan dirimu."(28)

Da'wah Ditegakkan Di Atas Golongan Para Mu'min Yang Ikhlas

Yakni janganlah engkau merasa bosan dan janganlah engkau bertindak gopoh.

مَعَ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ وَٱلْعَشِىِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ ۖ

"Bersama orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana hendak mendapat keredhaan-Nya."(28)

Allah itulah matlamat yang ditawajjuhkan mereka pagi dan petang. Mereka tidak menyimpang dari Allah dan tidak menghendaki sesuatu selain dari mencari keredhaan-Nya dan apa yang dicarikan mereka adalah lebih mulia dan lebih tinggi dari segala apa yang dicarikan para pencinta kesenangan hidup dunia.

Tetapkan dirimu bersama mereka, bersahabatlah dengan mereka duduklah bersama mereka dan berilah pengajaran kepada mereka kerana da'wah adalah ditegakkan di atas orang-orang yang seperti mereka. Da'wah tidak ditegakkan di atas orang-orang yang menganutinya kerana kekuatannya dan tidak pula ditegakkan di atas orang-orang yang menganutinya dengan tujuan untuk menjadi pemimpin kepada para pengikutnya, dan tidak juga ditegakkan di atas orang-orang yang menganutinya dengan tujuan untuk memenuhi tamak haloba mereka dengan memperalatkan da'wah dan untuk memperdagangkan da'wah di pasar da'wah-da'wah yang boleh dijual beli dari mereka, malah da'wah adalah ditegakkan di atas hati golongan manusia yang bertawajjuh kepada Allah dengan penuh keikhlasan, iaitu hati yang tidak bermaksud mencari sesuatu pangkat kebesaran, kesenangan dan faedah, malah semata-mata ikhlas kepada Allah dan semata-mata mencari keredhaan-Nya:

وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ زِينَةَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ

"Dan janganlah kedua matamu menjauhkan pandangannya dari mereka kerana berkehendakkan kesenangan hidup dunia."(28)

Janganlah perhatianmu itu beralih dari mereka kepada kelebihan-kelebihan hidup yang dini'mati para pembesar yang senang itu, kerana kesenangan hidup dunia tidak dapat meningkat ke ufuk yang tinggi yang diharapkan oleh orang-orang yang beribadat kepada Allah pagi dan petang dengan penuh keikhlasan.

وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُۥ عَن ذِكْرِنَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ وَكَانَ أَمْرُهُۥ فُرُطًا ﴿٢٨﴾

"Dan janganlah engkau tunduk kepada kehendak orang yang telah Kami lalaikan hatinya dari mengingati Kami serta mengikut hawa nafsunya dan seluruh tindak-tanduknya melampaui belaka."(28)

Janganlah engkau tunduk kepada kehendak mereka supaya engkau membezakan di antara mereka dengan orang-orang yang miskin itu. Andainya mereka mengingati Allah tentulah mereka merendahkan keangkuhan mereka, mengurangkan

keterlaluan mereka, menundukkan kepala mereka yang diangkat begitu tinggi dan tentulah mereka merasakan kebesaran Allah, di mana seluruh kepala manusia sama sahaja di bawah naungan-Nya dan merasakan hubungan 'aqidah yang membuat seluruh manusia itu bersaudara belaka. Tetapi malangnya mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka sahaja iaitu hawa nafsu jahiliyah dan menggunakan ukuran-ukurannya dalam menilai harga para hamba Allah. Justeru itu mereka dan pendapat-pendapat mereka adalah karut belaka dan tidak wajar diberi apa-apa perhatian sebagai balasan terhadap kelalaian mereka dari mengingati Allah.

Islam datang untuk menyamakan kepala manusia di hadapan Allah. Tiada perbezaan di antara mereka dengan berlandaskan kelebihan harta kekayaan, keturunan dan pangkat kebesaran kerana nilai-nilai ini semuanya palsu dan hilang belaka, malah perbezaan yang sebenar dilandaskan di atas kelebihan darjat masing-masing di sisi Allah, dan darjat kelebihan di sisi Allah adalah diukur dari sejauh mana tawajjuh seseorang itu kepada Allah dan sejauh mana keikhlasannya. Selain dari ukuran ini adalah ukuran hawa nafsu yang karut belaka.

وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُۥ عَن ذِكْرِنَا

"Dan janganlah engkau tunduk kepada kehendak orang yang telah Kami lalaikan hatinya dari mengingati Kami."(28)

Maksudnya, Kami telah melalaikan hatinya apabila dia menumpukan seluruh perhatiannya kepada dirinya, kepada harta kekayaannya, kepada anak-anaknya dan kepada kesenangan, keni'matan-keni'matan dan keinginan-keinginan nafsu sahaja sehingga di dalam hatinya tiada ruang untuk Allah. Hati yang sibuk dengan urusan-urusan ini dan menjadikannya sebagai matlamat hidupnya sudah tentu terlalai dari mengingati Allah dan kerana itu Allah menambahkan lagi kelalaian itu dan membiarkannya dalam kesibukan itu sehingga hari-hari hidupnya terlepas begitu sahaja di hadapannya dan dia akhirnya menerima 'azab keseksaan yang telah disediakan Allah kepada orang-orang yang seperti mereka yang telah menganiayai diri sendiri dan orang-orang yang lain:

وَقُلِ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ ۖ فَمَن شَآءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَآءَ فَلْيَكْفُرْ

"Katakanlah: Kebenaran ini adalah datang dari Allah Tuhan kamu, sesiapa yang mahukan keimanan dia boleh beriman dan sesiapa yang mahukan kekufuran dia boleh kufur."(29)

Katakanlah dengan tegas, terus terang dan keras,kerana kebenaran itu tidak pernah membengkok dan melentur. Ia berjalan lurus tanpa membelok-belok, gagah tanpa lemah dan terus terang tanpa bermuka-muka. Oleh itu sesiapa yang mahukan keimanan dia boleh beriman dan sesiapa yang mahukan kekufuran dia boleh kufur. Sesiapa yang tidak tertarik kepada kebenaran dia boleh pergi. Sesiapa yang tidak mahu menundukkan hawa nafsunya kepada kebenaran yang datang dari Allah, maka tiada dasar kata manis dan ambil hati untuknya atas belanja 'aqidah, dan sesiapa yang tidak mahu menundukkan kepalanya dan merendahkan keangkuhannya di hadapan kebesaran Allah, maka 'aqidah tidak perlu lagi kepadanya.

'Aqidah itu bukannya milik seseorang sehingga perlu digunakan dasar kata manis dan ambil hati, malah 'aqidah adalah milik Allah dan Allah Maha Terkaya dari semesta, alam. 'Aqidah tidak mendapat kekuatan dan pembelaan dari orang-orang yang tidak mahu menganutinya dengan ikhlas dan tidak mahu menerimanya dengan bentuknya yang asal tanpa sebarang pindaan dan penyelewengan. Orang yang berlagak sombong terhadap para Mu'minin yang beribadat kepada Allah pagi dan petang dengan penuh keikhlasan itu tidak dapat diharapkan darinya sebarang kebaikan kepada Islam dan kepada kaum Muslimin.

* * * * * *

Kemudian Al-Qur'an membentangkan balasan-balasan yang telah disediakan untuk orang-orang kafir dan orang-orang Mu'min dalam sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan hari Qiamat:

إِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلظَّٰلِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا ۚ وَإِن يَسْتَغِيثُوا۟ يُغَاثُوا۟ بِمَآءٍ كَٱلْمُهْلِ يَشْوِى ٱلْوُجُوهَ ۚ بِئْسَ ٱلشَّرَابُ وَسَآءَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٢٩﴾

"Sesungguhnya Kami telah menyediakan untuk orang-orang yang zalim itu Neraka yang gejolaknya melingkungi mereka, dan jika mereka meminta pertolongan, maka mereka akan diberi pertolongan dengan air seperti air danor yang membakarkan muka. Itulah minuman yang paling dahsyat dan itulah tempat kediaman yang paling buruk."(29)

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ مَنْ أَحْسَنَ عَمَلًا ﴿٣٠﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ جَنَّٰتُ عَدْنٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهِمُ ٱلْأَنْهَٰرُ يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِن ذَهَبٍ وَيَلْبَسُونَ ثِيَابًا خُضْرًا مِّن سُندُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُّتَّكِـِٔينَ فِيهَا عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ ۚ نِعْمَ ٱلثَّوَابُ وَحَسُنَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٣١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, Kami tetap tidak akan mensia-siakan pahala siapa sahaja yang telah melakukan amalan

yang baik(30). Merekalah yang akan memperolehi Syurga-syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, dan di dalam Syurga-syurga itu mereka akan dihiaskan dengan gelang-gelang emas dan memakai pakaian-pakaian hijau yang diperbuat dari sutera yang halus dan sutera yang tebal bersulam sambil duduk bersandar di atas peterana-peterana yang indah. Itulah sebaik-baik balasan dan sebaik-baik tempat kediaman(31).

إِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلظَّٰلِمِينَ نَارًا

"Sesungguhnya Kami telah menyediakan untuk orang-orang yang zalim itu Neraka."(29)

Kami telah menyiapkan Neraka dan menghadirkannya. Ia tidak memerlukan kepada usaha menghidupkan apinya dan tidak memerlukan satu waktu untuk menyiapkannya. Walaupun penciptaan segala sesuatu itu hanya memerlukan kepada kalimat iradat atau kata-kata "kun" (كن) sahaja lalu sesuatu itu pun terus jadi, namun pengungkapan di sini yang dibuat dengan kata-kata ((أعتدنا)) - "Kami telah menyediakan" - itu adalah membayangkan suasana cepat dan siap sedia, juga membayangkan bahawa (orang-orang yang zalim) itu dibawa terus ke Neraka yang telah disediakan untuk menyambut mereka.

Api Neraka dengan gejolak-gejolaknya melingkungi orang-orang yang zalim, di mana tiada lagi jalan lari, tiada lagi harapan selamat dan tiada lagi angan-angan untuk mendapat lubang-lubang angin yang lembut atau mendapat sebarang keselesaan.

Sekiranya mereka meminta pertolongan dari kebakaran dan kedahagaan, mereka akan diberi pertolongan dengan air yang serupa dengan gelodak minyak yang mendidih - mengikut satu pendapat - dan serupa dengan logam cair yang panas - mengikut satu pendapat yang lain - yang membakar muka sebaik sahaja ia mendekatinya apatah lagi dengan halkum-halkum dan perut-perut yang menelannya!

بِئْسَ ٱلشَّرَابُ

"Itulah minuman yang paling dahsyat."(29)

Itulah minuman yang disediakan untuk menolong orang-orang yang terseksa dari kebakaran. Alangkah dahsyatnya Neraka dengan gejolak-gejolaknya yang dijadikan sebagai tempat berehat dan bersenang-senang. Menyebut bayangan suasana bersenang di dalam gejolak-gejolak api Neraka (yang melinkungi mereka) itu merupakan satu penghinaan yang amat pahit, kerana mereka berada di sana bukannya untuk bersenang-senang malah untuk dibakar, tetapi itulah tandingan dengan suasana bersenang-senang yang dini'mati oleh orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh di dalam Syurga sana. Alangkah jauh perbezaannya!

Sementara mereka berada di dalam keadaan yang dahsyat itu, di sana terdapat pula orang-orang yang beriman dan mengelakan amalan yang soleh sedang berada di dalam Syurga-syurga 'Adni sebagai tempat kediaman yang kekal, di mana sungai-sungai mengalir di bawahnya dengan pemandangan yang indah dan tiupan bayu yang nyaman. Mereka berada di sana benar-benar untuk bersenang-senang:

"Sambil duduk bersandar di atas peterana-peterana yang indah."(31)

Dan di sanalah mereka berhias dengan pakaian-pakaian yang berwarna-warni yang diperbuat dari sutera yang halus dan nipis dan dari kain sutera bertekat yang tebal, ditambah pula dengan gelang-gelang emas untuk perhiasan dan keni'matan:

نِعْمَ ٱلثَّوَابُ وَحَسُنَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٣١﴾

"Itulah sebaik-baik balasan dan sebaik-baik tempat kediaman."(31)

Setiap orang bebas memilih. Sesiapa yang mahukan keimanan dia boleh beriman dan sesiapa yang mahukan kekufuran dia boleh kufur. Sesiapa yang mahu duduk bersama-sama orang-orang Mu'min yang miskin yang berbaju hapak dengan bau peluh dia boleh duduk atau dia boleh lari. Oleh itu sesiapa yang tidak suka menghidu bau peluh hapak dari baju-baju orang-orang miskin yang mempunyai hati yang sentiasa bersih dengan Zikrullah, maka bolehlah dia pergi bersenang-senang di dalam gejolak-gejolak api Neraka dan bersedap-sedap dengan minuman gelodak minyak atau air danor untuk menolong mereka dari kepanasan Neraka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 44)

Di Antara Nilai Kebendaan Dan Nilai Keimanan

Kemudian dikemukakan kisah dua orang lelaki dan dua ladang yang memberi contoh perbandingan kepada nilai-nilai yang hilang musnah dan nilai-nilai yang kekal abadi serta melukiskannya dua contoh yang jelas bagi jiwa manusia yang berbangga dengan kesenangan hidup dunia dan jiwa manusia yang berbangga dengan Allah. Kedua-duanya merupakan contoh insani bagi segolongan manusia. Lelaki yang memiliki dua buah ladang itu merupakan contoh seorang hartawan yang terpersona dengan harta kekayaannya dan merasa angkuh dengan kehidupannya yang senang hingga lupa kepada kekuatan agung yang menguasai kedudukan dan kehidupan manusia. Dia menganggap ni'mat kesenangan hidup ini kekal tidak musnah. Oleh itu dia tidak akan dikecewakan oleh kekuatan dan darjat kebesarannya. Sementara kawannya pula merupakan contoh seorang Mu'min yang berbangga dengan keimanannya dan sentiasa mengingati Tuhannya. Dia melihat ni'mat kesenangan itu sebagai bukti kemurahan Allah dan pengurniaan-Nya yang wajib disyukuri dan dikenangi bukan diingkari dan dikufuri.

Kisah ini dimulakan dengan senario dua buah ladang yang subur dan indah:

وَٱضۡرِبۡ لَهُم مَّثَلٗا رَّجُلَيۡنِ جَعَلۡنَا لِأَحَدِهِمَا جَنَّتَيۡنِ مِنۡ أَعۡنَٰبٖ وَحَفَفۡنَٰهُمَا بِنَخۡلٖ وَجَعَلۡنَا بَيۡنَهُمَا زَرۡعٗا ﴿٣٢﴾ كِلۡتَا ٱلۡجَنَّتَيۡنِ ءَاتَتۡ أُكُلَهَا وَلَمۡ تَظۡلِم مِّنۡهُ شَيۡـٔٗاۚ وَفَجَّرۡنَا خِلَٰلَهُمَا نَهَرٗا ﴿٣٣﴾

"Dan berikanlah kepada mereka satu perbandingan, iaitu cerita dua orang lelaki, salah seorang dari keduanya Kami telah kurniakan kepadanya dua ladang anggur dan Kami kelilingi ladang-ladang itu dengan pokok tamar dan di antara dua ladang itu pula Kami mengadakan tanaman-tanaman yang lain(32). Kedua-dua ladang itu telah menghasilkan buah-buahan yang sempurna, tiada sedikit pun yang kurang, dan Kami alirkan pula dicelah-celah kedua ladang itu anak-anak sungai."(33).

وَكَانَ لَهُۥ ثَمَرٞ

"Dan dia juga mempunyai hasil buahan yang lain."(34)

Itulah dua ladang anggur yang sedang berbuah dikelilingi banjaran pokok-pokok tamar dan di antara keduanya terdapat berbagai-bagai tanaman yang lain dan anak-anak sungai yang mengalir. Itulah satu pemandangan yang indah, menyegar, memberi keni'matan dan kekayaan:

كِلۡتَا ٱلۡجَنَّتَيۡنِ ءَاتَتۡ أُكُلَهَا وَلَمۡ تَظۡلِم مِّنۡهُ شَيۡـٔٗاۚ

"Kedua-dua ladang itu telah menghasilkan buah-buahan yang sempurna, tiada sedikit pun yang kurang."(33)

Ungkapan ini memilih kata-kata "تظلم" dengan erti "kurang" untuk ditandingkan di antara dua ladang itu dengan pemiliknya yang telah menzalimkan dirinya sendiri dengan sikapnya yang angkuh dan tidak bersyukur.

Lihatlah tuanpunya dua ladang ini begitu bangga dengan ladangnya dan begitu besar hati melihatnya. Dia menunjuk-nunjukkan kesan kebanggaannya laksana ayam jantan yang membuka kepaknya dan laksana merak yang mengembangkan ekornya. Dia mendabik dadanya kepada kawannya yang miskin:

فَقَالَ لِصَٰحِبِهِۦ وَهُوَ يُحَاوِرُهُۥٓ أَنَا۠ أَكۡثَرُ مِنكَ مَالٗا وَأَعَزُّ نَفَرٗا ﴿٣٤﴾

"Lalu dia berkata kepada temannya ketika dia berdialog dengannya: Aku mempunyai harta kekayaan yang lebih banyak dari engkau dan mempunyai pengikut-pengikut yang lebih kuat."(34)

Kemudian dia berjalan dengan kawannya memasuki salah satu dari dua ladang itu dengan hati yang penuh bangga dan angkuh. Dia telah lupakan Allah dan lupa untuk mensyukuri ni'mat pemberian-Nya. Dia menyangka ladang-ladangnya yang berbuah lebih itu tidak akan musnah buat selama-lamanya dan secara tegas pula dia ingkarkan hari Qiamat, dan andainya hari Qiamat itu berlaku juga, maka dia (percaya) bahawa dia tetap akan mendapat kedudukan yang baik pada hari Akhirat, kerana bukankah di dunia ini dia telah menjadi tuanpunya ladang-ladang dan sudah tentu kedudukannya itu akan dipandang tinggi pula pada hari Akhirat.

وَدَخَلَ جَنَّتَهُۥ وَهُوَ ظَالِمٞ لِّنَفۡسِهِۦ قَالَ مَآ أَظُنُّ أَن تَبِيدَ هَٰذِهِۦٓ أَبَدٗا ﴿٣٥﴾ وَمَآ أَظُنُّ ٱلسَّاعَةَ قَآئِمَةٗ وَلَئِن رُّدِدتُّ إِلَىٰ رَبِّي لَأَجِدَنَّ خَيۡرٗا مِّنۡهَا مُنقَلَبٗا ﴿٣٦﴾

"Dan dia memasuki ladangnya dengan sikap yang menganiayai dirinya sendiri seraya berkata: Aku fikir ladang-ladang ini tidak akan musnah buat selama-lamanya(35). Dan aku juga fikir Qiamat tidak akan berlaku dan andainya aku dikembalikan kepada Tuhanku tentulah aku akan memperolehi tempat kediaman yang lebih baik dari ini."(36)

Itulah perasaan angkuh yang membuat manusia-manusia yang berpangkat, berkuasa, mewah dan kaya itu berfikir bahawa nilai-nilai yang diberikan kepada mereka oleh penduduk dunia yang fana ini akan terus diberikan kepada mereka sehingga di alam al-Mala'ul-A'la. Selama mereka mempunyai kedudukan yang mengatasi penghuni-penghuni bumi ini, maka sudah tentu pula mereka mempunyai kedudukan yang terhormat di langit.

Adapun kawannya yang miskin yang tidak mempunyai sebarang kekayaan, tidak mempunyai pengikut-pengikut, tidak mempunyai ladang dan hasil-hasil yang lain, maka dia berbangga dengan nilai-nilai yang lebih kekal dan lebih tinggi lagi. Dia berbangga dengan 'aqidah dan keimanannya dan dia berbangga dengan Allah yang dipatuhi semua makhluk. Dia menentang pendirian kawannya yang angkuh itu dan mengecam keangkuhannya. Dia mengingatkannya dengan asal-usul kejadiannya yang hina yang diciptakan dari air mani dan tanah. Dia menasihatkannya supaya menunjukkan adab sopan yang wajib terhadap Allah yang mengurniakan ni'mat, dia memberi amaran terhadap akibat keangkuhan dan kesombongannya dan dia sentiasa mengharapkan kurnia di sisi Allah yang lebih baik dari ladang dan buah-buahan itu:

قَالَ لَهُۥ صَاحِبُهُۥ وَهُوَ يُحَاوِرُهُۥٓ أَكَفَرۡتَ بِٱلَّذِي خَلَقَكَ مِن تُرَابٖ ثُمَّ مِن نُّطۡفَةٖ ثُمَّ سَوَّىٰكَ رَجُلٗا ﴿٣٧﴾ لَّٰكِنَّا۠ هُوَ ٱللَّهُ رَبِّي وَلَآ أُشۡرِكُ بِرَبِّيٓ أَحَدٗا ﴿٣٨﴾ وَلَوۡلَآ إِذۡ دَخَلۡتَ جَنَّتَكَ قُلۡتَ مَا شَآءَ ٱللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِۚ إِن تَرَنِ أَنَا۠ أَقَلَّ مِنكَ مَالٗا وَوَلَدٗا ﴿٣٩﴾

فَعَسَىٰ رَبِّىٓ أَن يُؤْتِيَنِ خَيْرًا مِّن جَنَّتِكَ وَيُرْسِلَ عَلَيْهَا حُسْبَانًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فَتُصْبِحَ صَعِيدًا زَلَقًا ﴿٤٠﴾ أَوْ يُصْبِحَ مَآؤُهَا غَوْرًا فَلَن تَسْتَطِيعَ لَهُۥ طَلَبًا ﴿٤١﴾

"Lalu temannya berkata kepadanya ketika dia berdialog dengannya: Apakah engkau tidak percaya lagi kepada Tuhan yang telah menciptakan engkau dari tanah kemudian dari nutfah kemudian Dia menjadikan engkau seorang lelaki (yang sempurna)(37). Tetapi bagi kami Allah itulah Tuhanku dan aku tidak sekali mempersekutukan Tuhanku dengan sesiapa pun(38). Sepatutnya engkau berkata sewaktu engkau memasuki ladang engkau tadi: Masya' Allah (semuanya ini adalah kurnia yang telah dikehendaki Allah) tiada daya upaya (bagiku) melainkan dengan pertolongan Allah. Jika engkau memandang aku mempunyai harta kekayaan dan anak pinak yang lebih sedikit darimu(39). Maka aku harap semoga Tuhanku mengurniakan satu ni'mat yang lebih baik dari ladangmu dan (lambat-laun Dia akan) menimpakan ladangmu dengan satu bencana dari langit menyebabkan ladang-ladang itu menjadi tanah yang tandus licin(40). Atau air sungai ladang itu menjadi kering ditelan bumi menyebabkan engkau tidak akan dapat mencarinya lagi."(41)

Beginilah perasaan bangga dengan keimanan itu membongkas di dalam jiwa yang beriman. Ia tidak menghiraukan harta dan para pengikut, ia tidak peduli kepada kekayaan dan kesombongan. Ia tidak teragak-agak terhadap kebenaran dan tidak akan mengambil hati kawan-kawan untuk mempertahankan kebenaran. Dan beginilah orang yang beriman itu merasa dirinya kuat dan gagah apabila berdepan dengan pangkat kebesaran dan harta kekayaan. Dia memandang limpah kurnia di sisi Allah lebih baik dari segala kesenangan hidup dunia, dan memandang bahawa limpah kurnia Allah itu amat luas dan dia sentiasa bercita-cita mendapatkan limpah kurnia Allah. Seterusnya dia memandang kemurkaan Allah itu amat dahsyat dan lambat-laun akan menimpa ke atas orang-orang yang lalai dan angkuh.

Kemudian secara mendadak ayat-ayat berikut memindahkan kita dari pemandangan kesuburan dan kemakmuran kepada pemandangan kemusnahan dan kehancuran, dari keadaan sombong dan angkuh kepada keadaan menyesal dan memohon keampunan. Itulah keadaan yang telah diduga oleh teman yang beriman itu:

وَأُحِيطَ بِثَمَرِهِۦ فَأَصْبَحَ يُقَلِّبُ كَفَّيْهِ عَلَىٰ مَآ أَنفَقَ فِيهَا وَهِىَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا وَيَقُولُ يَٰلَيْتَنِى لَمْ أُشْرِكْ بِرَبِّىٓ أَحَدًا ﴿٤٢﴾

"Dan seluruh hasil tanamannya dibinasakan menyebabkannya membalik-balikkan kedua tangannya (kerana menyesali) perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dihabiskan kerana ladang-ladang itu, sedangkan semuanya telah roboh bersama junjung-junjungnya sambil berkata: Alangkah baiknya jika aku tidak mempersekutukan Allah Tuhanku dengan sesiapa pun."(42)

Itulah satu pemandangan yang amat jelas terpampang: Segala buah-buahan telah musnah belaka seolah-olah ia diserang dari segala sudutnya dan tiada sedikit pun yang selamat. Segala junjungan ladang anggur itu runtuh dan hancur lebur semuanya, sedangkan pemiliknya kelihatan membalik-balikkan kedua tangannya kerana menyesal dan sedih di atas kehilangan wang perbelanjaannya dan kehilangan usaha tenaganya. Dia menyesali perbuatannya yang telah mempersekutukan Allah, dan baru sekarang dia mengakui Rububiyah dan Wahdaniyah Allah. Walaupun dia tidak pernah mengeluarkan perkataan syirik secara terus terang, namun sikapnya yang berbangga dengan nilai hidup dunia yang lain dari nilai-nilai iman merupakan satu perbuatan syirik yang dikecam dan disesalinya sekarangdi samping memohon perlindungan dari-Nya walaupun setelah terluput waktunya.

Di sini ditonjolkan hanya Allah sahaja yang memiliki perlindungan dan kekuasaan dan tiada kekuatan sebenar melainkan kekuatan Allah dan tiada pertolongan sebenar melainkan pertolongan-Nya. Di samping itu balasan Allah merupakan sebaik-baik balasan, dan segala kebaikan yang ada di sisi Allah untuk seorang itu merupakan sebaik-baik kebaikan yang masih tinggal:

وَلَمْ تَكُن لَّهُۥ فِئَةٌ يَنصُرُونَهُۥ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَمَا كَانَ مُنتَصِرًا ﴿٤٣﴾ هُنَالِكَ ٱلْوَلَٰيَةُ لِلَّهِ ٱلْحَقِّ هُوَ خَيْرٌ ثَوَابًا وَخَيْرٌ عُقْبًا ﴿٤٤﴾

"Dan tiada satu kumpulan manusia pun yang dapat menolongnya selain dari Allah dan dia juga tidak dapat membela dirinya sendiri(43). Di sana seluruh kuasa memberi perlindungan hanya menjadi milik Allah Yang Maha Benar sahaja. Dialah sebaik-baik pemberi ganjaran dan sebaik-baik pemberi balasan."(44)

Kemudian tirai dilabuhkan menutupi pemandangan ladang-ladang yang runtuh dan musnah dan pemandangan tuanpunya kebun yang membalik-balikkan dua tangannya

kerana sedih dan menyesal, sedangkan di sana kebesaran Allah memayungi seluruh suasana itu dan qudrat kuasa manusia kelihatan hilang lenyap.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 46)

Di hadapan pemandangan inilah Allah mengemukakan sebuah contoh perbandingan bagi kehidupan dunia seluruhnya, iaitu kehidupan dunia itu laksana kebun yang pendek umur yang telah dikemukakan tadi sebagai contoh perbandingan. Ia tidak kekal dan mantap:

وَٱضْرِبْ لَهُم مَّثَلَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا كَمَآءٍ أَنزَلْنَٰهُ مِنَ

ٱلسَّمَآءِ فَٱخۡتَلَطَ بِهِۦ نَبَاتُ ٱلۡأَرۡضِ فَأَصۡبَحَ هَشِيمٗا
تَذۡرُوهُ ٱلرِّيَٰحُۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ مُّقۡتَدِرًا ٤٥

"Dan berilah satu perbandingan tentang kehidupan dunia. Ia laksana air hujan yang Kami turunkan dari langit, kemudian tumbuhlah aneka tumbuhan bumi yang bersebati dengannya, kemudian ia menjadi kering dan hancur ditiup angin, dan Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(45)

Pemandangan ini ditayangkan dengan ringkas dan sepintas lalu sahaja untuk menimbulkan di dalam hati suasana kemusnahan dan kebinasaan. Air hujan turun dari langit tanpa berlari dan mengalir tetapi terus bercampur dan bersebati dengan tumbuhan-tumbuhan di bumi, sementara tumbuhan-tumbuhan pula tidak (digambarkan) subur dan masak, tetapi terus menjadi kering dan hancur lebur di tiup angin. Di antara tiga rangkai ayat yang pendek itu berakhirlah tayangan filem kehidupan itu.

Untuk memendekkan tayangan pemandangan-pemandangan itu, digunakan susunan kata-kata yang diiringi dengan Fa' "الفاء" yang menunjukkan tertib kejadian (yang bererti: Kemudian):

كَمَآءٍ أَنزَلۡنَٰهُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ فَٱخۡتَلَطَ بِهِۦ نَبَاتُ ٱلۡأَرۡضِ
فَأَصۡبَحَ هَشِيمٗا تَذۡرُوهُ ٱلرِّيَٰحُۗ

"Laksana air hujan yang Kami turunkan dari langit, kemudian tumbuhlah aneka tumbuhan bumi yang bersebati dengannya, kemudian ia menjadi kering dan hancur ditiup angin."(45)

Alangkah pendek umurnya dan alangkah lemah hidupnya.

Setelah pemandangan kehidupan yang binasa itu mencetuskan kesannya di dalam hati, maka ayat yang berikut menjelaskan pula nilai-nilai hidup yang dicintai manusia di dunia dan nilai-nilai yang kekal abadi yang wajar mendapat perhatian mereka dengan menggunakan neraca 'aqidah:

ٱلۡمَالُ وَٱلۡبَنُونَ زِينَةُ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَاۖ وَٱلۡبَٰقِيَٰتُ
ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيۡرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابٗا وَخَيۡرٌ أَمَلٗا ٤٦

"Harta kekayaan dan anak pinak hanya merupakan hiasan kehidupan dunia sahaja, sedangkan amalan-amalan soleh yang kekal adalah lebih baik di sisi Allah Tuhanmu dari segi balasan dan lebih baik dari segi harapan."(46)

Harta kekayaan dan anak pinak hanya hiasan kehidupan sahaja, dan Islam tidak melarang manusia meni'mati hiasan-hiasan kehidupan dalam batas hiasan-hiasan yang baik, malah ia memberi nilai hiasan yang wajar kepada kedua-duanya mengikut neraca pertimbangan keni'matan yang kekal abadi dan tidak lebih dari itu.

Kedua-duanya adalah hiasan sahaja bukannya nilai. Oleh sebab itu manusia tidak boleh diukur dan dinilai berdasarkan kedua-duanya di dalam kehidupan ini, malah nilai yang sebenar adalah terletak pada amalan-amalan soleh yang kekal dalam bentuk tindakan-tindakan, perkataan-perkataan dan ibadat-ibadat.

Sekiranya cita-cita dan harapan manusia biasanya dikaitkan dengan harta kekayaan dan anak pinak, maka amalan-amalan soleh yang kekal itu dapat memberi ganjaran dan harapan yang lebih baik lagi pada hari balasan, di mana hati orang-orang yang beriman meletakkan harapan mereka kepadanya dan menunggu-nunggu hasilnya.

* * * * * *

Demikianlah bimbingan Ilahi kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau tetap bersahabat dengan orang-orang Mu'min yang beribadat kepada Allah pagi dan petang itu selaras dengan saranan kisah dua buah ladang itu, juga selaras dengan bayangan contoh perbandingan kehidupan dunia, dan seterusnya selaras dengan penjelasan yang akhir ini, di mana dijelaskan nilai yang sebenar bagi kehidupandi dunia dan kehidupan selepas hidup di dunia. Seluruhnya bekerjasama membetulkan nilai-nilai mengikut neraca 'aqidah, dan seluruhnya berjalan seiringan di dalam surah ini mengikut faedah keseimbangan yang seni dan keseimbangan perasaan di dalam Al-Qur'an. [4]

(Kumpulan ayat-ayat 47 - 59)

وَيَوۡمَ نُسَيِّرُ ٱلۡجِبَالَ وَتَرَى ٱلۡأَرۡضَ بَارِزَةٗ وَحَشَرۡنَٰهُمۡ
فَلَمۡ نُغَادِرۡ مِنۡهُمۡ أَحَدٗا ٤٧
وَعُرِضُواْ عَلَىٰ رَبِّكَ صَفّٗا لَّقَدۡ جِئۡتُمُونَا كَمَا خَلَقۡنَٰكُمۡ
أَوَّلَ مَرَّةِۭۚ بَلۡ زَعَمۡتُمۡ أَلَّن نَّجۡعَلَ لَكُم مَّوۡعِدٗا ٤٨
وَوُضِعَ ٱلۡكِتَٰبُ فَتَرَى ٱلۡمُجۡرِمِينَ مُشۡفِقِينَ مِمَّا
فِيهِ وَيَقُولُونَ يَٰوَيۡلَتَنَا مَالِ هَٰذَا ٱلۡكِتَٰبِ لَا
يُغَادِرُ صَغِيرَةٗ وَلَا كَبِيرَةً إِلَّآ أَحۡصَىٰهَاۚ وَوَجَدُواْ
مَا عَمِلُواْ حَاضِرٗاۗ وَلَا يَظۡلِمُ رَبُّكَ أَحَدٗا ٤٩
وَإِذۡ قُلۡنَا لِلۡمَلَٰٓئِكَةِ ٱسۡجُدُواْ لِأٓدَمَ فَسَجَدُوٓاْ إِلَّآ
إِبۡلِيسَ كَانَ مِنَ ٱلۡجِنِّ فَفَسَقَ عَنۡ أَمۡرِ رَبِّهِۦٓۗ

---

[4] *Lihat bab* "القصة في القرآن" *dalam kitab* "التصوير الفني في القرآن"

أَفَتَتَّخِذُونَهُۥ وَذُرِّيَّتَهُۥٓ أَوۡلِيَآءَ مِن دُونِي وَهُمۡ لَكُمۡ
عَدُوُّۢۚ بِئۡسَ لِلظَّٰلِمِينَ بَدَلٗا ﴿٥٠﴾
مَّآ أَشۡهَدتُّهُمۡ خَلۡقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَلَا خَلۡقَ
أَنفُسِهِمۡ وَمَا كُنتُ مُتَّخِذَ ٱلۡمُضِلِّينَ عَضُدٗا ﴿٥١﴾
وَيَوۡمَ يَقُولُ نَادُواْ شُرَكَآءِيَ ٱلَّذِينَ زَعَمۡتُمۡ فَدَعَوۡهُمۡ
فَلَمۡ يَسۡتَجِيبُواْ لَهُمۡ وَجَعَلۡنَا بَيۡنَهُم مَّوۡبِقٗا ﴿٥٢﴾
وَرَءَا ٱلۡمُجۡرِمُونَ ٱلنَّارَ فَظَنُّوٓاْ أَنَّهُم مُّوَاقِعُوهَا وَلَمۡ
يَجِدُواْ عَنۡهَا مَصۡرِفٗا ﴿٥٣﴾

"(Ingatlah) pada hari Kami bongkarkan segala gunung-ganang dan engkau dapat melihat bumi ini terdedah mendatar begitu nyata dan Kami himpunkan seluruh mereka, Kami tidak tinggal seorang pun dari mereka(47). Dan mereka dibawa di hadapan Tuhanmu dengan berbaris (lalu dikatakan kepada mereka): Sesungguhnya (hari ini) kamu telah datang kepada Kami dengan keadaan yang sama sewaktu Kami ciptakan kamu pada kali yang pertama, malah kamu telah menyangka bahawa Kami tidak akan mengadakan untuk kamu masa (kebangkitan dan pengadilan ini)(48). Dan (pada hari itu) dibentangkan buku laporan amalan, maka (di sana) engkau dapat melihat orang-orang yang berdosa begitu takut kepada apa yang tersurat di dalamnya dan mereka berkata: Amboi malangnya nasib kami! Mengapakah buku ini tidak meninggalkan (sesuatu apa) baik kecil mahupun besar melainkan semuanya dihitung satu persatu? Dan mereka dapati segala apa yang telah dilakukan mereka tercatat belaka. Dan Tuhanmu tidak menganiayai sesiapa pun(49). Dan (kenangilah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kepada Adam, lalu seluruh mereka sujud belaka kecuali Iblis yang berasal dari bangsa jin maka dialah sahaja yang telah melanggar perintah Tuhannya. Apakah wajar kamu mengambil Iblis dan keturunannya sebagai pemimpin-pemimpin selain dari Aku, sedangkan mereka seteru kamu? Dialah seburuk-buruk pengganti bagi orang-orang yang zalim(50). Aku tidak pernah menghadirkan mereka sebagai saksi dalam penciptaan langit dan bumi dan tidak juga dalam ciptaan diri mereka sendiri dan aku tidak pernah mengambil para penyesat itu sebagai pembantu-pembantu(51). Dan (ingatlah) pada hari Allah berfirman: Panggillah sekalian sekutu-sekutu-Ku yang telah kamu dakwakan itu. Lalu mereka pun memanggil mereka,tetapi sekutu-sekutu itu tidak menyahuti panggilan mereka. Dan Kami telah jadikan di antara mereka satu tempat kebinasaan (Neraka)(52). Dan (pada hari itu) orang-orang yang berdosa akan melihat Neraka lalu yakinlah mereka bahawa mereka akan dihumbankanke dalamnya dan mereka tidak akan menemui sebarang jalan lagi yang dapat menghindarkan mereka darinya"(53).

وَلَقَدۡ صَرَّفۡنَا فِي هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانِ لِلنَّاسِ مِن كُلِّ مَثَلٖۚ
وَكَانَ ٱلۡإِنسَٰنُ أَكۡثَرَ شَيۡءٖ جَدَلٗا ﴿٥٤﴾

وَمَا مَنَعَ ٱلنَّاسَ أَن يُؤۡمِنُوٓاْ إِذۡ جَآءَهُمُ ٱلۡهُدَىٰ
وَيَسۡتَغۡفِرُواْ رَبَّهُمۡ إِلَّآ أَن تَأۡتِيَهُمۡ سُنَّةُ ٱلۡأَوَّلِينَ
أَوۡ يَأۡتِيَهُمُ ٱلۡعَذَابُ قُبُلٗا ﴿٥٥﴾
وَمَا نُرۡسِلُ ٱلۡمُرۡسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَۚ
وَيُجَٰدِلُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِٱلۡبَٰطِلِ لِيُدۡحِضُواْ بِهِ
ٱلۡحَقَّۖ وَٱتَّخَذُوٓاْ ءَايَٰتِي وَمَآ أُنذِرُواْ هُزُوٗا ﴿٥٦﴾
وَمَنۡ أَظۡلَمُ مِمَّن ذُكِّرَ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِۦ فَأَعۡرَضَ عَنۡهَا
وَنَسِيَ مَا قَدَّمَتۡ يَدَاهُۚ إِنَّا جَعَلۡنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمۡ أَكِنَّةً
أَن يَفۡقَهُوهُ وَفِيٓ ءَاذَانِهِمۡ وَقۡرٗاۖ وَإِن تَدۡعُهُمۡ إِلَى
ٱلۡهُدَىٰ فَلَن يَهۡتَدُوٓاْ إِذًا أَبَدٗا ﴿٥٧﴾
وَرَبُّكَ ٱلۡغَفُورُ ذُو ٱلرَّحۡمَةِۖ لَوۡ يُؤَاخِذُهُم بِمَا كَسَبُواْ
لَعَجَّلَ لَهُمُ ٱلۡعَذَابَۚ بَل لَّهُم مَّوۡعِدٞ لَّن يَجِدُواْ مِن
دُونِهِۦ مَوۡئِلٗا ﴿٥٨﴾
وَتِلۡكَ ٱلۡقُرَىٰٓ أَهۡلَكۡنَٰهُمۡ لَمَّا ظَلَمُواْ وَجَعَلۡنَا
لِمَهۡلِكِهِم مَّوۡعِدٗا ﴿٥٩﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah memberi penjelasan kepada manusia di dalam Al-Qur'an ini dengan berbagai-bagai contoh perbandingan, tetapi manusia adalah suatu kejadian yang paling banyak berdebat(54). Dan tiada yang menghalangi manusia dari beriman ketika hidayat sampai kepada mereka dan dari memohon keampunan kepada Tuhan mereka kecuali mereka ditimpa undang-undang keseksaan Allah yang telah menimpa umat-umat yang lalu atau mereka ditimpa 'azab yang dapat dilihat dengan mata kepala mereka(55). Dan Kami tidak utuskanpara rasul itu melainkan hanya sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran, tetapi orang-orang yang kafir sentiasa membantah dengan alasan yang batil untuk menghapuskan kebenaran, dan mereka telah mempersenda-sendakan ayat-ayatku dan segala amaran yang diberikan kepada mereka(56). Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang telah diperingati dengan ayat-ayat Tuhannya tetapi dia berpaling darinya dan lupakan dosa yang telah dilakukannya. Sesungguhnya Kami telah meletakkan di atas hati mereka penutup-penutup menyebabkan mereka tidak dapat memahaminya dan di dalam telinga mereka penyumbat-penyumbat, kerana itu jika engkau menyeru mereka kepada hidayat, mereka tidak akan menerima hidayat buat selama-lamanya(57). Dan Tuhanmu Maha Pengampun dan Maha Limpah rahmat-Nya. Jika Dia hendak menimpakan 'azab ke atas mereka dengan sebab dosa-dosa yang telah dilakukan mereka nescaya Dia boleh mempercepatkan 'azab itu

menimpa mereka, tetapi untuk mereka telah ditetapkan masa pembalasan, di mana mereka tidak akan menemui sebarang tempat perlindungan darinya(58). Itulah penduduk negeri-negeri yang telah Kami binasakan mereka ketika mereka melakukan kezaliman dan Kami telah menetapkan masa tertentu untuk membinasakan mereka.'(59)

Pelajaran yang lepas telah berakhir dengan pembicaraan mengenai amalan-amalan soleh yang kekal abadi dan di sini Al-Qur'an menyambungkan pula pembicaraannya mengenai hari Qiamat, di mana amalan-amalan yang soleh itu ditimbang dan dihisab. Ia menayangkan hari itu di dalam satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat. Kemudian ia iringi dengan singgungan sepintas lalu mengenai cerita iblis pada hari ia diperintah sujud kepada Adam, tetapi dia telah melanggar perintah Allah. Kisah ini disinggung untuk menyatakan kehairanan terhadap perbuatan manusia yang mengambil syaitan-syaitan sebagai pemimpin-pemimpin mereka, sedangkan mereka telah mengetahui bahawa syaitan-syaitan itu adalah seteru mereka. Dan kerana perbuatan itu mereka akhirnya mendapat 'azab pada Hari Hisab. Kemudian ia menyebut pula tentang sekutu-sekutu (tuhan-tuhan palsu) yang tidak menyahut seruan para penyembahnya pada hari yang dijanjikan itu.

Di samping itu Allah telah menjelaskan berulang-ulang kali berbagai-bagai perbandingan kepada manusia supaya mereka memelihara diri mereka dari malapetaka hari itu, tetapi malangnya mereka tidak juga mahu beriman, malah mereka mencabar supaya ditimpakan 'azab yang diancamkan itu atau supaya mereka ditimpakan kebinasaan yang telah menimpa umat-umat sebelum mereka. Mereka terus berdebat dengan alasan-alasan yang batil untuk menewaskan kebenaran. Mereka mempermain-mainkan ayat-ayat Allah dan para rasul-Nya. Dan andainya tidak kerana limpah rahmat Allah tentulah dia mempercepatkan 'azab itu kepada mereka.

Pusingan ini yang menayangkan pemandangan-pemandangan Qiamat dan kebinasaan-kebinasaan yang menimpa para pendusta itu adalah mempunyai pertalian yang rapat dengan paksi pembicaraan surah dalam usaha untuk membetulkan 'aqidah dan menerangkan balasan yang menunggu para pendusta supaya mereka mendapat hidayat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 47 - 49)

وَيَوْمَ نُسَيِّرُ ٱلْجِبَالَ وَتَرَى ٱلْأَرْضَ بَارِزَةً وَحَشَرْنَٰهُمْ فَلَمْ نُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا ﴿٤٧﴾

وَعُرِضُوا۟ عَلَىٰ رَبِّكَ صَفًّا لَّقَدْ جِئْتُمُونَا كَمَا خَلَقْنَٰكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍۭ ۚ بَلْ زَعَمْتُمْ أَلَّن نَّجْعَلَ لَكُم مَّوْعِدًا ﴿٤٨﴾

وَوُضِعَ ٱلْكِتَٰبُ فَتَرَى ٱلْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَٰوَيْلَتَنَا مَالِ هَٰذَا ٱلْكِتَٰبِ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّآ أَحْصَىٰهَا ۚ وَوَجَدُوا۟ مَا عَمِلُوا۟ حَاضِرًا ۗ وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا ﴿٤٩﴾

"(Ingatlah) pada hari Kami bongkarkan segala gunung-ganang dan engkau dapat melihat bumi ini terdedah mendatar begitu nyata dan Kami himpunkan seluruh mereka, Kami tidak tinggal seorang pun dari mereka(47). Dan mereka dibawa di hadapan Tuhanmu dengan berbaris (lalu dikatakan kepada mereka): Sesungguhnya (hari ini) kamu telah datang kepada Kami dengan keadaan yang sama sewaktu Kami ciptakan kamu pada kali yang pertama, malah kamu telah menyangka bahawa Kami tidak akan mengadakan untuk kamu masa (kebangkitan dan pengadilan itu)(48). Dan (pada hari itu) dibentangkan buku laporan amalan, maka (di sana) engkau dapat melihat orang-orang yang berdosa begitu takut kepada apa yang tersurat di dalamnya dan mereka berkata: Amboi malangnya nasib Kami! Mengapakah buku ini tidak meninggalkan (sesuatu apa) baik kecil mahupun besar melainkan semuanya dihitung satu persatu? Dan mereka dapati segala apa yang telah dilakukan mereka tercatat belaka. Dan Tuhanmu tidak menganiayai sesiapa pun."(49)

Itulah pemandangan yang diikut serta oleh alam. Kedahsyatan pemandangan itu terlukis jelas di lembaran-lembaran alam dan lembaran-lembaran hati manusia. Ia merupakan suatu pemandangan, di mana bukit-bukau dan gunung-ganang yang kukuh teguh itu kelihatan bergoyang dan berjalan. Bagaimanapun dengan hati manusia? Dan bumi kelihatan tandus, licin dan seluruh permukaannya terdedah, tiada lagi tanah-tanah tinggi dan tanah-tanah gaung, tiada lagi gunung-ganang dan tiada lagi wadi-wadi dan perlembahan-pelembahan. Lubuk-lubuk hati yang tersembunyi juga turut terdedah hingga tiada satu pun yang tersembunyi.

Dan dari pemandangan bumi rata yang terbuka dan tidak melindungi sesuatu apa dan sesiapa pun.....:

وَحَشَرْنَٰهُمْ فَلَمْ نُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا ﴿٤٧﴾

"Kami himpunkan seluruh mereka. Kami tidak tinggal seorang pun dari mereka."(47)

Dan dari pemandangan-perhimpunan agung yang tidak meninggal seorang pun, Al-Qur'an membawa (kita) kepada pemandangan perbarisan seluruh manusia:

وَعُرِضُوا۟ عَلَىٰ رَبِّكَ صَفًّا

"Dan mereka dibawa di hadapan Tuhanmu dengan berbaris"(48)

seluruh manusia yang tidak terhingga bilangannya sejak wujudnya umat manusia di muka bumi ini hingga tamatnya kehidupan dunia ini adalah

dikumpul dan dihimpun dalam barisan-barisan yang berjejal. Tiada seorang pun yang tertinggal. Bumi terdedah rata tidak dapat menyembunyikan seorang pun.

Di sini ayat berikut beralih dari penceritaan kepada percakapan. Kini pemandangan itu terdedah nyata dan segala apa yang berlaku dapat dilihat dan didengar oleh kita. Kini kita melihat tanda kehampaan di atas wajah-wajah mereka yang mengingkari hari kebangkitan itu:

لَّقَدْ جِئْتُمُونَا كَمَا خَلَقْنَٰكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍۭ ۚ بَلْ زَعَمْتُمْ أَلَّن نَّجْعَلَ لَكُم مَّوْعِدًا ﴿٤٨﴾

"Sesungguhnya (hari ini) kamu telah datang kepada Kami dengan keadaan yang sama sewaktu Kami ciptakan kamu pada kali pertama, malah kamu telah menyangka bahawa Kami tidak akan mengadakan untuk kamu masa (kebangkitan dan pengadilan ini)."(48)

Peralihan dari penceritaan kepada percakapan menghidupkan lagi pemandangan itu dan menjadikannya terpampang jelas seolah di hadapan mata di sa'at itu, bukannya pada masa depan di alam ghaib pada Hari Hisab.

Kita hampir-hampir dapat memerhatikan tanda-tanda kecewa dan hina diraut muka mereka ketika suara Ilahi yang amat hebat itu mengecam para pendusta itu:

لَّقَدْ جِئْتُمُونَا كَمَا خَلَقْنَٰكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍۭ ۚ

"Sesungguhnya (hari ini) kamu datang kepada Kami dengan keadaan yang sama sewaktu Kami ciptakan kamu pada kali yang pertama"(48)

sedangkan kamu telah menyangka bahawa kebangkitan ini tidak akan berlaku:

بَلْ زَعَمْتُمْ أَلَّن نَّجْعَلَ لَكُم مَّوْعِدًا ﴿٤٨﴾

"Malah kamu telah menyangka bahawa Kami tidak akan mengadakan untuk kamu masa (kebangkitan dan pengadilan ini)."(48)

Setelah menghidup dan menghadirkan pemandangan itu dengan peralihan dari penceritaan kepada percakapan, Al-Qur'an kembali menyambung ceritanya mengenai apa yang berlaku di sana:

وَوُضِعَ ٱلْكِتَٰبُ فَتَرَى ٱلْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ

"Dan (pada hari itu) dibentangkan buku laporan amalan-amalan, maka (di sana) engkau dapat melihat orang-orang yang berdosa begitu takut kepada apa yang tersurat di dalamnya."(49)

Itulah buku catatan amalan mereka dibentangkan di hadapan mereka. Mereka membaca dan menyemak buku itu dengan hati-hati, tiba-tiba mereka dapatinya mengandungi catatan-catatan yang lengkap dan halus. Mereka amat takut kepada akibatnya dan merasa geram terhadap buku ini, yang tidak meninggal sesuatu apa pun dan tiada sesuatu pun yang terluput darinya sama ada kecil atau besar:

وَيَقُولُونَ يَٰوَيْلَتَنَا مَالِ هَٰذَا ٱلْكِتَٰبِ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّآ أَحْصَىٰهَا ۚ

"Dan mereka berkata: Amboi malangaya nasib kami! Mengapakah buku ini tidak meninggalkan (sesuatu apa) baik kecil mahupun besar melainkan semuanya dihitung satu persatu?"(49)

Itulah keluhan orang yang dendam, marah, takut dan bimbang kepada akibat-akibat yang amat buruk. Dia telah ditangkap dengan keadaan terdedah menyebabkannya tidak berupaya lagi untuk melepas dan melarikan diri, juga tidak berupaya lagi untuk berdalih dan putarbelit:

وَوَجَدُوا۟ مَا عَمِلُوا۟ حَاضِرًا ۗ

"Dan mereka dapati segala apa yang telah dilakukan mereka ada tercatat belaka"(49)

dan kerana itu mereka mendapat balasan yang adil:

وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا ﴿٤٩﴾

"Dan Tuhanmu tidak menganiayai sesiapa pun."(49)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 50 - 53)

Para pendosa yang bersikap demikian memang mengetahui bahawa Iblis itu musuh mereka, tetapi mereka masih menjadikannya itu sebagai pemimpin mereka, kerana itu Iblis membawa mereka kepada situasi yang amat gawat. Alangkah anehnya sikap mereka yang berpemimpinkan Iblis dan zuriat keturunannya, sedangkan Iblis musuh ketat mereka sejak tercetusnya perseteruan di antara Adam dan Iblis:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ ٱلْجِنِّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِۦٓ ۗ أَفَتَتَّخِذُونَهُۥ وَذُرِّيَّتَهُۥٓ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِى وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّۢ ۚ بِئْسَ لِلظَّٰلِمِينَ بَدَلًا ﴿٥٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kepada Adam, lalu seluruh mereka sujud belaka kecuali Iblis yang berasal dari bangsa jin, maka dialah sahaja yang telah melanggar perintah Tuhannya. Apakah wajar kamu mengambil Iblis dan keturunannya sebagai pemimpin-pemimpin selain dari Aku, sedangkan mereka seteru kamu? Dialah seburuk-buruk pengganti bagi orang-orang yang zalim."(50)

Singgungan ini ditujukan kepada kisah lama yang diceritakan di sini untuk menyatakan kehairanan terhadap sikap anak-anak Adam yang telah mengambil zuriat keturunan Iblis sebagai pemimpin-

pemimpin mereka selain selepas tercetusnya perseteruan yang amat lama itu.

Pengambilan Iblis dan zuriatnya sebagai pemimpin-pemimpin itu berlaku dalam bentuk mengikuti dorongan-dorongan maksiat dan menjauhi dorongan-dorongan ta'at.

Mengapa manusia menjadikan musuh-musuh mereka sebagai pemimpin-pemimpin, sedangkan musuh-musuh mereka tidak mempunyai ilmu dan kekuatan, kerana Allah tidak pernah menghadirkan mereka untuk berunding dengan mereka dalam urusan penciptaan langit dan bumi, juga dalam urusan penciptaan diri mereka sendiri, dan Allah tidak pernah memperlihatkan kepada mereka urusan ghaibnya. Allah tidak pernah melantik mereka sebagai pembantu-pembantu-Nya hingga mereka mendapat kekuatan:

مَّآ أَشۡهَدتُّهُمۡ خَلۡقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَلَا خَلۡقَ أَنفُسِهِمۡ وَمَا كُنتُ مُتَّخِذَ ٱلۡمُضِلِّينَ عَضُدٗا ﴿٥١﴾

"Aku tidak pernah menghadirkan mereka sebagai saksi dalam penciptaan langit dan bumi dan tidak juga dalam ciptaan diri mereka sendiri dan aku tidak pernah mengambil para penyesat itu sebagai pembantu-pembantu."(51)

Mereka hanya salah satu makhluk dari makhluk-makhluk Allah sahaja. Mereka tidak mengetahui urusan ghaib-Nya dan Allah S.W.T. Juga tidak pernah meminta pertolongan mereka.

وَمَا كُنتُ مُتَّخِذَ ٱلۡمُضِلِّينَ عَضُدٗا ﴿٥١﴾

"Dan aku tidak pernah mengambil para penyesat itu sebagai pembantu-pembantu."(51)

Apakah Allah pernah mengambil makhluk-makhluk yang bukan penyesat sebagai pembantu-Nya?

Maha Suci Allah Yang Maha Terkaya dari semesta alam lagi Maha Gagah dan Maha Kuat! - sebenarnya pengungkapan ini hanya bertujuan mengikuti cara pemikiran karut kaum Musyrikin sahaja untuk mengesan dan membasmikannya, kerana orang-orang yang berpemimpinkan Syaitan dan mempersekutukan Allah dengan Syaitan itu telah mengikuti jalan ini dengan berpedomankan anggapan mereka yang karut bahawa Syaitan mempunyai ilmu yang amat halus dan kekuatan yang luar biasa, sedangkan sebenarnya Syaitan itu penyesat dan Allah bencikan kesesatan dan para penyesat. Jika Allah - sekadar mengikut kaedah andaian dan sepak terajang perdebatan sahaja - mahu menggunakan penolong-penolong tentulah dia tidak akan memilih penolong-penolong itu dari golongan penyesat.

Inilah pengertian yang mahu disampaikan dengan pengungkapan ini. Kemudian ditayangkan pula sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang menunjukkan nasib sekutu-sekutu (tuhan-tuhan palsu) dan para pendosa:

وَيَوۡمَ يَقُولُ نَادُواْ شُرَكَآءِيَ ٱلَّذِينَ زَعَمۡتُمۡ فَدَعَوۡهُمۡ فَلَمۡ يَسۡتَجِيبُواْ لَهُمۡ وَجَعَلۡنَا بَيۡنَهُم مَّوۡبِقٗا ﴿٥٢﴾ وَرَءَا ٱلۡمُجۡرِمُونَ ٱلنَّارَ فَظَنُّوٓاْ أَنَّهُم مُّوَاقِعُوهَا وَلَمۡ يَجِدُواْ عَنۡهَا مَصۡرِفٗا ﴿٥٣﴾

"Dan (ingatlah) pada hari Allah berfirman: Panggillah sekalian sekutu-sekutu-Ku yang telah kamu dakwakan itu. Lalu mereka pun memanggil mereka, tetapi sekutu-sekutu itu tidak menyahuti panggilan mereka. Dan Kami telah jadikan di antara mereka satu tempat kebinasaan (Neraka)(52). Dan (pada hari itu) orang-orang yang berdosa akan melihat Neraka lalu yakinlah mereka bahawa mereka akan dihumbankan ke dalamnya dan mereka tidak akan menemui sebarang jalan lagi yang dapat menghindarkan mereka darinya."(53)

Mereka kini berada dalam situasi yang tidak berguna lagi kepada mereka membuat dakwaan tanpa dalil dan bukti, kerana Allah mencabar mereka membawa sekutu-sekutu yang telah didakwakan mereka. Allah menyuruh mereka memanggil sekutu-sekutu itu supaya hadir, dan dalam keadaan yang terpinga-pinga itu mereka lupa bahawa mereka sedang berada di Akhirat, lalu mereka pun memanggil para sekutu itu, tetapi mereka tidak menyahut. Sebenarnya mereka hanya dari makhluk-makhluk Allah sahaja yang tidak berupaya melakukan apa-apa terhadap diri mereka dan orang lain di dalam suasana yang menakutkan itu. Allah telah menjadikan di antara sekutu-sekutu dan para penyembah mereka satu tempat kebinasaan yang tidak dapat dilewati kedua-dua golongan itu. Itulah api Neraka.

وَجَعَلۡنَا بَيۡنَهُم مَّوۡبِقٗا ﴿٥٢﴾

"Dan Kami telah jadikan di antara mereka satu tempat kebinasaan (Neraka)."(52)

Para pendosa itu melihat dengan hati yang penuh takut dan cemas, mereka menduga pada setiap sa'at bahawa mereka akan dihumbankan ke dalam Neraka. Alangkah seksanya menunggu 'azab yang telah ada di hadapan mata, sedangkan mereka yakin pula bahawa mereka tidak akan terlepas darinya:

وَرَءَا ٱلۡمُجۡرِمُونَ ٱلنَّارَ فَظَنُّوٓاْ أَنَّهُم مُّوَاقِعُوهَا وَلَمۡ يَجِدُواْ عَنۡهَا مَصۡرِفٗا ﴿٥٣﴾

"Dan (pada hari itu) orang-orang yang berdosa akan melihat Neraka lalu yakinlah mereka bahawa mereka akan dihumbankan ke dalamnya dan mereka tidak akan menemui sebarang jalan lagi yang dapat menghindarkan mereka darinya."(53)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 54 - 59)

Dahulu mereka mempunyai jalan untuk melepaskan diri dari Neraka jika mereka menumpukan hati mereka kepada Al-Qur'an dan tidak mempertikaikan kebenaran yang dibawanya, di mana Allah telah mengemukakan berbagai-bagai macam perbandingan supaya mencakupi semua keadaan:

وَلَقَدۡ صَرَّفۡنَا فِي هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانِ لِلنَّاسِ مِن كُلِّ مَثَلٖۚ
وَكَانَ ٱلۡإِنسَٰنُ أَكۡثَرَ شَيۡءٖ جَدَلٗا ٥٤

"Dan sesungguhnya Kami telah memberi penjelasan kepada manusia di dalam Al-Qur'an ini dengan berbagai-bagai contoh perbandingan, tetapi manusia adalah suatu kejadian yang paling banyak berdebat."(54)

Ayat ini menggambarkan manusia di tempat ini sebagai "suatu kejadian" sahaja, iaitu dia merupakan suatu kejadian yang paling banyak berdebat. Tujuannya untuk merendahkan sedikit keangkuhan manusia dan mengurangkan perasaan sombongnya dan supaya dia sedar bahawa dia hanya salah satu dari makhluk-makhluk Allah yang amat banyak, dan bahawa dia adalah satu-satunya makhluk di antara makhluk-makhluk Allah yang paling banyak berdebat setelah Allah mengemukakan segala macam perbandingan di dalam Al-Qur'an.

Kemudian Al-Qur'an membentangkan kekeliruan yang dipegang oleh orang-orang yang tidak beriman yang terdiri dari kebanyakan manusia di sepanjang zaman dan kerasulan:

وَمَا مَنَعَ ٱلنَّاسَ أَن يُؤۡمِنُوٓاْ إِذۡ جَآءَهُمُ ٱلۡهُدَىٰ
وَيَسۡتَغۡفِرُواْ رَبَّهُمۡ إِلَّآ أَن تَأۡتِيَهُمۡ سُنَّةُ ٱلۡأَوَّلِينَ
أَوۡ يَأۡتِيَهُمُ ٱلۡعَذَابُ قُبُلٗا ٥٥

"Dan tiada yang menghalangi manusia dari beriman ketika hidayat sampai kepada mereka dan dari memohon keampunan kepada Tuhan mereka kecuali mereka ditimpa undang-undang keseksaan Allah yang telah menimpa umat-umat yang lalu atau mereka ditimpa 'azab yang dapat dilihat dengan mata kepala mereka."(55)

Hidayat telah pun sampai kepada mereka dengan kadar yang cukup yang membolehkan mereka menerima hidayat itu, tetapi malangnya mereka mencabar supaya ditimpakan ke atas mereka kebinasaan yang telah ditimpakan ke atas para pendusta sebelum mereka - kerana menganggapkan perkara itu mustahil berlaku dan kerana bersenda-senda - atau ditimpakan 'azab yang datang di hadapan mata mereka dan mereka sendiri melihat 'azab itu akan menimpa mereka. Hanya di waktu inilah sahaja baru mereka yakin dan mahu beriman.

Ini semua bukan urusan para rasul. Penimpaan kebinasaan ke atas para pendusta yang telah menjadi undang-undang Allah pada umat-umat yang dahulu setelah di bawa mu'jizat-mu'jizat yang didustakan mereka atau penghantaran sesuatu 'azab keseksaan adalah semuanya dari urusan Allah belaka, sedangkan tugas para rasul hanya selaku penyampai berita gembira dan pemberi amaran sahaja:

وَمَا نُرۡسِلُ ٱلۡمُرۡسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَۚ
وَيُجَٰدِلُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِٱلۡبَٰطِلِ لِيُدۡحِضُواْ بِهِ
ٱلۡحَقَّۖ وَٱتَّخَذُوٓاْ ءَايَٰتِي وَمَآ أُنذِرُواْ هُزُوٗا ٥٦

"Dan Kami tidak utuskan para rasul itu melainkan hanya sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran, tetapi orang-orang yang kafir sentiasa membantah dengan alasan yang batil untuk menghapuskan kebenaran dan mereka telah mempersenda-sendakan ayat-ayat-Ku dan segala amaran yang diberikan kepada mereka."(56)

Kebenaran itu memang amat jelas, tetapi orang-orang yang kafir selalu membantahnya dengan alasan-alasan yang batil untuk menewas dan menghapuskannya. Mereka bukannya ingin mencari keyakinan apabila mereka menuntut mu'jizat-mu'jizat atau meminta disegerakan 'azab keseksaan, malah tujuan mereka hanya untuk mempersenda-sendakan ayat-ayat Allah dan amaran-amaran-Nya sahaja.

وَمَنۡ أَظۡلَمُ مِمَّن ذُكِّرَ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِۦ فَأَعۡرَضَ عَنۡهَا
وَنَسِيَ مَا قَدَّمَتۡ يَدَاهُۚ إِنَّا جَعَلۡنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمۡ أَكِنَّةً
أَن يَفۡقَهُوهُ وَفِيٓ ءَاذَانِهِمۡ وَقۡرٗاۖ وَإِن تَدۡعُهُمۡ إِلَى
ٱلۡهُدَىٰ فَلَن يَهۡتَدُوٓاْ إِذًا أَبَدٗا ٥٧

"Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang telah diperingati dengan ayat-ayat Tuhannya tetapi dia berpaling darinya dan lupakan dosa yang telah dilakukannya. Sesungguhnya Kami telah meletakkan di atas hati mereka penutup-penutup menyebabkan mereka tidak dapat memahaminya dan di dalam telinga mereka menyumbat penyumbat, kerana itu jika engkau menyeru mereka kepada hidayat, mereka tidak akan menerima hidayat buat selama-nya."(57)

Mereka yang mempersenda-sendakan ayat-ayat Allah dan amaran-amaran-Nya tidak dapat diharapkan dari mereka memahami Al-Qur'an ini dan mengambil apa-apa manfa'at darinya. Oleh sebab itulah Allah meletakkan penutup-penutup di atas hati mereka, yang menghalangkan mereka dari memahaminya dan memasukkan penyumbat-penyumbat di dalam telinga mereka yang tidak membolehkan mendengar. Allah telah menetapkan kesesatan ke atas mereka dengan sebab sendaan dan perbuatan mereka yang berpaling dari Al-Qur'an. Justeru itu mereka tidak akan mendapat hidayat buat selama-lamanya. Hidayat itu memerlukan hati-hati yang terbuka dan bersedia untuk menerima.

وَرَبُّكَ ٱلۡغَفُورُ ذُو ٱلرَّحۡمَةِۖ لَوۡ يُؤَاخِذُهُم بِمَا كَسَبُواْ

لَعَجَّلَ لَهُمُ ٱلْعَذَابَ

"Dan Tuhanmu Maha Pengampun dan Maha Limpah rahmat-Nya. Jika Dia hendak menimpakan 'azab ke atas mereka dengan sebab dosa-dosa yang telah dilakukan mereka nescaya Dia boleh mempercepatkan 'azab itu menimpa mereka."(58)

Tetapi Allah menangguhkan 'azab itu terhadap mereka kerana kasihan belas kepada mereka dan Allah menundakan kebinasaan yang mereka tuntut dipercepatkan itu, namun demikian Allah tidak akan mengabaikan mereka:

بَل لَّهُم مَّوْعِدٌ لَّن يَجِدُوا۟ مِن دُونِهِۦ مَوْئِلًا ﴿٥٨﴾

"......., tetapi untuk mereka telah ditetapkan masa pembalasan, di mana mereka tidak akan menemui sebarang tempat perlindungan."(58)

Itulah masa pembalasan di dunia, di mana mereka akan ditimpa sedikit 'azab keseksaan dan masa pembalasan di Akhirat di mana mereka akan dihisab dengan sempurna.

Mereka telah melakukan kezaliman, oleh itu mereka wajar menerima 'azab atau kebinasaan seperti umat-umat sebelum mereka, tetapi Allah telah menagguhkannya hingga ke masa pembalasan yang telah ditetapkan untuk mereka kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki iradat-Nya terhadap mereka, oleh itu Allah tidak mengazabkan mereka seperti umat-umat itu, malah menetapkan untuk mereka satu masa pembalasan yang lain yang tidak dapat dihindari mereka:

وَتِلْكَ ٱلْقُرَىٰٓ أَهْلَكْنَٰهُمْ لَمَّا ظَلَمُوا۟ وَجَعَلْنَا لِمَهْلِكِهِم مَّوْعِدًا ﴿٥٩﴾

"Itulah penduduk negeri-negeri yang telah Kami binasakan mereka ketika mereka melakukan kezaliman dan Kami telah menetapkan masa tertentu untuk membinasakan mereka."(59)

Oleh itu mereka jangan tertipu dengan penangguhan Allah terhadap mereka, kerana masa pembalasan itu lambat-laun akan tiba dan kerana Sunnatullah itu tidak pernah mungkir dan Allah tidak pernah menyalahi janji-Nya.

(Kumpulan ayat-ayat 60 - 82)

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِفَتَىٰهُ لَآ أَبْرَحُ حَتَّىٰٓ أَبْلُغَ مَجْمَعَ ٱلْبَحْرَيْنِ أَوْ أَمْضِىَ حُقُبًا ﴿٦٠﴾

فَلَمَّا بَلَغَا مَجْمَعَ بَيْنِهِمَا نَسِيَا حُوتَهُمَا فَٱتَّخَذَ سَبِيلَهُۥ فِى ٱلْبَحْرِ سَرَبًا ﴿٦١﴾

فَلَمَّا جَاوَزَا قَالَ لِفَتَىٰهُ ءَاتِنَا غَدَآءَنَا لَقَدْ لَقِينَا مِن سَفَرِنَا هَٰذَا نَصَبًا ﴿٦٢﴾

قَالَ أَرَءَيْتَ إِذْ أَوَيْنَآ إِلَى ٱلصَّخْرَةِ فَإِنِّى نَسِيتُ ٱلْحُوتَ وَمَآ أَنسَىٰنِيهُ إِلَّا ٱلشَّيْطَٰنُ أَنْ أَذْكُرَهُۥ ۚ وَٱتَّخَذَ سَبِيلَهُۥ فِى ٱلْبَحْرِ عَجَبًا ﴿٦٣﴾

قَالَ ذَٰلِكَ مَا كُنَّا نَبْغِ ۚ فَٱرْتَدَّا عَلَىٰٓ ءَاثَارِهِمَا قَصَصًا ﴿٦٤﴾

فَوَجَدَا عَبْدًا مِّنْ عِبَادِنَآ ءَاتَيْنَٰهُ رَحْمَةً مِّنْ عِندِنَا وَعَلَّمْنَٰهُ مِن لَّدُنَّا عِلْمًا ﴿٦٥﴾

قَالَ لَهُۥ مُوسَىٰ هَلْ أَتَّبِعُكَ عَلَىٰٓ أَن تُعَلِّمَنِ مِمَّا عُلِّمْتَ رُشْدًا ﴿٦٦﴾

قَالَ إِنَّكَ لَن تَسْتَطِيعَ مَعِىَ صَبْرًا ﴿٦٧﴾

وَكَيْفَ تَصْبِرُ عَلَىٰ مَا لَمْ تُحِطْ بِهِۦ خُبْرًا ﴿٦٨﴾

قَالَ سَتَجِدُنِىٓ إِن شَآءَ ٱللَّهُ صَابِرًا وَلَآ أَعْصِى لَكَ أَمْرًا ﴿٦٩﴾

قَالَ فَإِنِ ٱتَّبَعْتَنِى فَلَا تَسْـَٔلْنِى عَن شَىْءٍ حَتَّىٰٓ أُحْدِثَ لَكَ مِنْهُ ذِكْرًا ﴿٧٠﴾

"Dan (kenangilah) sewaktu Musa berkata kepada teman pemudanya: Aku tidak akan berhenti berjalan sehingga aku sampai di tempat pertembungan dua lautan atau aku akan terus berjalan (walaupun) bertahun-tahun lamanya(60). Dan apabila kedua-duanya tiba di tempat pertembungan dua lautan itu, mereka lupa kepada ikan (bekalan) mereka, lalu ikan itu berjalan menggelongsor ke dalam laut(61). Apabila kedua-duanya melewati (tempat itu), Musa berkata kepada teman pemudanya: Bawalah ke mari makanan kita. Sesungguhnya kita telah mendapat letih lesu kerana perjalanan kita (yang jauh) ini(62). Jawab temannya: Tidakkah engkau ingat sewaktu kita berhenti di atas batu yang besar tadi, kerana sesungguhnya aku telah terlupa (menceritakan tentang) ikan itu dan tiada yang melupakanku untuk menceritakannya (kepadamu) melainkan syaitan dan (sebenarnya) ikan itu telah berjalan menggelongsor ke dalam laut dengan cara yang aneh sekali(63). Ujar Musa: Itulah tempat yang kita cari, lalu kedua-duanya kembali semula (ke tempat itu) menyusuli jejak-jejak mereka(64). Lalu mereka menemui seorang hamba dari hamba-hamba Kami yang telah Kami kurniakan kepadanya rahmat dari sisi Kami dan Kami telah ajarkan kepadanya pedoman ilmu (ghaib) dari sisi Kami(65). Musa berkata kepadanya: Bolehkah aku mengikut

engkau supaya engkau ajarkan kepada aku sebahagian ilmu pedoman (ghaib) yang telah diajarkan kepadamu?(66) Dia menjawab: Engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku(67). Bagaimana engkau hendak bersabar terhadap perkara-perkara yang engkau tidak mengetahuinya secara mendalam(68). Jawab Musa: Insya Allah engkau akan dapatiku sanggup bersabar dan aku tidak akan melanggar sebarang perintahmu(69). Dia menjawab: (Baiklah) jika engkau mahu mengikut aku janganlah engkau bertanya kepadaku sesuatu apa pun sehingga aku sendiri menjelaskannya kepadamu"(70).

فَٱنطَلَقَا حَتَّىٰٓ إِذَا رَكِبَا فِي ٱلسَّفِينَةِ خَرَقَهَا ۖ قَالَ أَخَرَقْتَهَا لِتُغْرِقَ أَهْلَهَا لَقَدْ جِئْتَ شَيْـًٔا إِمْرًا ﴿٧١﴾

قَالَ أَلَمْ أَقُلْ إِنَّكَ لَن تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا ﴿٧٢﴾

قَالَ لَا تُؤَاخِذْنِي بِمَا نَسِيتُ وَلَا تُرْهِقْنِي مِنْ أَمْرِي عُسْرًا ﴿٧٣﴾

فَٱنطَلَقَا حَتَّىٰٓ إِذَا لَقِيَا غُلَٰمًا فَقَتَلَهُۥ قَالَ أَقَتَلْتَ نَفْسًا زَكِيَّةًۢ بِغَيْرِ نَفْسٍ لَّقَدْ جِئْتَ شَيْـًٔا نُّكْرًا ﴿٧٤﴾

قَالَ أَلَمْ أَقُل لَّكَ إِنَّكَ لَن تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا ﴿٧٥﴾

قَالَ إِن سَأَلْتُكَ عَن شَيْءٍۭ بَعْدَهَا فَلَا تُصَٰحِبْنِي ۖ قَدْ بَلَغْتَ مِن لَّدُنِّي عُذْرًا ﴿٧٦﴾

فَٱنطَلَقَا حَتَّىٰٓ إِذَآ أَتَيَآ أَهْلَ قَرْيَةٍ ٱسْتَطْعَمَآ أَهْلَهَا فَأَبَوْا۟ أَن يُضَيِّفُوهُمَا فَوَجَدَا فِيهَا جِدَارًا يُرِيدُ أَن يَنقَضَّ فَأَقَامَهُۥ ۖ قَالَ لَوْ شِئْتَ لَتَّخَذْتَ عَلَيْهِ أَجْرًا ﴿٧٧﴾

قَالَ هَٰذَا فِرَاقُ بَيْنِي وَبَيْنِكَ ۚ سَأُنَبِّئُكَ بِتَأْوِيلِ مَا لَمْ تَسْتَطِع عَّلَيْهِ صَبْرًا ﴿٧٨﴾

أَمَّا ٱلسَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسَٰكِينَ يَعْمَلُونَ فِي ٱلْبَحْرِ فَأَرَدتُّ أَنْ أَعِيبَهَا وَكَانَ وَرَآءَهُم مَّلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا ﴿٧٩﴾

وَأَمَّا ٱلْغُلَٰمُ فَكَانَ أَبَوَاهُ مُؤْمِنَيْنِ فَخَشِينَآ أَن يُرْهِقَهُمَا طُغْيَٰنًا وَكُفْرًا ﴿٨٠﴾

فَأَرَدْنَآ أَن يُبْدِلَهُمَا رَبُّهُمَا خَيْرًا مِّنْهُ زَكَوٰةً وَأَقْرَبَ رُحْمًا ﴿٨١﴾

وَأَمَّا ٱلْجِدَارُ فَكَانَ لِغُلَٰمَيْنِ يَتِيمَيْنِ فِي ٱلْمَدِينَةِ وَكَانَ تَحْتَهُۥ كَنزٌ لَّهُمَا وَكَانَ أَبُوهُمَا صَٰلِحًا فَأَرَادَ رَبُّكَ أَن يَبْلُغَآ أَشُدَّهُمَا وَيَسْتَخْرِجَا كَنزَهُمَا رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ ۚ وَمَا فَعَلْتُهُۥ عَنْ أَمْرِي ۚ ذَٰلِكَ تَأْوِيلُ مَا لَمْ تَسْطِع عَّلَيْهِ صَبْرًا ﴿٨٢﴾

"Lalu kedua-dua pun berjalan sehingga apabila kedua-duanya menaiki bahtera tiba-tiba ia melubangkannya, lalu Musa berkata: Apakah engkau melubangkannya untuk menenggelamkan para penumpangnya? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu kesalahan yang besar(71). Dia menjawab: Bukankah tadi aku telah berkata bahawa engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku?(72). Ujar Musa: Janganlah engkau mengambil salah atas kelupaanku itu dan janganlah engkau bebankanku dengan sesuatu yang menyulitkan urusanku(73). Lalu kedua-duanya berjalan lagi sehingga kedua-duanya bertemu dengan seorang budak tiba-tiba dia terus membunuhnya. Ujar Musa: Apakah patut engkau membunuh seorang yang tidak bersalah kerana membunuh orang lain? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang mungkar(74). Dia berkata: Bukankah tadi aku telah katakan kepadamu bahawa engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku?(75). Ujar Musa: Jika aku bertanya sesuatu kepadamu selepas ini, maka janganlah engkau bersama-sama dengan aku lagi. Sesungguhnya engkau telah mendapat alasan yang cukup dariku(76). Lalu kedua-duanya berjalan lagi sehingga apabila mereka sampai ke sebuah kampung, kedua-duanya meminta makanan dari penduduknya, tetapi mereka enggan menerima mereka sebagai tamu, kemudian mereka menemui di situ sebuah tembok yang hendak runtuh lalu dia (hamba yang soleh) menegakkannya kembali, lantas Musa pun berkata: Jika engkau mahu, engkau berhak mengambil upahnya(77). Dia menjawab inilah masa perpisahan di antara aku denganmu, (sekarang) aku akan menceritakan kepadamu pentafsiran mengenai tindakan-tindakanku yang engkau tidak mampu bersabar terhadapnya(78). Adapun bahtera (yang dirosakkan itu) adalah kepunyaan orang-orang miskin yang bekerja di laut. Oleh itu aku mahu merosakkan bahtera itu kerana di belakang mereka ada seorang raja yang akan merampas setiap bahtera (yang baik)(79). Adapun budak (yang dibunuh itu) kedua-dua ibubapanya adalah orang-orang yang beriman, lalu kami bimbang dia akan mendorongkan kedua-duanya kepada kederhakaan dan kekufuran(80). Oleh itu kami mahu supaya Allah gantikan kepada keduanya seorang anak (yang lain) yang lebih baik darinya dari segi kebersihan hati dan lebih akrab dari segi hubungan kasih sayang(81). Adapun tembok (yang ditegakkan kembali) itu, ia adalah kepunyaan dua orang kanak-kanak yang yatim piatu di bandar itu, dan di bawah tembok itu ada (tersimpan) harta kekayaan kepunyaan mereka berdua. Bapa kedua-duanya adalah seorang yang soleh. Oleh itu Tuhanmu menghendaki kedua-dua budak itu sampai umur dewasa yang kuat dan mereka dapat mengeluarkan harta itu sebagai rahmat dari Tuhanmu. Dan aku tidak lakukan semuanya ini mengikut

fikiran-Ku sendiri. Itulah pentafsiran mengenai tindakan-tindakanku yang engkau tidak mampu bersabar terhadapnya"(82).

Babak sirah Musa a.s. ini tidak disebut di dalam Al-Qur'an kecuali di tempat ini sahaja di dalam surah ini. Al-Qur'an tidak menentukan tempat, di mana berlakunya babak peristiwa ini kecuali menyebut "tempat pertembungan dua lautan". Ia juga tidak menentukan tarikh berlakunya dalam masa hidup Musa. Adakah ia berlaku ketika beliau masih berada di Mesir sebelum beliau membawa Bani Israel keluar daripadanya atau selepasnya? Jika selepas keluar, bilakah pula masanya adakah sebelum beliau membawa mereka ke bumi suci (al-Ardhul-Mukaddasah) atau selepas beliau membawa mereka ke negeri itu dan berhenti di hadapannya, mereka tidak mahu memasukinya kerana di sana ada satu kaum yang kuat dan angkuh? Atau ia berlaku selepas mereka merayau di padang gurun dalam keadaan berselerak dan berpecah belah?

Begitu juga Al-Qur'an tidak menyebut apa-apa mengenai hamba yang soleh yang ditemui oleh Musa itu. Siapakah dia? Apakah namanya? Adakah dia seorang nabi atau rasul? Atau seorang alim atau seorang wali?

Di sana terdapat banyak riwayat dari Ibn Abbas dan lainnya mengenai kisah ini. Kami hanya berhenti setakat keterangan nas-nas kisah yang disebut di dalam Al-Qur'an, sahaja supaya kita dapat hidup, "Di Dalam Bayangan Al-Qur'an", dan pada hemat kami pembentangan kisah di dalam Al-Qur'an mengikut cara yang dibentangkan itu tanpa ditokok tambah dan tanpa ditentukan tempat, zaman dan nama-nama itu adalah mengandungi satu hikmat istimewa. Oleh itu kami hanya berhenti setakat meni'mati keterangan nas-nas Al-Qur'an sahaja.[5]

(Pentafsiran ayat-ayat 60 - 82)

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِفَتَىٰهُ لَآ أَبْرَحُ حَتَّىٰٓ أَبْلُغَ مَجْمَعَ ٱلْبَحْرَيْنِ أَوْ أَمْضِىَ حُقُبًا ﴿٦٠﴾

"Dan (kenangilah) sewaktu Musa berkata kepada teman pemudanya: Aku tidak akan berhenti berjalan sehingga aku sampai di tempat pertembungan dua lautan atau aku akan terus berjalan (walaupun) bertahun-tahun lamanya."(60)

Yang lebih rajih - Allahu a'lam - maksud tempat pertemuan dua lautan itu ialah Laut Rum dan Laut Qulzum iaitu Laut Mediterranian dan Laut Merah. Tempat pertemuan dua laut ini ialah di kawasan tasik-tasik al-Murrah (at-Buhayrat al-Murrah) dan Tasik Buaya (Buhayrah at-Timsah) atau tempat pertemuan dua teluk iaitu Teluk 'Aqabah dan Teluk Suez di Laut Merah. Kawasan ini merupakan pentas sejarah Bani Israel selepas mereka keluar dari negeri Mesir. Walau bagaimanapun Al-Qur'an hanya menyebutnya secara umum sahaja. Oleh itu kami hanya berpada dengan isyarat ini.[6]

Dari keterangan kisah ini, kita dapat faham bahawa Musa a.s. mempunyai satu matlamat yang penting dari perjalanan yang telah diazamkannya itu. Beliau mempunyai satu tujuan besar di sebalik perjalanan itu. Beliau menyatakan keazamannya untuk sampai ke tempat pertemuan dua lautan itu biar bagaimana sukar sekalipun dan biarpun bagaimana lama masa yang harus dihabiskannya untuk sampai ke sana. Dia mengungkapkan keazamannya yang kukuh itu dengan ungkapan yang diceritakan oleh Al-Qur'an:

"Aku akan terus berjalan (walaupun) bertahun-tahun lamanya."(60)

Kata-kata "**حقب**" menurut satu pendapat bererti satu tahun dan mengikut pendapat yang lain ialah lapan puluh tahun. Biar bagaimanapun, namun ia merupakan satu pernyataan untuk menerangkan azam yang kukuh dan bukannya untuk menentukan lama masa perjalanan itu:

فَلَمَّا بَلَغَا مَجْمَعَ بَيْنِهِمَا نَسِيَا حُوتَهُمَا فَٱتَّخَذَ سَبِيلَهُۥ فِى ٱلْبَحْرِ سَرَبًا ﴿٦١﴾

فَلَمَّا جَاوَزَا قَالَ لِفَتَىٰهُ ءَاتِنَا غَدَآءَنَا لَقَدْ لَقِينَا مِن

[5] *Al-Bukhari telah membawa sebuah hadith ketika memperkatakan kisah ini di dalam al-Qur'an: Kami telah diceritakan oleh al-Humaidi, kami telah diceritakan oleh Sufyan, kami telah diceritakan oleh 'Amr ibn Dinar, kami telah dikhabarkan oleh Al-Bukhari telah membawa sebuah hadith ketika memperkatakan kisah ini di dalam al-Quraan: Kami telah diceritakan oleh al-Humaidi, kami telah diceritakan oleh Sufyan, kami telah diceritakan oleh 'Amr ibn Dinar, kami telah dikhabarkan oleh Sa'id ibn Jubayr katanya: Aku berkata kepada Ibn 'Abbas: Nauf al-Bakkali berkata bahawa Musa teman Khaydir (Khidhir) itu bukannya Musa nabi Bani Israel, lalu Ibn 'Abbas pun berkata: Musuh Allah itu telah berdusta. Kami telah diceritakan Ubay ibn Ka'b r.a. bahawa dia telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Musa telah bangkit berucap di hadapan Bani Israel lalu beliau ditanya: Siapakah orang yang paling alim? Jawab beliau: Sayalah. Lalu Allah menegur beliau kerana tidak memulangkan sifat kealiman itu kepada Allah dan mewahyukan kepadanya bahawa Aku mempunyai seorang hamba di tempat pertembungan dua laut yang lebih alim dari engkau. Ujar Musa, Ya Tuhanku! Bagaimana saya dapat bertemu dengannya? Jawab Allah: Bawalah bersama engkau seekor ikan dan isikannya di dalam sebuah bakul, di tempat mana ikan ini hilang di situlah tempat dia tinggal."*

[6] *Menurut satu riwayat, Qatadah dan beberapa orang yang lain telah berkata: Tempat pertemuan dua lautan itu ialah Laut Parsi di sebelah Timur dan Laut Rum di sebelah Barat. Dan kata Muhammad ibn Ka'b al-Qurazi: Itulah tempat pertemuan dua lautan di Tanjah di hujung negeri Maghribi. Kami menolak dua pendapat ini.*

سَفَرِنَا هَٰذَا نَصَبًا ﴿٦٢﴾
قَالَ أَرَءَيْتَ إِذْ أَوَيْنَآ إِلَى ٱلصَّخْرَةِ فَإِنِّى نَسِيتُ ٱلْحُوتَ
وَمَآ أَنسَىٰنِيهُ إِلَّا ٱلشَّيْطَٰنُ أَنْ أَذْكُرَهُۥ ۚ وَٱتَّخَذَ سَبِيلَهُۥ
فِى ٱلْبَحْرِ عَجَبًا ﴿٦٣﴾

"Dan apabila kedua-duanya tiba di tempat pertembungan dua lautan itu, mereka lupa kepada ikan (bekalan) mereka, lalu ikan itu berjalan menggelongsor ke dalam laut(61). Apabila kedua-duanya melewati (tempat itu), Musa berkata kepada teman pemudanya: Bawalah ke mari makanan kita. Sesungguhnya kita telah mendapat letih lesu kerana perjalanan kita (yang jauh) ini(62). Jawab temannya: Tidakkah engkau ingat sewaktu kita berhenti di atas batu yang besar tadi, kerana sesungguhnya aku telah terlupa (menceritakan tentang) ikan itu dan tiada yang melupakanku untuk menceritakannya (kepadamu) melainkan syaitan, dan (sebenarnya) ikan itu telah berjalan menggelongsor ke dalam laut dengan cara yang aneh sekali."(63)

Menurut pendapat yang lebih rajih ikan itu ialah ikan panggang dan peristiwa ia hidup balik dan berjalan menggelongsor ke laut merupakan salah satu mu'jizat dari mu'jizat-mu'jizat yang dikurniakan Allah kepada Musa, yang dijadikan tanda untuk mengenal tempat pertemuan (dengan hamba Allah yang soleh) yang dijanjikan itu. Dalilnya ialah kehairanan teman pemudanya terhadap kebolehan ikan itu mengambil jalannya ke laut, jika teman pemudanya bermaksud mengatakan ikan itu telah jatuh lalu tenggelam di dalam laut tentulah peristiwa ini tidak mempunyai apa-apa keajaiban. Pendapat ini disokong oleh perjalanan itu sendiri yang penuh dengan peristiwa-peristiwa ghaib yang memeranjatkan, dan peristiwa ikan ini merupakan salah satu darinya.

Kini Musa sedar bahawa dia telah melampaui tempat pertemuan yang ditentukan Allah kepadanya untuk menemui hamba-Nya yang soleh itu:

قَالَ ذَٰلِكَ مَا كُنَّا نَبْغِ ۚ فَٱرْتَدَّا عَلَىٰٓ ءَاثَارِهِمَا قَصَصًا ﴿٦٤﴾
فَوَجَدَا عَبْدًا مِّنْ عِبَادِنَآ ءَاتَيْنَٰهُ رَحْمَةً مِّنْ عِندِنَا
وَعَلَّمْنَٰهُ مِن لَّدُنَّا عِلْمًا ﴿٦٥﴾

"Ujar Musa: Itulah tempat yang kita cari, lalu kedua-duanya kembali semula (ke tempat itu) menyusuli jejak-jejak mereka(64). Lalu mereka menemui seorang hamba dari hamba-hamba Kami yang telah Kami kurniakan kepadanya rahmat dari sisi Kami dan Kami telah ajarkan kepadanya ilmu (ghaib) dari sisi Kami."(65)

Di sini jelaslah bahawa pertemuan itu merupakan rahsia Musa sahaja bersama Allah. Ia tidak diketahui oleh teman pemudanya sehingga kedua-duanya bertemu dengan hamba yang soleh itu. Oleh sebab itulah di dalam adegan-adegan kisah yang berikut ditunjukkan Musa dan hamba yang soleh itu sahaja:

قَالَ لَهُۥ مُوسَىٰ هَلْ أَتَّبِعُكَ عَلَىٰٓ أَن تُعَلِّمَنِ مِمَّا عُلِّمْتَ
رُشْدًا ﴿٦٦﴾

"Musa berkata kepadanya: Bolehkah aku mengikut engkau supaya engkau ajarkan kepada aku sebahagian ilmu pedoman (ghaib) yang telah diajarkan kepadamu?"(66)

Dengan adab sopan yang layak dengan seorang nabi inilah beliau bertanya dengan cara yang tidak pasti dan memohon mendapatkan pedoman ilmu ghaib dari hamba yang soleh dan alim itu, tetapi ilmu orang ini bukannya dari jenis ilmu pengetahuan manusia yang jelas punca-puncanya dan dekat natijah-natijahnya, malah ia merupakan sebahagian dari ilmu pengetahuan laduni mengenai urusan-urusan ghaib yang diperlihatkan Allah kepadanya sekadar yang dikehendaki-Nya kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki-Nya. Oleh sebab itulah Musa tidak berupaya menahan kesabarannya terhadap tindakan-tindakan lelaki ini walaupun beliau seorang nabi dan Rasul, kerana tindakan-tindakan ini pada lahirnya kadang-kadang bercanggah dengan lojik akal dan peraturan-peraturan yang zahir. Oleh itu hikmat-hikmat yang ghaib di sebaliknya pastilah difahami, jika tidak, tindakan-tindakan itu akan tetap menjadi perkara aneh yang menimbulkan bantahan dan kecaman, dan justeru inilah hamba yang soleh yang dikurniakan ilmu pengetahuan laduni itu menaruh kebimbangan bahawa Musa tidak akan berupaya menahan kesabarannya bersahabat dengannya dan melihat tindakan-tindakannya:

قَالَ إِنَّكَ لَن تَسْتَطِيعَ مَعِىَ صَبْرًا ﴿٦٧﴾
وَكَيْفَ تَصْبِرُ عَلَىٰ مَا لَمْ تُحِطْ بِهِۦ خُبْرًا ﴿٦٨﴾

"Dia menjawab: Engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku(67). Bagaimana engkau hendak bersabar terhadap perkara-perkara yang engkau tidak mengetahuinya secara mendalam."(68)

Tetapi Musa berazam untuk bersabar dan tetap ta'at. Beliau memohon pertolongan Allah dan mendahulukan kehendak-Nya:

قَالَ سَتَجِدُنِىٓ إِن شَآءَ ٱللَّهُ صَابِرًا وَلَآ أَعْصِى
لَكَ أَمْرًا ﴿٦٩﴾

"Jawab Musa: Insya' Allah engkau akan dapatiku sanggup bersabar dan aku tidak akan melanggar sebarang perintahmu."(69)

Lalu lelaki itu menambahkan penegasan dan penjelasannya dan menyebut kepada beliau syarat bersahabat dengannya sebelum dimulakan perjalanan itu, iaitu beliau pastilah bersabar dan jangan terus meminta penjelasan mengenai apa-apa tindak-tanduknya sehingga dia sendiri mendedahkan rahsia-rahsianya.

قَالَ فَإِنِ ٱتَّبَعْتَنِي فَلَا تَسْـَٔلْنِي عَن شَيْءٍ حَتَّىٰٓ أُحْدِثَ لَكَ مِنْهُ ذِكْرًا ﴿٧٠﴾

"Dia menjawab: (Baiklah) jika engkau mahu mengikut aku janganlah engkau bertanya kepadaku sesuatu apa pun sehingga aku sendiri menjelaskannya kepada-mu."(70)

Musa pun bersetuju, dan kini kita sedang berada di hadapan adegan mereka berdua yang pertama:

فَٱنطَلَقَا حَتَّىٰٓ إِذَا رَكِبَا فِي ٱلسَّفِينَةِ خَرَقَهَا

"Lalu kedua-dua pun berjalan sehingga apabila kedua-duanya menaiki bahtera tiba-tiba ia melubangkannya."(71)

Bahtera itu sedang membawa kedua-duanya bersama penumpang-penumpang yang lain dan kini mereka berada di tengah laut yang bergelombang, tiba-tiba datang hamba yang soleh itu lalu melubangkan bahtera itu. Pada zahirnya tentulah perbuatan ini akan mendedahkan bahtera dan para penumpangnya kepada bahaya karam dan membawa mereka kepada bancana itu. Oleh itu mengapa lelaki ini berani mencabar bencana itu?

Musa telah lupa kepada janji yang telah dikatakannya dan kepada syarat yang telah dikemukakan oleh sahabatnya ketika menghadapi tindakan yang ganjil itu, yang tidak mempunyai sebarang alasan mengikut pandangan logik akal. Kadang-kadang seorang itu dapat memahami konsep umum yang mujarrad, tetapi ketika dia berdepan dengan pelaksanaan amali dan contoh yang sebenar dari konsep ini ia mendapat kesan yang berlainan dari kefahaman secara teori tadi, kerana pengalaman amali mempunyai kecapan yang berlainan dari kecapan kefahaman mujarrad. Lihatlah kepada Musa yang sebelum ini telah diperingatkan bahawa beliau tidak akan berupaya menahan kesabarannya terhadap perkara-perkara yang tidak diketahuinya dengan mendalam, lalu beliau berazam untuk menahankan kesabarannya sambil memohon pertolongan dari masyi'ah Allah dan memberi janjinya dan menerima syarat itu. Kini beliau bertembung dengan pengalaman amali dari tindakan lelaki itu, lalu beliau terus membantah dengan terburu-buru.

Ya, memang benar Musa itu mempunyai tabi'at yang mudah terharu dan gopoh sebagaimana dapat dilihat pada tindak-tanduk dalam semua peringkat hidupnya, iaitu sejak beliau menumbuk lelaki bangsa Mesir yang dilihatnya sedang bergaduh dengan lelaki bangsa Israel, lalu beliau membunuhnya dalam sa'at-sa'at keterharuan dan kegopohannya itu. Kemudian beliau bertaubat memohon keampunan dan kema'afan dari Allah. Dan sehingga pada hari yang kedua pun, beliau hendak bertindak begitu juga apabila beliau melihat lelaki Israel itu sedang bergaduh dengan seorang Mesir yang lain.[7]

Memanglah tabi'at Musa begitu. Justeru itulah beliau tidak dapat menahan kesabarannya terhadap perbuatan lelaki itu dan tidak dapat menepati janjinya kerana keganjilan perbuatan itu, tetapi semua tabi'at manusia mengakui bahawa kesan dan kecapan pengalaman amali itu berlainan dari kesan dan kecapan kefahaman secara teori, dan mereka tidak dapat memahami sesuatu perkara itu dengan kefahaman yang betul melainkan apabila mereka merasa dan mengalaminya sendiri.

Dari sinilah Musa terburu-buru membantah:

قَالَ أَخَرَقْتَهَا لِتُغْرِقَ أَهْلَهَا لَقَدْ جِئْتَ شَيْـًٔا إِمْرًا ﴿٧١﴾

"Apakah engkau melubangkannya untuk menenggelamkan para penumpangnya?"(71)

Lalu dengan sabar dan lemah lembut hamba yang soleh itu mengingatkan beliau terhadap apa yang telah dikatakannya sejak awal-awal lagi:

قَالَ أَلَمْ أَقُلْ إِنَّكَ لَن تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا ﴿٧٢﴾

"Dia menjawab: Bukankah tadi aku telah berkata bahawa engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku?"(72)

Lalu Musa meminta ma'af atas kelupaannya dan memohon agar lelaki itu menerima permintaan ma'afnya dan janganlah lagi menyulitkannya dengan mengulangi kata teguran dan peringatan:

قَالَ لَا تُؤَاخِذْنِي بِمَا نَسِيتُ وَلَا تُرْهِقْنِي مِنْ أَمْرِي عُسْرًا ﴿٧٣﴾

"Ujar Musa: Janganlah engkau mengambil salah atas kelupaanku itu dan janganlah engkau bebankanku dengan sesuatu yang menyulitkan urusanku."(73)

Lelaki itu menerima permintaan ma'afnya kemudian kita dapati kita berada di hadapan adegan yang kedua:

فَٱنطَلَقَا حَتَّىٰٓ إِذَا لَقِيَا غُلَٰمًا فَقَتَلَهُۥ

"Lalu kedua-duanya berjalan lagi sehingga kedua-duanya bertemu dengan seorang budak tiba-tiba dia terus membunuhnya."(74)

Jika pada kali yang pertama dia melubangkan bahtera yang membawa kemungkinan meneggelamkan para penumpangnya, maka kali ini dia membunuh seorang manusia, iaitu membunuh dengan sengaja bukannya semata-mata persoalan

---

[7] *Lihat bab* "القصة في القرآن" *dalam kitab* "التصوير الفني في القرآن".

kemungkinan. Ini adalah satu kesalahan yang amat besar yang tidak dapat disabari oleh Musa walaupun dia teringat kepada janjinya:

قَالَ أَقَتَلْتَ نَفْسًا زَكِيَّةً بِغَيْرِ نَفْسٍ لَّقَدْ جِئْتَ شَيْـًٔا نُّكْرًا ﴿٧٤﴾

"Apakah patut engkau membunuh seorang yang tidak bersalah kerana membunuh orang lain? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang mungkar."(74)

Kali ini Musa bukannya terlupa atau terlalai, tetapi beliau bertanya dengan sengaja. Beliau benar-benar bermaksud membantah perbuatan mungkar itu dan beliau tidak mahu mencari sebab-sebab atau alasan-alasannya. Beliau memandang budak itu tidak bersalah kerana dia tidak melakukan apa-apa perbuatan yang mewajarkannya dihukum bunuh, malah budak itu belum lagi akil baligh hingga boleh dipersalahkan segala perbuatan yang terbit darinya.

Sekali lagi hamba yang soleh itu mengingatkan Musa kepada syaratnya yang telah disyaratkan itu dan kepada janji beliau yang telah dijanjikannya itu. Dia mengingatkan beliau dengan perkataannya yang telah diucapkan pada kali yang pertama tadi kerana pengalamannya itu telah membuktikan kebenaran perkataannya setelah beliau diuji:

قَالَ أَلَمْ أَقُل لَّكَ إِنَّكَ لَن تَسْتَطِيعَ مَعِىَ صَبْرًا ﴿٧٥﴾

"Dia berkata: Bukankah tadi aku telah katakan kepadamu bahawa engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku?"(75)

Pada kali ini dia menentukan perkataan yang telah dikatakannya dahulu:

قَالَ أَلَمْ أَقُل لَّكَ

"Bukankah tadi aku telah katakan kepadamu?"(75)

Yakni (aku telah katakan) kepada engkau sendiri dengan tegas dan tepat, tetapi engkau tidak percaya dan masih memohon bersahabat dan menerima syarat.

Musa kembali berbicara dengan hatinya sendiri. Beliau dapati dia kini telah dua kali menyalahi dan melupakan janjinya setelah diberi peringatan, lalu dengan terburu-buru beliau (mengambil keputusan) memotong jalan untuk dirinya dan menjadikannya sebagai peluang terakhir yang ada di hadapannya:

قَالَ إِن سَأَلْتُكَ عَن شَىْءٍ بَعْدَهَا فَلَا تُصَـٰحِبْنِى ۖ قَدْ بَلَغْتَ مِن لَّدُنِّى عُذْرًا ﴿٧٦﴾

"Ujar Musa: Jika aku bertanya sesuatu kepadamu selepas ini, maka janganlah engkau bersama-sama dengan aku lagi. Sesungguhnya engkau telah mendapat alasan yang cukup dariku."(76)

Ayat berikut meneruskan ceritanya dan kini kita berada di hadapan adegan yang ketiga:

فَٱنطَلَقَا حَتَّىٰٓ إِذَآ أَتَيَآ أَهْلَ قَرْيَةٍ ٱسْتَطْعَمَآ أَهْلَهَا فَأَبَوْا۟ أَن يُضَيِّفُوهُمَا فَوَجَدَا فِيهَا جِدَارًا يُرِيدُ أَن يَنقَضَّ فَأَقَامَهُۥ ۖ

"Lalu kedua-duanya berjalan lagi sehingga apabila mereka sampai ke sebuah kampung, kedua-duanya meminta makanan dari penduduknya, tetapi mereka enggan menerima mereka sebagai tamu, kemudian mereka menemui di situ sebuah tembok yang hendak runtuh lalu dia (hamba yang soleh) menegakkannya kembali."(77)

Kedua-dua sedang lapar dan berada di sebuah kampung, di mana penduduk-penduduknya bakhil dan kikir. Mereka tidak memberi makan kepada orang yang lapar dan tidak menerima tetamu, Kemudian lelaki itu menemui satu tembok yang condong hendak runtuh. Ungkapan ayat ini menyalutkan sifat hidup dan iradat kepada tembok:

يُرِيدُ أَن يَنقَضَّ

"Yang hendak runtuh."(77)

Lalu lelaki yang ganjil itu pun menyusahkan dirinya menegakkan tembok itu kembali tanpa mengambil upah.

Di sini Musa merasa pendirian lelaki itu bercanggah (dengan kenyataan), apakah tujuan menyusahkan dirinya menegakkan kembali tembok yang hendak runtuh di kampung yang tidak sudi memberi makanan kepada mereka yang sedang lapar dan enggan menerima mereka sebagai tamu. Sekurang-kurangnya tidakkah patut dia meminta upah agar keduanya boleh mendapat makanan dengannya?

قَالَ لَوْ شِئْتَ لَتَّخَذْتَ عَلَيْهِ أَجْرًا ﴿٧٧﴾

"Jika engkau mahu, engkau berhak mengambil upahnya."(77)

Peristiwa ini merupakan peristiwa pemutus. Musa tidak mempunyai apa-apa alasan lagi. Peluang persahabatan di antara beliau dengan lelaki itu tidak mungkin lagi wujud:

قَالَ هَـٰذَا فِرَاقُ بَيْنِى وَبَيْنِكَ ۚ سَأُنَبِّئُكَ بِتَأْوِيلِ مَا لَمْ تَسْتَطِع عَّلَيْهِ صَبْرًا ﴿٧٨﴾

"Dia menjawab masa perpisahan di antara aku denganmu, (sekarang) aku akan menceritakan kepada-mu pentafsiran mengenai tindakan-tindakanku yang engkau tidak mampu bersabar terhadapnya."(78) [8]

Sampai di sini Musa dan juga kita yang mengikuti penceritaan Al-Qur'an ini sedang menghadapi peristiwa-peristiwa luar biasa yang berturut-turut dan

---

[8] *Di sini berakhirnya Juzu' yang ke-15 tetapi kami terus menyambung hingga ke akhir kisah.*

memeranjatkan tanpa mengetahui sebarang rahsianya. Pendirian kita juga sama dengan pendirian Musa terhadap peristiwa-peristiwa itu. Malah (lebih dari itu) kita tidak mengetahui siapakah gerangan lelaki ini yang telah menunjukkan tindakan-tindakan yang ganjil itu. Al-Qur'an tidak menceritakan namanya kepada kita untuk melengkapkan suasana sulit dan kabur yang melingkungi kita. Apakah nilai namanya? Kerana dia hanya dikehendaki melahirkan hikmat Ilahiyah yang tinggi yang tidak mengaturkan natijah-natijah yang dekat di atas muqaddimah-muqaddimah yang dapat dilihat, malah ia tujukan kepada tujuan-tujuan yang jauh yang tidak dapat dilihat oleh pandangan mata yang terbatas. Oleh itu ketiadaan disebutkan namanya itu adalah sesuai dengan syakhsiyah abstrak yang diwakilinya. Dari awal lagi kekuatan-kekuatan ghaib telah mengendalikan kisah ini. Lihatlah Musa yang mahu menemui lelaki yang dijanjikan itu telah meneruskan perjalanannya tetapi tiba-tiba teman pemudanya telah terlupa kepada bekalan makanan mereka di atas batu. Seolah-olah kelupaannya itu untuk membolehkan kedua-duanya pulang kembali ke tempat itu, kerana di sana Musa dapat menemui lelaki itu. Sudah tentu beliau tidak dapat menemuinya jika beliau dan temannya terus berjalan meng-ikut hala mereka dan jika taqdir Ilahi tidak mengembalikan mereka sekali lagi di tempat batu itu. Seluruh suasana adalah sulit, kabur dan majhul, begitu juga nama lelaki itu sulit, kabur dan majhul dalam penerangan Al-Qur'an.

Kemudian rahsia itu mulai didedahkan:

أَمَّا ٱلسَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسَٰكِينَ يَعْمَلُونَ فِى ٱلْبَحْرِ
فَأَرَدتُّ أَنْ أَعِيبَهَا وَكَانَ وَرَآءَهُم مَّلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ
سَفِينَةٍ غَصْبًا ﴿٧٩﴾

"Adapun bahtera (yang dirosakkan itu) adalah kepunyaan orang-orang miskin yang bekerja di laut. Oleh itu aku mahu merosakkan bahtera itu kerana di belakang mereka ada seorang raja yang akan merampas setiap bahtera (yang baik)."(79)

Kerosakan ini telah menyelamatkan bahtera itu dari dirampas oleh raja yang zalim itu. Kerosakan kecil yang menimpa bahtera itu dapat mengelakkannya dari bahaya yang lebih besar yang tersembunyi di alam ghaib andainya bahtera itu berada di dalam keadaan yang baik (tidak rosak).

وَأَمَّا ٱلْغُلَٰمُ فَكَانَ أَبَوَاهُ مُؤْمِنَيْنِ فَخَشِينَآ أَن يُرْهِقَهُمَا
طُغْيَٰنًا وَكُفْرًا ﴿٨٠﴾

فَأَرَدْنَآ أَن يُبْدِلَهُمَا رَبُّهُمَا خَيْرًا مِّنْهُ زَكَوٰةً وَأَقْرَبَ
رُحْمًا ﴿٨١﴾

"Adapun budak (yang dibunuh itu) kedua-dua ibubapanya adalah orang-orang yang beriman, lalu Kami bimbang dia akan mendorongkan kedua-duanya kepada kederhakaan dan kekufuran (80). Oleh itu Kami mahu supaya Allah gantikan kepada keduanya seorang anak (yang lain) yang lebih baik darinya dari segi kebersihan hati dan lebih akrab dari segi hubungan kasih sayang."(81)

Budak yang tidak kelihatan pada zahirnya mempunyai sebab yang wajar dibunuh pada masa itu telah disingkapkan tabir hakikatnya yang ghaib kepada hamba yang soleh itu, iaitu dia mempunyai tabi'at kufur dan pelampau. Di dalam jiwanya tersembunyi benih-benih kekufuran dan keterlaluan yang semakin lama semakin menonjol. Andainya dia terus hidup sudah tentu dia akan mendorong dua orang tuanya yang beriman itu dengan kekufuran dan keterlaluannya, mengikuti jalan hidupnya kerana dipengaruhi perasaan kasih sayang mereka kepadanya. Oleh itu iradat Allah mengarahkan iradat hamba-Nya yang soleh itu supaya membunuh budak yang mempunyai tabi'at kufur dan pelampau itu dan menggantikannya dengan seorang anak yang lain yang lebih baik daripadanya dan lebih bertimbang rasa terhadap kedua orang tuanya.

Jika perkara ini diserahkan kepada ilmu manusia yang zahir tentulah mereka tidak mengetahui hakikat budak itu selain dari keadaannya yang zahir sahaja, dan tentulah mereka tidak boleh mengenakan kuasa undang-undang terhadap budak itu kerana dia tidak pernah melakukan sesuatu kesalahan yang wajar dihukum bunuh dari segi undang-undang. Tiada yang lain dari Allah dan dari hamba-Nya yang soleh yang telah diperlihatkan kepadanya sesuatu dari hakikatnya yang ghaib itu boleh menjatuhkan hukuman ke atas tabi'at seorang manusia yang masih ghaib, dan tiada seorang pun berdasarkan ilmu ini - boleh mengenakan satu hukuman yang lain dari hukuman yang zahir yang dipegang oleh syari'at, tetapi itulah perintah Allah yang berdasarkan ilmu-Nya yang mengetahui segala urusan ghaib yang jauh.

وَأَمَّا ٱلْجِدَارُ فَكَانَ لِغُلَٰمَيْنِ يَتِيمَيْنِ فِى ٱلْمَدِينَةِ
وَكَانَ تَحْتَهُۥ كَنزٌ لَّهُمَا وَكَانَ أَبُوهُمَا صَٰلِحًا فَأَرَادَ
رَبُّكَ أَن يَبْلُغَآ أَشُدَّهُمَا وَيَسْتَخْرِجَا كَنزَهُمَا
رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ ۚ وَمَا فَعَلْتُهُۥ عَنْ أَمْرِى ۚ ذَٰلِكَ تَأْوِيلُ
مَا لَمْ تَسْطِع عَّلَيْهِ صَبْرًا ﴿٨٢﴾

"Adapun tembok (yang ditegakkan kembali) itu, ia adalah kepunyaan dua orang kanak-kanak yang yatim piatu di bandar itu, dan di bawah tembok itu ada (tersimpan) harta kekayaan kepunyaan mereka berdua. Bapa kedua-duanya adalah seorang yang soleh. Oleh itu Tuhanmu menghendaki kedua-dua budak itu sampai umur dewasa yang kuat dan mereka dapat mengeluarkan harta itu sebagai rahmat dari

Tuhanmu. Dan aku tidak lakukan semuanya ini mengikut fikiran-Ku sendiri. Itulah pentafsiran mengenai tindakan-tindakanku yang engkau tidak mampu bersabar terhadapnya."(82)

Tembok yang telah menyebabkan lelaki itu menyusahkan dirinya bekerja menegakkannya kembali tanpa meminta upah dari penduduk kampung itu sedangkan keduanya lapar dan mereka tidak mahu menerima keduanya sebagai tamu mereka telah menyembunyikan di bawahnya harta kekayaan kepunyaan dua orang kanak-kanak yang yatim piatu dan lemah di bandar itu. Andainya hamba yang soleh itu membiarkan tembok itu runtuh tentulah harta kekayaan itu akan terbongkar dan tentulah kanak-kanak itu tidak berupaya mempertahankannya. Oleh sebab bapa mereka seorang yang soleh, maka Allah telah mengurniakan faedah kesolehannya kepada dua anaknya yang masih kecil dan lemah itu, dan Allah mahukan kedua-duanya membesar hingga menjadi orang-orang dewasa yang kuat supaya mereka dapat mengeluarkan harta kekayaan itu semasa mereka berupaya mempertahankan keselamatannya.

Kemudian lelaki itu berlepas tangan dari tindakan itu, kerana semua tindakan itu adalah dari kehendak rahmat Allah belaka. Semuanya dari urusan Allah belaka bukannya urusan dari dirinya sendiri. Allah telah memperlihatkan kepadanya hakikat-hakikat ghaib perkara-perkara itu dan mengarahkannya bertindak mengikut hakikat ghaib yang telah diperlihatkan kepadanya.

رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ ۚ وَمَا فَعَلْتُهُۥ عَنْ أَمْرِى ۚ

"Sebagai rahmat dari Tuhanmu. Dan aku tidak lakukan semuanya itu mengikut fikiranku sendiri."(82)

Kini tabir hikmat tindakan-tindakan itu telah terbuka di samping terbukanya urusan-urusan Allah yang ghaib yang tidak diperlihatkan kepada sesiapa kecuali orang yang diredhai-Nya.

Dan di tengah-tengah ketakjuban rahsia yang terbuka dan tirai yang tersingkap itu, lelaki itu pun tiba-tiba hilang ceritanya sebagaimana di permulaan kisahnya. Dia telah berlalu ke alam majhul sebagaimana ia muncul dari alam majhul. Kisah ini menggambarkan hikmat yang maha besar, iaitu hikmat yang tidak mendedahkan dirinya melainkan sekadarnya sahaja kemudian terus tersembunyi di dalam ilmu Allah di belakang segala tabir dan tirai.

* * * * * *

Demikianlah kisah Musa dengan hamba yang soleh itu - dalam penceritaan surah ini - mempunyai hubungan dengan kisah Ashabul-Kahfi, iaitu keduanya menyerahkan urusan-urusan ghaib kepada Allah yang mentadbirkan urusannya dengan hikmat kebijaksanaan-Nya mengikut ilmu-Nya yang syumul, yang tidak dapat dicapai oleh manusia yang berdiri di belakang tabir, di mana segala rahsia di sebaliknya tidak dibukakan kepada mereka melainkan sekadarnya sahaja.

(Tamat Juzu' Yang Kelima Belas)

JUZU' KE-16

SURAH AL-KAHFI

JUZU' YANG KEENAM BELAS

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 83 - 110)

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَن ذِى ٱلْقَرْنَيْنِ ۖ قُلْ سَأَتْلُوا۟ عَلَيْكُم مِّنْهُ ذِكْرًا ﴿٨٣﴾

إِنَّا مَكَّنَّا لَهُۥ فِى ٱلْأَرْضِ وَءَاتَيْنَٰهُ مِن كُلِّ شَىْءٍ سَبَبًا ﴿٨٤﴾

فَأَتْبَعَ سَبَبًا ﴿٨٥﴾

حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغَ مَغْرِبَ ٱلشَّمْسِ وَجَدَهَا تَغْرُبُ فِى عَيْنٍ حَمِئَةٍ وَوَجَدَ عِندَهَا قَوْمًا ۗ قُلْنَا يَٰذَا ٱلْقَرْنَيْنِ إِمَّآ أَن تُعَذِّبَ وَإِمَّآ أَن تَتَّخِذَ فِيهِمْ حُسْنًا ﴿٨٦﴾

قَالَ أَمَّا مَن ظَلَمَ فَسَوْفَ نُعَذِّبُهُۥ ثُمَّ يُرَدُّ إِلَىٰ رَبِّهِۦ فَيُعَذِّبُهُۥ عَذَابًا نُّكْرًا ﴿٨٧﴾

وَأَمَّا مَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَلَهُۥ جَزَآءً ٱلْحُسْنَىٰ ۖ وَسَنَقُولُ لَهُۥ مِنْ أَمْرِنَا يُسْرًا ﴿٨٨﴾

ثُمَّ أَتْبَعَ سَبَبًا ﴿٨٩﴾

حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغَ مَطْلِعَ ٱلشَّمْسِ وَجَدَهَا تَطْلُعُ عَلَىٰ قَوْمٍ لَّمْ نَجْعَل لَّهُم مِّن دُونِهَا سِتْرًا ﴿٩٠﴾

كَذَٰلِكَ ۖ وَقَدْ أَحَطْنَا بِمَا لَدَيْهِ خُبْرًا ﴿٩١﴾

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang Zul-Qarnayn, jawablah: Aku akan bacakan kepadamu sebahagian dari ceritanya(83). Sesungguhnya Kami telah mengukuhkan kedudukan pemerintahannya di bumi dan Kami telah mengurniakan kepadanya jalan untuk mencapai segala sesuatu (yang diperlukan kerajaannya)(84). Lalu dia menjelajahi ke suatu jalan(85). Hingga apabila dia tiba di tempat matahari jatuh dia dapati matahari itu terbenam di dalam matair yang berlumpur dan di sana dia menemui satu kaum, lalu Kami berfirman kepadanya: Wahai Zul-Qarnayn, sama ada engkau mengenakan hukuman seksa atau memilih balasan yang baik terhadap mereka(86). Jawab Zul-Qarnayn: Adapun orang yang berlaku zalim (kafir), maka kami mengenakan hukuman seksa, kemudian dipulangkannya kepada Allah Tuhannya dan Dialah yang akan menyeksakannya dengan 'azab yang dahsyat(87). Dan adapun orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka dia akan mendapat balasan yang sebaik-baiknya dan kami akan berkata kepadanya (menyampaikan) sebahagian dari perintah kami dengan penjelasan yang mudah(88). Kemudian dia menjelajah ke suatu jalan (yang lain pula)(89). Hingga apabila dia tiba di tempat matahari terbit dia dapati matahari itu naik ke atas satu kaum yang tidak Kami jadikan untuk mereka sebarang perlindungan dari (panasnya)(90). Demikianlah (penjelajahannya) dan sesungguhnya Kami telah mengetahui segala cerita mengenainya"(91).

ثُمَّ أَتْبَعَ سَبَبًا ﴿٩٢﴾

حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغَ بَيْنَ ٱلسَّدَّيْنِ وَجَدَ مِن دُونِهِمَا قَوْمًا لَّا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ قَوْلًا ﴿٩٣﴾

قَالُوا۟ يَٰذَا ٱلْقَرْنَيْنِ إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِى ٱلْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَىٰٓ أَن تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا ﴿٩٤﴾

قَالَ مَا مَكَّنِّى فِيهِ رَبِّى خَيْرٌ فَأَعِينُونِى بِقُوَّةٍ أَجْعَلْ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ رَدْمًا ﴿٩٥﴾

ءَاتُونِى زُبَرَ ٱلْحَدِيدِ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا سَاوَىٰ بَيْنَ ٱلصَّدَفَيْنِ قَالَ ٱنفُخُوا۟ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا جَعَلَهُۥ نَارًا قَالَ ءَاتُونِىٓ أُفْرِغْ عَلَيْهِ قِطْرًا ﴿٩٦﴾

فَمَا ٱسْطَٰعُوٓا۟ أَن يَظْهَرُوهُ وَمَا ٱسْتَطَٰعُوا۟ لَهُۥ نَقْبًا ﴿٩٧﴾

قَالَ هَٰذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّى ۖ فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ رَبِّى جَعَلَهُۥ دَكَّآءَ ۖ وَكَانَ وَعْدُ رَبِّى حَقًّا ﴿٩٨﴾

وَتَرَكْنَا بَعْضَهُمْ يَوْمَئِذٍ يَمُوجُ فِى بَعْضٍ ۖ وَنُفِخَ فِى ٱلصُّورِ فَجَمَعْنَٰهُمْ جَمْعًا ﴿٩٩﴾

وَعَرَضْنَا جَهَنَّمَ يَوْمَئِذٍ لِّلْكَٰفِرِينَ عَرْضًا ﴿١٠٠﴾

"Kemudian dia mejelajahi ke suatu jalan (yang lain pula)(92). Hingga apabila dia tiba di tempat di antara dua tembok dia menjumpai di hadapan keduanya satu kaum yang hampir-hampir tidak dapat memahami sebarang percakapan(93). Mereka berkata: Wahai Zul-Qarnayn! Sesungguhnya Ya'juj dan Ma'juj sentiasa melakukan kerosakan di bumi. Oleh itu apakah anda bersetuju kami berikan kepada anda sejumlah pembayaran supaya anda membina satu tembok yang menghalang di antara kami dengan mereka(94). Jawab Zul-Qarnayn: Ni'mat kedudukan pemerintahan yang kuat yang dikurniakan Tuhanku kepada aku itu adalah lebih baik (dari

bayaran), oleh itu berilah bantuan tenaga kepada aku nescaya aku membina satu tembok yang menghalangi di antara kamu dengan mereka(95). Bawalah kepada aku ketul-ketul besi, sehingga apabila dia selesai menyamaratakan (tembok besi) di antara dua bukit itu dia pun berkata: Tiuplah api! Sehingga apabila ia menjadikannya (merah seperti) api dia pun berkata: Berilah kepada aku tembaga cair supaya aku tuangkan ke atasnya(96). Maka (Ya'juj dan Ma'juj) tidak berdaya memanjatkannya dan tidak pula berdaya menebukkannya(97). Ujar Zul-Qarnayn: (Tembok) ini adalah rahmat dari Tuhanku. Dan apabila tiba janji Tuhanku Dia akan jadikannya hancurlebur dan sesungguhnya janji Tuhanku itu adalah benar(98). Dan pada hari itu (Qiamat) Kami membiarkan mereka (manusia) bercampurbaur satu sama lain, dan sangkakala pun ditiup lalu Kami kumpulkan mereka dalam perhimpunan (yang teratur)(99). Dan pada hari itu Kami memperlihatkan Neraka kepada orang-orang kafir dengan sejelas-jelasnya"(100).

ٱلَّذِينَ كَانَتْ أَعْيُنُهُمْ فِى غِطَآءٍ عَن ذِكْرِى وَكَانُوا۟ لَا يَسْتَطِيعُونَ سَمْعًا ﴿١٠١﴾

أَفَحَسِبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَن يَتَّخِذُوا۟ عِبَادِى مِن دُونِىٓ أَوْلِيَآءَ إِنَّآ أَعْتَدْنَا جَهَنَّمَ لِلْكَٰفِرِينَ نُزُلًا ﴿١٠٢﴾

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُم بِٱلْأَخْسَرِينَ أَعْمَٰلًا ﴿١٠٣﴾

ٱلَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ وَلِقَآئِهِۦ فَحَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ فَلَا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ وَزْنًا ﴿١٠٥﴾

ذَٰلِكَ جَزَآؤُهُمْ جَهَنَّمُ بِمَا كَفَرُوا۟ وَٱتَّخَذُوٓا۟ ءَايَٰتِى وَرُسُلِى هُزُوًا ﴿١٠٦﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنَّٰتُ ٱلْفِرْدَوْسِ نُزُلًا ﴿١٠٧﴾

خَٰلِدِينَ فِيهَا لَا يَبْغُونَ عَنْهَا حِوَلًا ﴿١٠٨﴾

قُل لَّوْ كَانَ ٱلْبَحْرُ مِدَادًا لِّكَلِمَٰتِ رَبِّى لَنَفِدَ ٱلْبَحْرُ قَبْلَ أَن تَنفَدَ كَلِمَٰتُ رَبِّى وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِۦ مَدَدًا ﴿١٠٩﴾

قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ فَمَن كَانَ يَرْجُوا۟ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَٰلِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدًۢا ﴿١١٠﴾

"Iaitu orang-orang yang tertutup mata mereka dari mengingati-Ku dan mereka tidak berupaya mendengar(101). Apakah orang-orang yang kafir itu menyangka bahawa mereka boleh mengambil hamba-hamba-Ku sebagai pelindung-pelindung selain dari-Ku, sesungguhnya Kami telah pun menyediakan Neraka Jahannam kepada orang-orang yang kafir sebagai tempat keraian(102). Katakanlah: Adakah kamu suka Kami memberitahu kepada kamu tentang orang-orang yang paling rugi (amalan-amalan mereka)(103). Iaitu orang-orang yang seluruh usaha mereka di dalam kehidupan dunia sia-sia sahaja, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka telah melakukan amalan-amalan yang baik(104). Merekalah orang-orang yang tidak mempercayai ayat-ayat Allah Tuhan mereka dan pertemuan mereka dengan-Nya lalu sia-sialah amalan-amalan mereka, oleh itu Kami tidak akan memberi apa-apa penilaian terhadap mereka(105). Orang-orang yang sedemikian, balasan mereka ialah Neraka Jahannam kerana mereka tidak beriman dan menjadikan ayat-ayat-Ku dan para rasul-Ku sebagai bahan ejekan(106). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengelakan amalan yang soleh akan memperolehi taman-taman Syurga al-Firdaus sebagai tempat keraian(107). Di mana mereka (tinggal) kekal abadi di dalamnya dan tidak ingin lagi berpindah darinya(108). Katakanlah jika seluruh lautan itu dijadikan tinta untuk dicatatkan kalimat-kalimat Tuhanku nescaya akan habislah lautan itu sebelum habis dicatatkan segala kalimat Tuhanku walaupun sebanyak itu lagi Kami membawa tinta tambahan(109). Katakanlah: Aku hanya seorang manusia seperti kamu sahaja yang telah diwahyukan kepadaku bahawa Allah Tuhan kamu itu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu barang siapa yang mengharapkan pertemuan dengan Tuhannya, maka hendaklah dia mengerjakan amalan yang soleh dan janganlah dia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadat kepada Tuhannya."(110)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Inilah pelajaran terakhir di dalam Surah al-Kahfi yang berteraskan kisah Zul-Qarnayn dan tiga pengembaraannya ke sebelah Timur, ke sebelah Barat dan ke kawasan Tengah dan bagaimana beliau membina tembok menyekat kaum Ya'juj dan Ma'juj.

Ayat-ayat berikut menceritakan perkataan Zul-Qarnayn setelah beliau siap membina tembok itu:

قَالَ هَٰذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّى فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ رَبِّى جَعَلَهُۥ دَكَّآءَ وَكَانَ وَعْدُ رَبِّى حَقًّا ﴿٩٨﴾

"Ujar Zul-Qarnayn: (Tembok) ini adalah rahmat dari Tuhanku. Dan apabila tiba janji Tuhanku dia akan jadikannya hancur lebur dan sesungguhnya janji Tuhanku itu adalah benar".(98)

Kemudian janji yang benar itu diiringi pula dengan keterangan mengenai tiupan sangkakala dan salah satu pemandangan Qiamat, kemudian surah ini ditamatkan dengan tiga ceraian dan setiap ceraian dimulakan dengan kata-kata "Qul" (katakanlah).

Ceraian-ceraian ini mengintisarikan maudhu'-maudhu' pembicaraan surah yang pokok dan tujuan-tujuan yang umum. Ia merupakan seolah-olah nada-nada akhir yang kuat dalam sebuah lagu yang harmoni.

* * * * * *

Kisah Zul-Qarnayn dimulakan seperti berikut:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَن ذِى ٱلْقَرْنَيْنِ ۖ قُلْ سَأَتْلُوا۟ عَلَيْكُم مِّنْهُ ذِكْرًا ﴿٨٣﴾

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang Zul-Qarnayn, jawablah: Aku akan bacakan kepadamu sebahagian dari ceritanya."(83)

Muhammad ibn Ishaq telah menyebut sebab turunnya surah ini katanya: Aku telah diceritakan oleh seorang guru dari penduduk negeri Mesir. Dia datang ke tempat kami kira-kira empat puluh tahun lebih yang lalu, dari Ikrimah, dari Ibn Abbas katanya: "Kaum Quraisy telah mengirim an-Nadhr ibn Harith dan Aqabah ibn Abu Mu'ayt kepada pendeta-pendeta Yahudi di Madinah dan berkata kepada keduanya: Tanyalah kepada pendeta-pendeta itu tentang Muhammad, terangkan sifatnya kepada mereka dan ceritakan apa yang telah dikatakan olehnya kerana mereka adalah kaum Ahlil-Kitab yang pertama. Mereka mempunyai ilmu tentang para Anbiya' yang tidak ada pada kita". Lalu kedua utusan itu pergi ke Madinah dan bertanya kepada pendeta-pendeta Yahudi tentang Rasulullah s.a.w. Kedua-duanya menceritakan kepada mereka tentang beliau dan sebahagian dari apa yang telah dikatakan olehnya sambil berkata: "Tuan-tuan adalah pakar-pakar kitab at-Taurat dan tujuan kami datang menemui tuan-tuan ialah supaya tuan-tuan boleh menjelaskan kepada kami tentang teman kami ini (Muhammad)". Kata rawi: Pendeta-pendeta itupun berkata: "Tanyalah kepadanya (Muhammad) tiga perkara yang kami cadangkan ini, jika dia dapat menjawab, maka dia adalah benar seorang nabi yang diutuskan Allah, dan sebaliknya jika dia tidak dapat menjawabnya, maka dia hanya seorang pendusta dan kamu boleh memutuskan fikiran kamu terhadapnya. Tanyalah kepadanya tentang sekumpulan pemuda yang telah pergi menghilangkan diri di zaman dahulu bagaimana cerita mereka, kerana cerita mereka amat menakjubkan. Dan tanyalah kepadanya tentang seorang lelaki yang menjelajah dunia hingga sampai ke kawasan-kawasan sebelah Timur dan kawasan-kawasan sebelah Barat bagaimana ceritanya? Dan tanyalah kepadanya tentang roh dan apakah dia? Jika dia dapat menceritakan hal-hal itu kepada kamu, maka dia adalah benar seorang nabi yang boleh kamu ikutinya, dan sebaliknya jika dia tidak dapat menceritakannya kepada kamu, maka dia adalah seorang pendusta dan lakukan apa sahaja tindakan terhadapnya yang kamu fikir wajar". Lalu an-Nadhr dan Aqabah balik menemui kaum Quraisy dan berkata: "Wahai kaum Quraisy! Kami telah membawa kepada kamu kata pemutus yang dapat menyelesaikan masalah di antara kamu dengan Muhammad. Pendeta-pendeta Yahudi itu menyuruh kita bertanya kepada Muhammad mengenai beberapa perkara". Lalu kedua-duanya menceritakan perkara-perkara itu. Setelah itu mereka datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai Muhammad! Ceritakan kepada kami..." Lalu mereka mengemukakan kepada beliau pertanyaan-pertanyaan yang disuruh oleh pendeta-pendeta itu. Rasulullah s.a.w. menjawab: "Besok aku akan jawab pertanyaan-pertanyaan kamu itu" tanpa berkata "kecuali dikehendaki Allah". Mereka pun berundur darinya. Rasulullah s.a.w. menunggu selama lima belas hari lima belas malam tanpa mendapat apa wahyu dari Allah mengenai perkara-perkara tersebut dan tanpa dikunjungi Jibril a.s. hingga menggemparkan penduduk Makkah. Mereka berkata: "Muhammad berjanji hendak jawab besok, sekarang telah masuk lima belas hari, sedangkan dia belum lagi memberi apa-apa jawapan terhadap pertanyaan-pertanyaan kita kepadanya. Keterhentian turunnya wahyu itu telah mendukacitakan beliau dan beliau merasa terkilan terhadap kata-kata penduduk-penduduk Makkah itu. Kemudian barulah beliau dikunjungi Jibril a.s. yang diutus oleh Allah Azza wa jalla membawa Surah Ashabul-Kahfi, di mana beliau ditegur kerana bersedih terhadap sikap mereka, di samping dimuatkan cerita-cerita yang ditanyakan mereka mengenai kumpulan pemuda dan lelaki pengembara itu, juga firman Allah Azza wa jalla mengenai roh (ayat 85).

Ini satu riwayat dan di sana ada lagi satu riwayat lain dari ibn Abbas r.a. khusus mengenai turunnya ayat roh, dan riwayat ini telah disebut oleh al-'Aufi, iaitu orang-orang Yahudi telah berkata kepada Nabi s.a.w.: "Ceritakan kepada kami tentang roh dan bagaimana roh itu di'azabkan dalam jasad, sedangkan roh itu dari urusan Allah?" Oleh sebab tidak ada apa keterangan yang diturunkan kepada beliau mengenai hal ini, maka beliau tidak memberi apa jawapan kepada mereka. Kemudian beliau dikunjungi Jibril menyampaikan jawapan kepadanya:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلرُّوحِ ۖ قُلِ ٱلرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّى وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

"Katakanlah: Roh itu adalah dari urusan Tuhanku dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan kecuali sedikit sahaja."

(Surah al-Isra':85)

Hingga akhir riwayat.

Oleh sebab adanya berbagai-bagai riwayat tentang sebab-sebab nuzul itu, maka kami memilih untuk berhenti setakat bayangan nas Al-Qur'an yang amat diyakinkan kebenarannya itu, dan dari nas ini kami dapat mengetahui bahawa di sana ada satu pertanyaan mengenai Zul-Qarnayn dan kami tidak mengetahui secara pasti siapakah yang mengemukakan pertanyaan itu, tetapi pengenalan tentang siapakah yang bertanya itu tidaklah menambahkan apa-apa kepada maksud kisah. Oleh itu marilah kita hadapi nas Al-Qur'an sendiri tanpa sebarang tokok tambah.

Siapakah Zul-Qarnanyn Yang Dimaksudkan Al-Qur'an?

Nas Al-Qur'an tidak menyebut apa-apa tentang syakhsiyah Zul-Qarnayn, tidak pula tentang zamannya atau tempatnya. Inilah cara biasa didalam kisah-kisah Al-Qur'an, kerana yang dimaksudkan di sini bukannya catatan sejarah, tetapi ialah pengajaran yang diambil dari kisah. Pengajaran itu boleh dicapai tanpa memerlukan kepada penentuan zaman dan tempat pada kebanyakan masa.

Catatan sejarah yang dibuku telah memperkenalkan seorang raja bernama Iskandar Zul-Qarnayn, tetapi yang dikenal pasti raja ini bukannya Zul-Qarnayn yang disebut di dalam Al-Qur'an, kerana Iskandar dari negeri Greek itu adalah seorang penganut paganisme, sedangkan Iskandar yang diceritakan oleh Al-Qur'an ialah seorang yang beriman kepada Allah, berpegang dengan 'aqidah tauhid, percaya kepada kebangkitan dan hari Akhirat.

Ujar Abu ar-Rayhan al-Biruni al-Munajjim dalam kitab (الآثار الباقية عن القرون الخالية) (Kesan-kesan Peninggalan Zaman Silam): Zul-Qarnayn yang tersebut di dalam Al-Qur'an itu adalah dari suku kaum Himyar yang dapat dikenal dari namanya, kerana raja-raja Himyar digelar dengan "Zul" seperti Zu Nuas dan Zu Yazin. Nama tubuh baginda ialah Abu Bakr ibn Afriqasy. Baginda telah mengembara dengan angkatan bala tenteranya ke pantai Lautan Mediterranian dan melintas negeri-negeri Tunisia, Morocco dan lain-lain, dan baginda telah membangun bandar Afrika dan kemudian seluruh benua itu dinamakan dengan nama baginda. Baginda digelarkan dengan "Zul-Qarnayn" (Yang Menjelajah Dua Tanduk Matahari iaitu garisan bulatan matahari di permulaan terbit yang kelihatan seakan-akan tanduk), kerana baginda telah mengembara hingga sampai ke kawasan dua tanduk matahari.

Pendapat ini mungkin benar, tetapi kami tidak mempunyai sarana-sarana untuk mengkajinya, kerana kajian tidak mungkin dibuat dari catatan sejarah yang bertulis mengenai Zul-Qarnayn yang diceritakan sekelumit kisahnya di dalam Al-Qur'an itu, kerana kisah Zul-Qarnayn samalah dengan kebanyakan kisah-kisah yang diceritakan di dalam Al-Qur'an seperti kisah-kisah kaum Nuh, kaum Hud, kaum Soleh dan lain-lainnya. Sejarah yang bertulis hanya merupakan anak yang baru lahir dibandingkan dengan umur umat manusia, sedangkan sebelum sejarah yang bertulis ini banyak peristiwa yang telah berlaku yang tidak diketahui olehnya sedikit pun. Oleh itu sejarah yang bertulis bukannya sumber untuk bertanya mengenai peristiwa-peristiwa itu.

Seandainya kitab Taurat terselamat dari perubahan dan tokok tambah tentulah ia boleh menjadi sumber rujukan yang dapat dipegang mengenai sesuatu kejadian dari peristiwa-peristiwa itu, tetapi malangnya kitab Taurat dilingkungi dongeng-dongeng yang tidak syak lagi ianya dongeng. Ia juga memuat cerita-cerita yang tidak syak diragui lagi merupakan cerita-cerita yang ditokok tambah kepada nas-nas asal yang diwahyukan Allah. Oleh itu, Taurat tidak merupakan sumber yang diyakinkan kebenarannya mengenai kisah-kisah sejarah yang diceritakannya.

Justeru itu tiada lagi sumber yang lain kecuali Al-Qur'an yang terpelihara dari segala pengubahan dan pindaan. Ia adalah satu-satunya sumber mengenai kisah-kisah sejauh yang diceritakannya.

Amatlah jelas sekali bahawa Al-Qur'anul-Karim tidak boleh dihakimkan kepada sejarah kerana dua sebab yang amat terang:

Pertama, sejarah yang bertulis itu merupakan anak yang baru sahaja lahir. Berbagai-bagai peristiwa yang tidak terhingga banyaknya di dalam sejarah umat manusia telah terluput darinya. Ia tidak mengetahui sedikit pun dari peristiwa-peristiwa ini, tetapi Al-Qur'an telah menceritakan sebahagian dari peristiwa-peristiwa yang tidak diketahui sejarah itu.

Kedua, walaupun sejarah yang bertulis itu mengetahui setengah-setengah peristiwa ini, namun ia adalah salah satu hasil karya manusia yang tidak sempurna yang tidak sunyi dari kekurangan, kesilapan, pemesongan dan pengubahan yang dialami oleh semua karya manusia yang lain. Kita sendiri dapat menyaksi di zaman kita - yang mempunyai kemudahan perhubungan dan alat-alat pengkajian - bagaimana sesuatu berita atau sesuatu peristiwa itu telah diceritakan dengan berbagai-bagai cara dan dilihat dari berbagai-bagai sudut dan ditafsirkan dengan berbagai-bagai pentafsiran yang bertentangan, dan dari longgokan catatan-catatan seperti inilah diciptakan sejarah walaupun selepas itu ia dikatakan telah dikaji dengan teliti dan halus.

Pendapat yang menyarankan perlunya bertanya sejarah mengenai kisah yang diceritakan oleh Al-Qur'an adalah satu pendapat yang ditolak oleh kaedah-kaedah ilmiyah yang diakui manusia sebelum ia ditolak oleh 'aqidah yang telah menjelaskan bahawa Al-Qur'an merupakan keterangan pemutus. Ia adalah satu pendapat yang tidak layak dikatakan oleh seorang yang beriman kepada Al-Qur'an, juga tidak layak dikatakan oleh seorang yang percaya kepada alat-alat kajian ilmiyah, malah ia merupakan suatu dolak dalik sahaja.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 84 - 88)

Para penanya tentang Zul-Qarnayn telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w., lalu Allah menurunkan wahyu kepada beliau menerangkan kisah Zul-Qarnayn seperti yang diceritakan di sini. Kita tidak mempunyai sumber yang lain di hadapan kita selain dari Al-Qur'an mengenai kisah ini. Kita tidak berupaya menceritakannya secara luas tanpa berlandaskan ilmu. Berbagai-bagai pendapat telah diterangkan di dalam kitab-kitab tafsir, tetapi pendapat-pendapat itu tidak dilandaskan di atas keyakinan. Oleh itu ia harus

diambil dengan hati-hati kerana ia mengandungi hikayat-hikayat Israeliyah dan cerita-cerita dongeng.

Pengembaraan Zul-Qarnayn

Nas-nas Al-Qur'an telah merakamkan tiga pengembara-an Zul-Qarnayn, iaitu satu pengembaraan ke sebelah Barat, satu pengembaraan ke sebelah Timur dan satu lagi pengembaraan di antara dua banjaran gunung. Sekarang marilah kita ikuti penjelasan Al-Qur'an mengenai tiga pengembaraan ini.

Cerita Zul-Qarnayn ini dimulakan dengan sedikit penerangan mengenai dirinya:

إِنَّا مَكَّنَّا لَهُۥ فِى ٱلْأَرْضِ وَءَاتَيْنَٰهُ مِن كُلِّ شَىْءٍ سَبَبًا ﴿٨٤﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengukuhkan kedudukan pemerintahannya di bumi dan Kami telah mengurniakan kepadanya jalan untuk mencapai segala sesuatu (yang diperlukan kerajaannya)."(84)

Allah telah mengurniakan kepadanya kedudukan yang teguh dan kekuasaan yang kukuh. Allah telah memberikannya jalan-jalan untuk memerintah dan mena'luk, jalan-jalan pembangunan dan kemakmuran, jalan-jalan kekuasaan dan kesenangan dan segala sesuatu yang diperlukan manusia untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam kehidupan ini:

فَأَتْبَعَ سَبَبًا ﴿٨٥﴾

"Lalu dia menjelajahi ke suatu jalan."(85)

Dia mengembara ke satu arah yang diberikan kemudahan kepadanya, lalu berangkat menuju ke sebelah Barat:

حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغَ مَغْرِبَ ٱلشَّمْسِ وَجَدَهَا تَغْرُبُ فِى عَيْنٍ حَمِئَةٍ وَوَجَدَ عِندَهَا قَوْمًا ۗ قُلْنَا يَٰذَا ٱلْقَرْنَيْنِ إِمَّآ أَن تُعَذِّبَ وَإِمَّآ أَن تَتَّخِذَ فِيهِمْ حُسْنًا ﴿٨٦﴾

قَالَ أَمَّا مَن ظَلَمَ فَسَوْفَ نُعَذِّبُهُۥ ثُمَّ يُرَدُّ إِلَىٰ رَبِّهِۦ فَيُعَذِّبُهُۥ عَذَابًا نُّكْرًا ﴿٨٧﴾

وَأَمَّا مَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَلَهُۥ جَزَآءً ٱلْحُسْنَىٰ ۖ وَسَنَقُولُ لَهُۥ مِنْ أَمْرِنَا يُسْرًا ﴿٨٨﴾

"Hingga apabila dia tiba di tempat matahari jatuh dia dapati matahari terbenam di dalam matair yang berlumpur dan di sana dia menemui satu kaum, Lalu Kami berfirman kepadanya: Wahai Zul-Qarnayn, sama ada engkau mengenakan hukuman seksa atau memilih balasan yang baik terhadap mereka(86). Jawab Zul-Qarnayn: Adapun orang yang berlaku zalim (kafir), maka kami mengenakan hukuman seksa kemudian dipulangkannya kepada Allah Tuhannya dan Dialah yang akan menyeksakannya dengan 'azab yang dahsyat(87). Dan adapun orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka dia akan mendapat balasan yang sebaik-baiknya dan kami akan berkata kepadanya (menyampaikan) sebahagian dari perintah kami dengan penjelasan yang mudah."(88)

Tempat matahari jatuh ialah tempat di mana seseorang dapat melihat matahari membenamkan dirinya di sebalik ufuk, dan pemandangan itu berbeza-beza mengikut kelainan tempat. Di setengah-setengah tempat orang melihat matahari itu jatuh di belakang bukit, dan tempat-tempat yang lain pula orang melihat ia membenam di dalam air seperti di laut-laut dan laut-lautan yang luas, dan setengah-setengah tempat orang melihat ia membenam di dalam pasir seperti di padang-padang pasir yang luas sayup saujana.

Yang jelas dari nas ini ialah Zul-Qarnayn telah mengembara ke sebalah Barat hingga sampai ke suatu tempat di atas pantai lautan Atlantik - ia juga dinamakan sebagai laut gelap, di mana daratan dikira berakhir di situ - dan disinilah dia melihat matahari jatuh.

Pendapat yang lebih rajih menyebut tempat itu ialah terletak di muara salah satu dari sungai-sungai, di mana terdapat banyak rumput yang di kelilingi tanah-tanah lumpur yang likat, juga terdapat kolam-kolam seolah-olah kelihatan seperti matair-matair. Di sanalah dia melihat matahari jatuh.

وَجَدَهَا تَغْرُبُ فِى عَيْنٍ حَمِئَةٍ

"Dia dapati matahari itu terbenam di dalam matair yang berlumpur"(86)

tetapi kita tidak dapat menentukan tempat itu dengan tepat, kerana nas Al-Qur'an tidak menentukannya dan kita juga tidak mempunyai sumber yang lain yang dapat kita berpegang dengannya dalam menentukan tempat itu. Segala pendapat yang berlainan dari pendapat ini adalah tidak aman dan selamat kerana ia tidak bersandar kepada satu sumber yang sahih.

Di kawasan tanah lumpur inilah Zul-Qarnayn menjumpai satu kaum:

قُلْنَا يَٰذَا ٱلْقَرْنَيْنِ إِمَّآ أَن تُعَذِّبَ وَإِمَّآ أَن تَتَّخِذَ فِيهِمْ حُسْنًا ﴿٨٦﴾

"Lalu Kami berfirman kepadanya: Wahai Zul-Qarnayn, sama ada engkau mengenakan hukuman seksa atau memilih balasan yang baik terhadap mereka."(86)

Bagaimana Allah menyampaikan firman ini kepada Zul-Qarnayn? Adakah perkataan ini berupa wahyu atau ia hanya merupakan cerita keadaan sahaja ketika beliau diberi kekuatan menguasai kaum itu dan diserahkan kebebasan bertindak terhadap mereka seolah-olah dikatakan kepadanya: Engkau boleh bertindak bebas terhadap mereka sama ada engkau

hendak bertindak mengazabkan mereka atau memberi layanan yang baik kepada mereka? Kedua-dua pendapat ini boleh diterima belaka dan tidak ada apa halangan untuk memahami nas ini mengikut kedua-dua pendapat itu, kerana yang penting di sini ialah Zul-Qarnayn telah mengumumkan perlembagaannya dalam melayani negeri-negeri yang ditaklukkannya, di mana penduduk-penduduknya tunduk kepadanya dan di mana Allah telah memberi kekuatan kepadanya untuk menguasai mereka.

قَالَ أَمَّا مَن ظَلَمَ فَسَوْفَ نُعَذِّبُهُۥ ثُمَّ يُرَدُّ إِلَىٰ رَبِّهِۦ فَيُعَذِّبُهُۥ عَذَابًا نُّكْرًا ﴿٨٧﴾ وَأَمَّا مَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَلَهُۥ جَزَآءً ٱلْحُسْنَىٰ ۖ وَسَنَقُولُ لَهُۥ مِنْ أَمْرِنَا يُسْرًا ﴿٨٨﴾

"Jawab Zul-Qarnayn: Adapun orang yang berlaku zalim (kafir), maka kami mengenakan hukuman seksa kemudian mereka akan dipulangkannya kepada Allah Tuhannya dan Dialah yang akan menyeksakannya dengan 'azab yang dahsyat(87). Dan adapun orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka dia akan mendapat balasan yang sebaik-baiknya dan kami akan berkata kepadanya (menyampaikan) sebahagian dari perintah kami dengan penjelasan yang mudah."(88)

Perlembagaan Negara Yang Baik

Kini Zul-Qarnayn mengumumkan hukuman keseksaan dunianya kepada para penceroboh yang zalim dan selepas itu mereka akan diserahkan pula kepada Allah supaya di'azabkan dengan 'azab yang amat dahsyat yang tidak dapat ditanding dengan mana-mana 'azab yang diketahui manusia. Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka mereka akan mendapat balasan yang baik, layanan yang saksama, penghormatan, bantuan dan kemudahan.

Inilah perlembagaan pemerintahan yang baik. Seorang Mu'min yang soleh pastilah memperolehi layanan yang terhormat, kemudahan dan balasan yang baik di sisi pemerintah, dan seseorang penceroboh yang zalim pastilah mendapat keseksaan dan hukuman yang menyakitkan. Apabila setiap orang yang baik di dalam masyarakat mendapat balasan yang baik terhadap kebaikannya, mendapat tempat yang terhormat, pertolongan dan kemudahan, dan apabila setiap orang yang menceroboh menerima balasan, hukuman, penghinaan dan tindakan keras terhadap kejahatannya, maka di waktu inilah setiap orang mendapat galakan ke arah kebaikan dan produktiviti. Tetapi apabila neraca pemerintahan itu tidak menentu, di mana penceroboh-penceroboh yang melakukan kerosakan itu mendapat tempat yang hampir kepada pemerintah dan kedudukan yang utama di dalam kerajaan, sementara orang-orang yang baik dibuang dan diperang, maka di waktu inilah kuasa yang ada di tangan pemerintah akan bertukar menjadi cemati 'azab dan alat penindasan dan sistem masyarakat akan menjadi kacau-bilau dan rosak.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 89 - 90)

Kemudian Zul-Qarnayn pulang dari pengembaraan di sebelah Barat dan melakukan pengembaraan ke sebelah Timur, di mana beliau dikurniakan kedudukan yang teguh dan dimudahkan segala jalannya:

ثُمَّ أَتْبَعَ سَبَبًا ﴿٨٩﴾ حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغَ مَطْلِعَ ٱلشَّمْسِ وَجَدَهَا تَطْلُعُ عَلَىٰ قَوْمٍ لَّمْ نَجْعَل لَّهُم مِّن دُونِهَا سِتْرًا ﴿٩٠﴾

"Kemudian dia menjelajahi ke suatu jalan (yang lain pula) (89). Hingga apabila dia tiba di tempat matahari terbit dia dapati matahari itu naik ke atas satu kaum yang tidak Kami jadikan untuk mereka sebarang perlindungan dari (panasnya)."(90)

Apa yang telah dikatakan mengenai tempat matahari jatuh begitulah juga dikatakan mengenai tempat matahari terbit. Yang dimaksudkan dengan tempat matahari terbit ialah tempat terbitnya di ufuk Timur pada pandangan mata orang yang melihat. Al-Qur'an tidak menentukan tempat itu secara tepat, tetapi menerangkan sifat-sifatnya dan keadaan kaum yang dijumpai Zul-Qarnayn di sana:

"Hingga apabila dia tiba di tempat matahari terbit dia dapati matahari itu naik ke atas satu kaum yang tidak Kami jadikan untuk mereka sebarang perlindungan dari (panasnya)."(90)

Kawasan itu adalah kawasan bumi yang terdedah, yang tidak terdapat bukit-bukit dan pokok yang melindunginya dari panas matahari. Jadi matahari di sana naik memancar terus ke atas kaum yang tinggal di sana tanpa apa-apa perlindungan. Gambaran ini secucuk dengan kawasan padang-padang pasir dan tanah datar yang luas saujana. Al-Qur'an tidak menentukan tempatnya secara tepat.

Kemungkinan besar yang kami dapat katakan ialah tempat ini adalah terletak di hujung Timur, di mana orang melihat matahari naik ke atas kawasan bumi yang rata dan terbuka. Kemungkinan tempat itu terletak di pantai Timur Afrika, dan di sana ada lagi satu kemungkinan, iaitu yang dimaksudkan dengan gambaran Al-Qur'an:

"Yang tidak Kami jadikan untuk mereka sebarang perlindungan dari (panasnya)"(90)

ialah kaum itu adalah satu kaum yang telanjang bogel, yang tidak mempunyai sebarang pakaian yang melindungi mereka dari panas matahari.

Sebelum ini Zul-Qarnayn telah pun mengumumkan perlembagaan pemerintahannya, justeru itu pengumuman itu tidak diulangkan di sini, begitu juga tidak diulangkan tindakan-tindakannya yang telah diambil dalam pengembaraannya di sebelah Timur kerana perkara ini telah pun diketahui sebelum ini. Allah telah mengetahui segala fikiran dan tujuan-tujuannya.

Marilah kita berhenti sejenak di hadapan gejala keseimbangan yang seni dalam pembentangan (cerita ini), iaitu pemandangan yang ditayangkan ayat tadi menggambarkan satu pemandangan alam yang terbuka dan terdedah, di mana matahari memancar ke atas satu kaum yang tidak mempunyai apa-apa perlindungan, demikian juga hati Zul-Qarnayn dan segala niat dan hasratnya terbuka dan terdedah kepada ilmu Allah. Demikianlah pemandangan itu menunjukkan gambaran yang seimbang di antara keadaan alam dan keadaan hati Zul-Qarnayn mengikut kaedah perimbangan Al-Qur'an yang seni.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 92 - 98)

ثُمَّ أَتۡبَعَ سَبَبًا ﴿٩٢﴾

حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغَ بَيۡنَ ٱلسَّدَّيۡنِ وَجَدَ مِن دُونِهِمَا قَوۡمٗا لَّا يَكَادُونَ يَفۡقَهُونَ قَوۡلٗا ﴿٩٣﴾

قَالُواْ يَٰذَا ٱلۡقَرۡنَيۡنِ إِنَّ يَأۡجُوجَ وَمَأۡجُوجَ مُفۡسِدُونَ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَهَلۡ نَجۡعَلُ لَكَ خَرۡجًا عَلَىٰٓ أَن تَجۡعَلَ بَيۡنَنَا وَبَيۡنَهُمۡ سَدّٗا ﴿٩٤﴾

قَالَ مَا مَكَّنِّي فِيهِ رَبِّي خَيۡرٞ فَأَعِينُونِي بِقُوَّةٍ أَجۡعَلۡ بَيۡنَكُمۡ وَبَيۡنَهُمۡ رَدۡمًا ﴿٩٥﴾

ءَاتُونِي زُبَرَ ٱلۡحَدِيدِۖ حَتَّىٰٓ إِذَا سَاوَىٰ بَيۡنَ ٱلصَّدَفَيۡنِ قَالَ ٱنفُخُواْۖ حَتَّىٰٓ إِذَا جَعَلَهُۥ نَارٗا قَالَ ءَاتُونِيٓ أُفۡرِغۡ عَلَيۡهِ قِطۡرٗا ﴿٩٦﴾

فَمَا ٱسۡطَٰعُوٓاْ أَن يَظۡهَرُوهُ وَمَا ٱسۡتَطَٰعُواْ لَهُۥ نَقۡبٗا ﴿٩٧﴾

قَالَ هَٰذَا رَحۡمَةٞ مِّن رَّبِّيۖ فَإِذَا جَآءَ وَعۡدُ رَبِّي جَعَلَهُۥ دَكَّآءَۖ وَكَانَ وَعۡدُ رَبِّي حَقّٗا ﴿٩٨﴾

"Kemudian dia menjelajahi ke suatu jalan (yang lain pula)(92). Hingga apabila dia tiba di tempat di antara dua tembok dia menjumpai di hadapan keduanya satu kaum yang hampir-hampir tidak dapat memahami sebarang percakapan(93). Mereka berkata: Wahai Zul-Qarnayn! Sesungguhnya Ya'juj dan Ma'juj itu satu kaum yang sentiasa melakukan kerosakan di bumi. Oleh itu apakah anda bersetuju kami berikan kepada anda sejumlah pembayaran supaya anda membina satu tembok yang menghalang di antara kami dengan mereka?(94). Jawab Zul-Qarnayn: Ni'mat kedudukan pemerintahan yang kuat yang dikurniakan Tuhanku kepada aku itu adalah lebih baik (dari bayaran), oleh itu berilah bantuan tenaga kepada aku nescaya aku membina satu tembok yang menghalangi di antara kami dengan mereka(95). Bawalah kepada aku ketul-ketul besi, sehingga apabila dia selesai menyamaratakan (tembok besi) di antara dua bukit itu dia pun berkata: Tiuplah api! Sehingga apabila ia menjadikannya (merah seperti) api dia pun berkata: Berilah kepadaku tembaga cair supaya aku tuangkan ke atasnya(96). Maka (Ya'juj dan Ma'juj) tidak berdaya memanjatkannya dan tidak pula berdaya menebukkannya (97). Ujar Zul-Qarnayn: (Tembok) ini adalah rahmat dari Tuhanku. Dan apabila tiba janji Tuhanku Dia akan jadikannya hancurlebur dan sesungguhnya janji Tuhanku itu adalah benar."(98)

Tembok Yang Dibina Zul-Qarnayn

Kita tidak dapat pastikan dengan tepat di manakah tempat sampainya Zul-Qarnayn yang terletak di antara dua tembok itu? Dan apakah yang dimaksudkan dengan dua tembok itu? Apa yang dapat difaham dari ayat ini ialah dia telah sampai di satu kawasan yang terletak di antara dua banjaran bukit/gunung atau dua tembok yang dibina manusia dan di antara keduanya dipisahkan oleh sebuah lorong atau jalan laluan dan di sanalah Zul-Qarnayn menjumpai satu kaum yang mundur:

لَّا يَكَادُونَ يَفۡقَهُونَ قَوۡلٗا ﴿٩٣﴾

"Yang hampir-hampir tidak dapat memahami sebarang percakapan."(93)

Apabila kaum ini mendapati Zul-Qarnayn seorang penakluk yang gagah berani dan melihat kekuatan, kebolehan dan kebaikannya, mereka pun menawar kepada beliau kerja membangun tembok untuk menghalang kaum Ya'juj dan Ma'juj yang menyerang mereka dari belakang dua tembok dan dari jalan laluan itu dan melakukan kerosakan dan perbuatan-perbuatan yang bermaharajalela di negeri mereka, sedangkan mereka tidak berupaya untuk menolak dan menyekat kemaraan mereka. Untuk kerja itu mereka sanggup memberi upah yang tertentu kepada beliau yang dikumpul di antara mereka.

Berdasarkan sistem hidup yang soleh yang diumumkan oleh beliau selaku pemerintah yang soleh, iaitu satu sistem hidup yang menentang kerosakan di bumi, maka beliau telah menolak tawaran upah yang ditawarkan mereka kepada beliau dan beliau sanggup membina tembok itu secara sukarela sahaja. Cara yang paling mudah mengikut pandangan beliau untuk membina tembok itu ialah

menutup dan menambak jalan laluan yang terletak di antara dua tembok semulajadi (bukit/gunung) itu. Oleh itu beliau meminta dari kaum yang mundur itu supaya membantu beliau dengan kekuatan-kekuatan kebendaan dan tenaga fizikal:

فَأَعِينُونِي بِقُوَّةٍ أَجْعَلْ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ رَدْمًا ﴿٩٥﴾ ءَاتُونِي زُبَرَ الْحَدِيدِ

"Oleh itu berilah bantuan tenaga kepada aku nescaya aku membina satu tembok yang menghalangi di antara kamu dengan mereka. Bawalah kepadaku ketul-ketul besi"(95-96)

Lalu mereka mengumpul ketul-ketul besi dan menimbunkannya di jalan yang terbuka di antara dua banjaran bukit itu. Ini menjadikan dua banjaran bukit itu seolah-olah kulit luar yang membalut tembok-tembok besi yang disusun di antara keduanya.

حَتَّىٰٓ إِذَا سَاوَىٰ بَيْنَ الصَّدَفَيْنِ

"Sehingga apabila dia selesai menyamaratakan (tembok besi) di antara dua bukit itu"(96)

dan jadilah timbunan besi itu separas dengan dua bukit itu:

قَالَ انفُخُوا

"Dia pun berkata: Tiuplah api!"(96)

untuk membakar besi-besi itu:

حَتَّىٰٓ إِذَا جَعَلَهُۥ نَارًا

"Sehingga apabila ia menjadikannya (merah seperti) api"(96)

kerana terlalu panas dan merah:

قَالَ ءَاتُونِيٓ أُفْرِغْ عَلَيْهِ قِطْرًا ﴿٩٦﴾

"Diapun berkata: Berilah kepadaku tembaga cair supaya aku tuangkan ke atasnya."(96)

Iaitu tembaga cair yang menyerap ke celah-celah besi dan bercampur dengannya untuk menjadikannya bertambah kuat dan kukuh.

Cara ini telah digunakan di zaman moden untuk menguatkan besi, kerana tambahan satu nisbah tembaga kepada besi didapati menambahkan ketahanan dan kekuatannya. Inilah rahsia yang telah ditunjukkan Allah kepada Zul-Qarnayn dan dirakamkannya dalam kitab suci-Nya yang kekal mendahului ilmu pengetahuan manusia yang moden selama berabad-abad yang hanya Allah sahaja mengetahui bilangannya.

Dengan itu kedua-dua bukit itu bertangkup dan menjadi sedaging dan tertutuplah jalan yang dilalui Ya'juj dan Ma'juj itu:

فَمَا اسْطَٰعُوٓا أَن يَظْهَرُوهُ وَمَا اسْتَطَٰعُوا لَهُۥ نَقْبًا ﴿٩٧﴾

"Maka (Ya'juj dan Ma'juj) tidak berdaya memanjatkannya dan tidak pula berdaya menebukkannya."(97)

Maksudnya, mereka tidak dapat memanjat dan menembusi tembok itu. Mereka tidak dapat lagi menyerang kaum yang lemah dan mundur, dan membolehkan mereka meni'mati keamanan dan ketenteraman.[9]

Zul-Qarnayn melihat hasil usahanya yang amat besar itu, tetapi beliau tidak dilambung perasaan angkuh dan bangga. Beliau tidak dimabukkan oleh perasaan kesombongan kerana mempunyai ilmu dan kekuatan, tetapi beliau terus mengingati Allah dan bersyukur kepada-Nya serta memulangkan segala hasil usahanya yang baik itu kepada pertolongan dan taufiq Allah. Beliau menolak kekuatan dirinya dan mengakui kekuatan Allah dan menyerahkan teraju urusan kepada Allah. Kemudian beliau mengumumkan hakikat yang dipercayainya iaitu gunung-ganang, kota-kota dan tembok-tembok akan dihancurkan belaka sebelum hari Qiamat dan permukaan bumi akan kembali menjadi licin dan rata:

قَالَ هَٰذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّي ۖ فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُۥ دَكَّآءَ ۖ وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا ﴿٩٨﴾

"Ujar Zul-Qarnayn: (Tembok) ini adalah rahmat dari Tuhanku. Dan apabila tiba janji Tuhanku Dia akan jadikannya hancurlebur dan sesungguhnya janji Tuhanku itu adalah benar."(98)

Dengan ini berakhirlah babak sirah Zul-Qarnayn sebagai contoh yang baik bagi pemerintah yang soleh yang telah dikurniakan Allah kedudukan yang teguh di bumi dan kemudahan segala jalan, di mana beliau mengembara Timur dan Barat, tetapi beliau tidak berlagak sewenang-wenang, angkuh, melampau dan takbur. Beliau tidak menggunakan penaklukan-penaklukan sebagai alat untuk mendapat keuntungan-keuntungan kebendaan atau untuk mengeksploitasi individu-individu, kumpulan-kumpulan dan negeri-negeri, beliau tidak melayani negeri-negeri yang ditakluk dengan layanan hamba abdi. Beliau tidak menggunakan penduduk-penduduknya untuk kepentingan-kepentingan dan ketamakannya. Malah beliau mengembangkan keadilan di setiap tempat yang dimasuki olehnya dan membantu kaum-kaum yang mundur dan menghalangkan pencerobohan tanpa sebarang upah. Beliau menggunakan kekuatan yang dikurniakan Allah kepadanya untuk tujuan-tujuan pembangunan

---

[9] *Satu tembok telah dijumpai di satu tempat berhampiran dengan bandar "Tarmidz" yang dikenali dengan nama Babul- Hadid (pintu besi). Di awal abad yang kelima, seorang ilmuwan jerman bernama Slade Verger telah melalui tempat ini dan merakamkan di dalam buku beliau. Begitu juga tempat ini telah disebut oleh arkeologis Sepanyol bernama Klapigeo yang telah menyebut tempat ini di dalam pengembaraannya dalam tahun 1403 dan beliau berkata: Tembok bandar Babul-Hadid ini yang terletak di antara Samarkand dan India mungkin tembok inilah tembok yang dibina oleh Zul-Qarnayn.*

dan islah, juga untuk menolak pencerobohan dan menegakkan kebenaran kemudian beliau memulangkan segala kebaikan yang telah dilaksanakannya itu kepada rahmat dan limpah kurnia Allah. Beliau tidak lupa kepada qudrat kuasa Allah ketika beliau berada di kemuncak kekuasaannya dan beliau sentiasa pulang kepada Allah.

* * * * * *

Siapakah Kaum Ya'juj dan Ma'juj

Siapakah kaum Ya'juj dan Ma'juj? Di manakah mereka sekarang? Apakah tindak-tanduk mereka di masa lampau dan apakah yang akan berlaku kepada mereka?

Semua pertanyaan ini sukar dijawab secara pasti, kerana kita tidak mengetahui keadaan mereka melainkan sekadar yang telah diterangkan di dalam Al-Qur'an dan beberapa hadith yang sahih.

Di tempat ini Al-Qur'an hanya menyebut apa yang telah dikatakan oleh Zul-Qarnayn:

قَالَ هَٰذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّي ۖ فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءَ ۖ وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا ﴿٩٨﴾

"Dan apabila tiba janji Tuhanku Dia akan jadikannya hancur lebur dan sesungguhnya janji Tuhanku itu adalah benar."(98)

Ayat ini tidak menyebut satu zaman yang tertentu, dan yang dimaksudkan dengan janji Allah ialah janji-Nya untuk menghancurkan tembok itu yang mungkin telah pun berlaku sejak serangan kaum Tatar yang telah menyerbu dunia dan menghancurkan berbagai-bagai kerajaan.

Di tempat yang lain di dalam Surah al-Anbiya' (Al-Qur'an menyebut):

حَتَّىٰ إِذَا فُتِحَتْ يَأْجُوجُ وَمَأْجُوجُ وَهُم مِّن كُلِّ حَدَبٍ يَنسِلُونَ ﴿٩٦﴾ وَاقْتَرَبَ الْوَعْدُ الْحَقُّ

"Hingga sampai waktu dibukakan (tembok) Ya'juj dan Ma'juj dan mereka turun dengan cepat dari seluruh tempat yang tinggi dan (di waktu itu) janji Allah yang benar telah menghampiri."

(Surah al-Anbiya': 96-97)

Ayat ini juga tidak menyebut satu zaman yang tertentu, bilakah keluarnya kaum Ya'juj dan Ma'juj itu? Kedekatan janji Allah yang benar itu bererti kedekatan hari Qiamat itu telah pun berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Di dalam Al-Qur'an pernah diterangkan:

"Qiamat telah dekat dan bulan telah terbelah."

(Surah al-Qamar: 1)

Zaman dalam kiraan Ilahi berlainan dari zaman dalam kiraan manusia. Mungkin di antara kedekatan masa Qiamat dengan masa berlakunya Qiamat itu diselangi oleh berjuta-juta tahun atau abad, dan tentulah masa yang selanjut itu difikir oleh manusia sebagai masa yang amat lama sekali, tetapi di sisi Allah masa yang sepanjang itu hanya merupakan satu kelipan masa yang pendek sahaja.

Jadi, mungkinlah tembok itu telah pun dibuka di antara masa kedekatan Qiamat dengan zaman kita sekarang ini dan serangan-serangan bangsa Monghul dan Tatar itulah yang merupakan penyerbuan kaum Ya'juj dan Ma'juj.

Di sana ada sebuah hadith sahih yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dari Sufyan ath-Thauti dari 'Urwah dari Zainab binti Jahsy - isteri Rasulullah s.a.w. - katanya: Rasulullah s.a.w. terjaga dari tidur dengan wajah yang merah sambil bersabda:

ويل للعرب من شر قد اقترب . فتح اليوم من ردم
يأجوج ومأجوج مثل هذا

"Celakalah bagi bangsa Arab dari satu malapetaka yang telah hampir. Tembok Ya'juj dan Ma'juj telah pun dibuka pada hari ini seperti (dua jari) ini"

lalu beliau membuat bulatan (dengan jari telunjuk dan ibu jarinya), lalu aku pun bertanya: "Wahai Rasulullah! Apakah kita akan binasa, sedangkan dalam kalangan kita ada orang-orang yang soleh?" Jawab beliau:

نعم! إذا كثر الخبيث

"Ya, jika banyak dilakukan amalan-amalan yang keji."

Mimpi ini telah berlaku sejak lebih dari tiga belas abad setengah yang lampau (kini empat belas abad) dan serangan-serangan Tatar telah pun berlaku selepas itu, di mana kerajaan Arab telah dihancurkan dengan kehancuran kerajaan khalifah 'Abbasiyah di tangan Hulagu di zaman pemerintahan al-Mu'tasim pemerintahan 'Abbasiyah yang terakhir. Mungkin inilah ta'bir mimpi Rasulullah s.a.w. Allah jua yang mengetahui perkara ini dan segala apa yang kita katakan itu hanya satu kemungkinan yang kuat bukannya pasti.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 99 - 102)

Kemudian marilah kita kembali kepada ayat-ayat surah ini, di mana kita dapati pernyataan Zul-Qarnayn tentang janji Allah yang benar itu diiringi pula dengan sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat.

وَتَرَكْنَا بَعْضَهُمْ يَوْمَئِذٍ يَمُوجُ فِي بَعْضٍ ۖ وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَجَمَعْنَاهُمْ جَمْعًا ﴿٩٩﴾

وَعَرَضۡنَا جَهَنَّمَ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡكَٰفِرِينَ عَرۡضًا ١٠٠ ٱلَّذِينَ كَانَتۡ أَعۡيُنُهُمۡ فِي غِطَآءٍ عَن ذِكۡرِي وَكَانُواْ لَا يَسۡتَطِيعُونَ سَمۡعًا ١٠١

"Dan pada hari itu (Qiamat) Kami membiarkan mereka (manusia) bercampurbaur satu sama lain dan sangkakala pun ditiup lalu Kami kumpulkan mereka dalam perhimpunan (yang teratur)(99). Dan pada hari itu Kami memperlihatkan Neraka kepada orang-orang kafir dengan sejelas-jelasnya(100). Iaitu orang-orang yang tertutup mata mereka dari mengingati-Ku dan mereka tidak berupaya mendengar."(101)

Itulah pemandangan yang melukiskan harakat perhimpunan umat manusia dari berbagai-bagai warna, bangsa dan negara yang terdiri dari setiap generasi, masa dan zaman. Mereka dibangkit dari kubur-kubur mereka berselerak, bercampurbaur dan bersesak-sesak tanpa peraturan dan tanpa perhatian. Mereka bertolak-tolak dan bercampur-aduk seperti ombak di laut. Kemudian tiupan sangkakala untuk mengumpul dan mengatur mereka dibunyikan:

وَنُفِخَ فِي ٱلصُّورِ فَجَمَعۡنَٰهُمۡ جَمۡعٗا ٩٩

"Dan sangkakala pun ditiup lalu Kami kumpulkan mereka dalam perhimpunan (yang teratur)."(99)

Maksudnya, mereka berada di dalam barisan yang teratur.

Adapun orang-orang kafir yang telah berpaling dari Zikrullah sehingga seolah-olah mata mereka tertutup dan pendengaran mereka tersumbat, maka mereka akan didedahkan kepada Neraka Jahannam dan mereka tidak akan dapat menghindarkan diri darinya sebagaimana mereka telah menghindarkan diri dari Zikrullah. Pada hari ini mereka tidak berupaya menghindarkan diri. Penutup mata mereka telah pun ditanggalkan dan kini mereka dapat melihat akibat penolakan dan kebutaan mereka sebagai balasan yang setimpal.

Pengungkapan ayat ini menyeimbangkan di antara penolakan Zikrullah dengan pendedahan Neraka dan menjadikannya dua perkara yang setanding dalam pemandangan dan harakat mengikut kaedah perimbangan yang seni di dalam Al-Qur'an.

Kemudian penandingan itu diiringi dengan kecaman yang pedih dan ejekan yang pahit:

أَفَحَسِبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَن يَتَّخِذُواْ عِبَادِي مِن دُونِيٓ أَوۡلِيَآءَۚ إِنَّآ أَعۡتَدۡنَا جَهَنَّمَ لِلۡكَٰفِرِينَ نُزُلٗا ١٠٢

"Apakah orang-orang yang kafir itu menyangka bahawa mereka boleh mengambil hamba-hamba-Ku sebagai pelindung-pelindung selain dari-Ku, sesungguhnya Kami telah pun menyediakan Neraka Jahannam kepada orang-orang yang kafir sebagai tempat keraian."(102)

Maksudnya, apakah orang-orang kafir itu berfikir bahawa mereka boleh menjadikan makhluk-makhluk Allah yang tunduk kepada-Nya itu sebagai penolong-penolong mereka selain dari Allah, iaitu mereka boleh menolong mereka dari 'azab Allah dan mempertahankan mereka dari kekuasaan Allah? Jika begitu silalah terima akibat fikiran ini:

إِنَّآ أَعۡتَدۡنَا جَهَنَّمَ لِلۡكَٰفِرِينَ نُزُلٗا ١٠٢

"Sesungguhnya Kami telah pun menyediakan Neraka Jahannam kepada orang-orang yang kafir sebagai tempat keraian."(102)

Amboi hebatnya tempat keraian yang disediakan untuk menyambut mereka. Ia tidak memerlukan susah payah dan menunggu kerana ia telah pun siap sedia menunggu para tamu yang kafir.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 103 - 108)

Kemudian surah ini ditamatkan dengan nada-nada pernyataan terakhir yang mengintisarikan garis-garis panduannya yang banyak dan menggabungkan berbagai-bagai nada pernyataannya yang lain.

Nada kenyataan pertama memperkatakan tentang nilai-nilai dan ukuran-ukuran menurut istilah orang-orang yang sesat dan menurut istilah yang sebenar, iaitu nilai-nilai amalan dan nilai-nilai peribadi.

Orang-orang Yang Tertipu Dengan Amalan-amalan Yang Sesia

قُلۡ هَلۡ نُنَبِّئُكُم بِٱلۡأَخۡسَرِينَ أَعۡمَٰلًا ١٠٣ ٱلَّذِينَ ضَلَّ سَعۡيُهُمۡ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَهُمۡ يَحۡسَبُونَ أَنَّهُمۡ يُحۡسِنُونَ صُنۡعًا ١٠٤ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمۡ وَلِقَآئِهِۦ فَحَبِطَتۡ أَعۡمَٰلُهُمۡ فَلَا نُقِيمُ لَهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ وَزۡنٗا ١٠٥

"Katakanlah: Adakah kamu suka Kami memberitahu kepada kamu tentang orang-orang yang paling rugi (amalan-amalan mereka)?(103). Iaitu orang-orang yang seluruh usaha mereka di dalam kehidupan dunia sia-sia sahaja, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka telah melakukan amalan-amalan yang baik(104). Merekalah orang-orang yang tidak mempercayai ayat-ayat Allah Tuhan mereka dan pertemuan mereka dengan-Nya lalu sia-sialah amalan-amalan mereka, oleh itu Kami tidak akan memberi apa-apa penilaian terhadap mereka."(105)

قُلۡ هَلۡ نُنَبِّئُكُم بِٱلۡأَخۡسَرِينَ أَعۡمَٰلًا ١٠٣

"Katakanlah: Adakah kamu suka Kami memberitahu kepada kamu tentang orang-orang yang paling rugi (amalan-amalan mereka)?"(103)

Maksudnya, tiada orang lain yang lebih rugi dari mereka.

ٱلَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا

"Iaitu orang-orang yang seluruh usaha mereka di dalam kehidupan dunia sesia sahaja"(104)

kerana usaha-usaha itu tidak membawa mereka kepada hidayat dan tidak membawa mereka kepada sesuatu faedah atau matlamat.

وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾

"Sedangkan mereka menyangka bahawa mereka telah melakukan amalan-amalan yang baik."(104)

Oleh sebab mereka terlalai, mereka tidak sedar bahawa usaha-usaha mereka sia-sia dan hilang percuma. Mereka terus melakukan usaha-usaha yang sesia dan sesat itu dan menghabiskan masa hidup mereka dengan percuma.

Katakanlah, apakah kamu suka kami menerangkan kepada kamu siapakah gerangan orang-orang itu?

Setelah merangsangkan rasa ingin tahu dan keghairahan menunggu hingga ke tahap ini, barulah didedahkan hakikat mereka:

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ وَلِقَآئِهِۦ فَحَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ

"Merekalah orang-orang yang tidak mempercayai ayat-ayat Allah Tuhan mereka dan pertemuan mereka dengan-Nya lalu sia-sialah amalan-amalan mereka."(105)

Asal kata (حبطت) bererti penyakit kembung perut yang dihidapi binatang ternakan apabila ia termakan sejenis rumput yang beracun, dan penyakit ini boleh membawa maut kepada binatang itu. Kata-kata ini amat sesuai untuk menggambarkan amalan-amalan yang sia-sia. Ia kelihatan kembung dan mengelembung besar menyebabkan para pelakunya menyangka bahawa amalan-amalan itu benar-benar baik, berjaya dan menguntungkan tetapi tiba-tiba akhirnya ia membawa kepada kebinasaan:

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ وَلِقَآئِهِۦ فَحَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ فَلَا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ وَزْنًا ﴿١٠٥﴾

"Merekalah orang-orang yang tidak mempercayai ayat-ayat Allah Tuhan mereka dan pertemuan mereka dengan-Nya lalu sia-sialah amalan-amalan mereka, oleh itu Kami tidak akan memberi apa-apa penilaian terhadap mereka."(105)

Maksudnya, mereka dipersampahkan begitu sahaja. Mereka tidak diberikan sebarang nilai dan pertimbangan di dalam neraca nilai-nilai yang sebenar "Pada hari Qiamat" dan mereka akan memperolehi balasan mereka yang sebenar:

ذَٰلِكَ جَزَآؤُهُمْ جَهَنَّمُ بِمَا كَفَرُوا۟ وَٱتَّخَذُوٓا۟ ءَايَٰتِى وَرُسُلِى هُزُوًا ﴿١٠٦﴾

"Orang-orang yang sedemikian, balasan mereka ialah Neraka Jahannam kerana mereka tidak beriman dan menjadikan ayat-ayat-Ku dan para rasul-Ku sebagai bahan ejekan."(106)

Keseimbangan pemandangan itu disempurnakan dengan menayangkan pula daun neraca orang-orang Mu'min dan nilai-nilai mereka dalam pertimbangan amalan itu:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنَّٰتُ ٱلْفِرْدَوْسِ نُزُلًا ﴿١٠٧﴾

خَٰلِدِينَ فِيهَا لَا يَبْغُونَ عَنْهَا حِوَلًا ﴿١٠٨﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan memperolehi taman-taman Syurga al-Firdaus sebagai tempat keraian(107). Di mana mereka (tinggal) kekal abadi di dalamnya dan tidak ingin lagi berpindah darinya."(108)

Tempat-tempat kediaman dalam taman-taman Syurga Firdaus itu ditandingkan dengan tempat-tempat keraian di dalam Neraka Jahannam. Alangkah jauh bezanya.

Ungkapan:

لَا يَبْغُونَ عَنْهَا حِوَلًا ﴿١٠٨﴾

"Mereka tidak ingin lagi berpindah darinya"(108)

mengandungi satu tarikan perhatian yang seni dan mendalam kepada tabi'at jiwa manusia dan perasaan mereka terhadap sesuatu keni'matan. Perhatian ini memerlukan kita berhenti sebentar untuk meneliti pengertiannya yang halus dan mendalam itu.

Mereka akan tinggal kekal abadi di dalam taman-taman Syurga Firdaus itu, tetapi tabi'at jiwa manusia selalu berubah-ubah, cepat jemu dan bosan berada dalam satu keadaan dan tetap dalam satu tempat. Apabila ia yakin sesuatu keni'matan itu tidak akan berubah dan habis, maka perasaan halobanya akan hilang dan apabila ia terus berada dalam satu keadaan yang sama, maka ia akan merasa jemu,malah mungkin merasa bosan dan ingin lari darinya.

Apakah Manusia Akan Dilanda Perasaan Jemu Dan Bosan Dalam Syurga?

Itulah tabi'at semulajadi manusia yang dijadikan Allah kerana satu hikmat yang tinggi yang sesuai dengan tugas khilafahnya di muka bumi ini dan secucuk dengan peranannya am di dalam urusan khalifah itu, kerana peranan ini memerlukan kepada tindakan-tindakan mengubahkan keadaan-keadaan hidup dan memajukannya hingga sampai ke tahap kesempurnaan yang telah ditetapkan kepada manusia di dalam ilmu Allah. Oleh sebab itulah fitrah manusia ditanamkan dengan tabi'at yang mengingini perubahan dan pertukaran, tabi'at ingin menerokai dan mengetahui, tabi'at ingin berpindah-pindah dari satu keadaan ke satu keadaan, dari satu tempat ke

satu tempat, dari satu pemandangan ke satu pemandangan dan dari satu peraturan kepada satu peraturan yang lain supaya manusia terus maju ke depan mengubahkan keadaan hidup mereka, terus menerokai kawasan-kawasan bumi yang majhul, terus menciptakan peraturan-peraturan untuk mengaturkan masyarakat dan terus merekakan bentuk-bentuk benda yang baru. Di sebalik perubahan, penerokaan dan ciptaan itu, kehidupan mereka akan bertambah maju, berkembang dan sedikit demi sedikit akan sampai ke tahap kesempurnaan yang telah ditentukan untuk mereka di dalam ilmu Allah.

Begitu juga di dalam tabi'at semulajadi manusia ditanam para nostalgia kepada yang lama, kasih kepada kebiasaan dan keinginan memelihara adat, tetapi penanaman perasaan-perasaan itu adalah pada kadar yang tidak melumpuhkan proses perkembangan dan ciptareka, tidak menghalangi kehidupan dari kemajuan dan peningkatan dan tidak membawa fikiran-fikiran dan peraturan-peraturan kepada kejumudan dan kebekuan, malah perasaan-perasaan itu hanya sekadar memberi pertahanan yang dapat menjaminkan imbangan di antara kejumudan dan kemaraan yang terburu-buru. Apabila imbangan itu rosak dan kejumudan itu menguasai keadaan di dalam mana-mana masyarakat, maka pemberontakan akan tercetus menolak roda kehidupannya dengan begitu kuat hingga kadang-kadang melampaui batas kesederhanaan. Sebaik-baik masa ialah masa-masa terlaksananya perimbangan di antara kekuatan menolak dan kekuatan menarik dan perimbangan di antara dorongan-dorongan dan kawalan-kawalan di dalam sistem hidup.

Apabila kebekuan dan kejumudan menguasai, maka itulah tanda kemerosotan dorongan-dorongan hidup dan itulah alamat kematian di dalam kehidupan individu dan kehidupan masyarakat.

Inilah tabi'at semujadi yang sesuai dengan khilafah manusia di bumi. Adapun di dalam "Syurga" selaku negeri yang sempurna, maka tabi'at semulajadi ini tidak lagi berfungsi. Andainya jiwa manusia masih kekal dengan tabi'at semulajadinya yang wujud di bumi ini dan terus hidup begitu di dalam kehidupan Syurga yang kekal abadi, yang tidak dikhuatirkan habis itu, kehidupan yang tidak akan berubah kepada mereka dan mereka tidak akan dapat terhindar darinya, maka sudah tentu kehidupan yang penuh ni'mat itu akan bertukar menjadi Neraka kepada jiwa manusia selepas dilalui masa yang tertentu dan sudah tentu Syurga akan berubah menjadi penjara kepada para penghuninya, di mana mereka bercita-cita untuk melarikan diri sebentar darinya walaupun ke Neraka demi untuk memuaskan keinginan kepada perubahan dan pertukaran.

Tetapi Allah Pencipta jiwa manusia yang amat mengetahui dengan segala rahsianya itu telah mengubahkan segala keinginan mereka (di Akhirat kelak), di mana mereka tidak lagi ingin berpindah dari Syurga seimbang dengan keabadian (keni'matan Syurga) yang tidak akan berubah dan habis itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 109 - 110)

Nada pernyataan yang kedua pula menggambarkan ilmu pengetahuan manusia yang terbatas dibandingkan dengan ilmu Allah yang tidak terbatas. Ia mendekatkan gambaran itu kepada kefahaman manusia dengan mengemukakan satu contoh yang nyata mengikut kaedah Al-Qur'an yang mengungkapkan sesuatu dengan ilustrasi:

قُل لَّوْ كَانَ الْبَحْرُ مِدَادًا لِّكَلِمَاتِ رَبِّي لَنَفِدَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَن تَنفَدَ كَلِمَاتُ رَبِّي وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِ مَدَدًا ﴿١٠٩﴾

"Katakanlah jika seluruh lautan itu dijadikan tinta untuk dicatatkan kalimat-kalimat Tuhanku nescaya akan habislah lautan itu sebelum habis dicatatkan segala kalimat Tuhanku walaupun sebanyak itu lagi Kami membawa tinta tambahan."(109)

Lautan merupakan kawasan yang paling luas yang diketahui manusia dan manusia menggunakan dakwat apabila hendak menulis atau merakamkan ilmu pengetahuan mereka, yang mereka anggap amat banyak itu.

Ayat ini menayangkan lautan yang luas itu dalam bentuk dakwat untuk mereka tuliskan kalimat-kalimat Allah yang menunjukkan ilmu-Nya, tetapi lautan itu telah kehabisan, sedangkan kalimat-kalimat Allah masih belum lagi habis, kemudian ditambahkan lagi dengan sebuah lautan yang sama, tetapi lautan ini juga kehabisan, sedangkan kalimat-kalimat Allah masih lagi menunggu dakwat.

Dengan gambaran dan harakat fizikal ini dapat mendekatkan kepada kefahaman manusia yang terbatas sesuatu konsep yang tidak terbatas dan bandingannya dengan konsep yang terbatas walau seberapa besar dan luas sekalipun.

Sesuatu konsep umum yang abstrak akan kekal kabur dan tidak jelas dalam kefahaman manusia sehingga ia digambarkan dalam bentuk yang boleh dilihat walaupun setinggi mana daya pemikiran abstrak yang dikurniakan kepada akal manusia, namun dia masih memerlukan kepada penggambaran konsep-konsep yang abstrak itu dalam bentuk gambaran-gambaran dan rupa-rupa yang nyata dan dalam bentuk ciri-ciri dan contoh-contoh. Itulah keadaan akal manusia dalam memahami konsep-konsep abstrak mengenai sesuatu yang terbatas, apatah lagi mengenai sesuatu yang tidak terbatas.

Perbandingan Ilmu Allah Dan Ilmu Manusia

Justeru itu Al-Qur'an mengemukakan berbagai-bagai contoh perbandingan kepada manusia dan mendekatkan konsep-konsepnya yang besar kepada hati mereka dengan meletakkan konsep-konsep itu di dalam berbagai-bagai gambaran dan pemandangan,

berbagai bentuk yang nyata yang mempunyai komponen-komponen, ciri-ciri dan rupa-rupa tertentu seperti contoh perbandingan ayat ini.

Lautan dalam contoh perbandingan ayat ini menggambarkan ilmu pengetahuan manusia yang dianggap amat luas dan banyak, namun demikian ilmu pengetahuan itu amat terbatas, sedangkan kalimat-kalimat Allah pula menggambarkan ilmu Ilahi yang tidak terbatas, di mana hujung sutnya tidak diketahui manusia, malah mereka tidak berupaya untuk menerima dan merakamkan ilmu itu apatah lagi untuk menandinginya.

Kadang-kadang manusia dipengaruhi perasaan angkuh apabila mereka berjaya mengetahui sebahagian rahsia-rahsia diri mereka dan alam sejagat, kerana dimabukkan oleh kejayaan ilmiyah dan mereka merasa bahawa mereka telah mengetahui segala-galanya atau berada di tengah jalan ke arah itu.

Tetapi sebenarnya bahagian (rahsia-rahsia alam) yang majhul masih berada di hadapan mereka dengan ufuk-ufuknya yang jauh dan sayup saujana tidak terbatas. Mereka hanya baru sahaja berada beberapa langkah di tepi pantai, sedangkan lautan di hadapan mereka lebih jauh dari kaki langit yang dilihat oleh mata mereka.

Bahagian ilmu Allah yang dapat diterima dan dirakamkan oleh manusia adalah amat sedikit, kerana bahagian ini hanya menggambarkan nisbah ilmu yang terbatas dibandingkan kepada ilmu yang tidak terbatas.

Manusia bebas mengetahui apa yang dapat diketahuinya dan bebas menerokakan rahsia-rahsia alam buana yang dapat diterokakan mereka, tetapi hendaklah mereka tundukkan kepala mereka dan jangan merasa takbur dengan ilmu pengetahuan mereka, kerana setinggi yang dapat dicapai oleh ilmu pengetahuan mereka ialah sebanyak yang dapat ditulis mereka dengan menggunakan lautan sebagai dakwat namun lautan itu akan kehabisan, sedangkan kalimat-kalimat Allah masih belum kehabisan dan andainya Allah menambahkan sebuah lautan lagi yang sama dengannya, maka lautan ini juga akan kehabisan, sedangkan kalimat-kalimat Allah masih belum kehabisan.

Dalam suasana pemandangan ini, di mana ilmu pengetahuan manusia kelihatan amat sedikit, di sinilah bergemanya nada pernyataan yang ketiga dan terakhir di dalam surah ini menggambarkan kemuncak ufuk bagi manusia, iaitu ufuk kerasulan yang sempurna, namun demikian ufuk ini masih kelihatan amat dekat dan terbatas dibandingkan dengan ufuk tertinggi (ufuk Ilahi) yang tidak dapat dijangkau oleh mata manusia:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ

فَمَن كَانَ يَرْجُوا۟ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَٰلِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدًۢا ﴿١١٠﴾

"Katakanlah: Aku hanya seorang manusia seperti kamu sahaja yang telah diwahyukan kepadaku bahawa Allah Tuhan kamu itu adalah Tuhan yang Maha Esa. Oleh itu barang siapa yang mengharapkan pertemuan dengan Tuhannya, maka hendaklah dia mengerjakan amalan yang soleh dan janganlah dia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadat kepada Tuhannya."(110)

Itulah ufuk Uluhiyah Yang Maha Tinggi yang tidak dapat dibandingkan dengan ufuk kerasulan, namun demikian, ufuk kerasulan merupakan ufuk-ufuk yang dapat dicapai oleh manusia:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَيَّ

"Katakanlah: Aku hanya seorang manusia seperti kamu sahaja yang telah diwahyukan kepada aku."(110)

Maksudnya, aku hanya seorang manusia yang menerima perutusan dari ufuk yang Maha Tinggi, seorang manusia yang mencebak dari sumber yang tak kunjung kering, seorang manusia yang tidak pernah melewati batas hidayat yang diterima dari Allah Tuhannya, seorang manusia yang belajar kemudian mendapat ilmu kemudian mengajar ilmu itu kepada orang lain. Oleh sebab itu sesiapa yang ingin mendampingkan dirinya kepada Allah Yang Maha Tinggi, maka hendaklah dia mengambil manfaat dari ilmu pengetahuan yang diambil dari Rasulullah yang telah menerima perutusan dari Allah dan hendaklah dia menggunakan sarana ini kerana di sana tiada sarana yang lain darinya:

فَمَن كَانَ يَرْجُوا۟ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَٰلِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدًۢا ﴿١١٠﴾

"Oleh itu barang siapa yang mengharapkan pertemuan dengan Tuhannya, maka hendaklah dia mengerjakan amalan yang soleh dan janganlah dia mempersekutukan sesiapa pun di dalam ibadat kepada Tuhannya."(110)

Inilah pasport kepada pertemuan yang amat besar itu.

* * * * * *

Demikianlah surah yang dimulakan dengan penerangan mengenai wahyu dan tauhid diakhiri dengan nada-nada pernyataan yang mendalam dan syumul sehingga sampai ke kemuncaknya, dan di sinilah berkumandangnya sebuah nada pernyataan yang sempurna dan mendalam ini, iaitu sebuah nada yang menjadi tapak asas seluruh rentak bunyi di dalam lagu 'aqidah yang agung.